



**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
4621]**

USUL:

**Act Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966 [Ruangan
4648]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

**Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ketiga)—
Kepala B. 12 [Ruangan 4649]**

UCHAPAN PENANGGOHAN:

**Kekurangan Kemudahan² di-Kampong Kasipillay [Ruangan
4721]**



MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Rabu, 7hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Y.B. DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia, TAN SRI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara)
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).

Yang Berhormat TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).

„ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T.
(Kuala Trengganu Utara).

„ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

„ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH,
A.M.N., S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).

„ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).

„ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, P.J.K. (Bentong).

„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K., J.P.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Pulau Pinang Selatan).

„ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

Yang Berhormat DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

- „ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ [TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Petani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

„ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).

„ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

„ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).

„ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).

„ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K., (Bagan Datoh).

„ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).

„ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

„ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).

„ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).

„ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

„ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.
(Sabah).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N.
(Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MENGADAKAN PENDAFTARAN OTOMATIK KAPADA PENGUNDI²

1. Dr Lim Chong Eu [*di-bawah S.O.*
24 (2)] bertanya kepada Perdana Menteri kenapa Kerajaan mengambil masa lebih daripada tiga tahun untuk memutuskan sama ada hendak mengadakan pendaftaran automatik kepada semua pengundi yang boleh mengundi dan ada-kah Kerajaan sudah membuat

satu keputusan atas perkara ini, jika sudah, apa-kah keputusan itu, jika belum, kenapa.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, pehak Election Commission belum lagi menyediakan penyata-nya dan belum lagi menghantar penyata-nya kepada pehak Kerajaan (Kabinet); dan dengan sebab itu-lah Kerajaan tidak dapat hendak membuat apa² keputusan di-atas perkara ini.

Saya di-beritahu Election Commission sekarang sedang menyediakan penyata-nya dan akan menyerahkan penyata-nya kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi.

LAWATAN PROFESSOR ARNOLD TOYNBEE KA-MALAYSIA

2. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Perdana Menteri apa-kah tujuan lawatan Professor Sejarah, Arnold Toynbee ka-Malaysia baharu² ini dan ada-kah benar bahawa dia telah mengadakan rundingan khas dengan pemimpin² Kerajaan berkenaan dengan penubuhan ASA dan ASEAN, dan jika benar, dapat-kah Kerajaan menceritakan, sa-kadar yang boleh butir² rundingan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Professor Arnold Toynbee telah membuat lawatan bersendirian, atau *private* ka-Malaysia daripada 21hb hingga 22hb Disember. Dia singgah di-sini dari lawatan-nya ka-negeri Jepun, dan sa-tahu saya Professor Arnold Toynbee ini tidak membuat apa² perjumpaan dengan wakil² Kerajaan, akan tetapi dia ada-lah berkata bahawa dalam negara yang berkeadaan sekarang ini, ia-itu dalam zaman advance technology, ia-itu kemajuan teknologi, teknologi yang sangat tinggi, mustahak-lah negara² menguatkan kerjasama di-antara satu dengan lain supaya dapat mereka itu menguatkan iktisad mereka itu.

WANG DERMA DARI MALAYSIA UNTUK MANGSA² PERANG ARAB

3. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa sejak perang Arab dengan Israel pada bulan Jun yang lalu, wang² derma telah di-pungut di-Malaysia untuk mangsa² perang Arab ini;
- (b) ada-kah wang² ini telah dihantar terus kepada pihak Arab atau pun kepada Persatuan Palang Merah Antara Bangsa di-mana wang² ini akan di-bahagi² antara orang² Arab dan orang² Israel;
- (c) jika wang ini telah di-hantar kepada Persatuan Palang Merah Antara Bangsa, ada-kah ini bermakna bahawa Malaysia mem-

bantu Israel dengan wang yang di-dermakan oleh ra'ayat Malaysia yang konon-nya untuk membantu orang² Arab dan orang² Islam sahaja.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, satu Jawatan-kuasa Khas diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Haji Hussein bin Noordin telah dibentuk untuk memungut derma bagi orang² Arab yang terkorban di-sebabkan oleh peperangan di-Timor Tengah. Tetapi oleh sebab badan ini ia-lah satu badan bersendirian (*private*) dan Kerajaan tidak langsung ada campor tangan dalam-nya, Kerajaan tidak-lah mengetahui berapa banyak derma yang telah di-pungut, tetapi saya telah diberi tahu bahawa wang yang telah di-pungut oleh Jawatan-kuasa ini telah dihantar ka-Kaherah untuk di-pergunakan oleh satu pertubuhan Islam yang bernama *The Crescent*.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan daripada jawapan Timbalan Perdana Menteri tadi apa-kah tidak ada sa-bahagian daripada wang itu dihantar kepada Palang Merah Antara Bangsa yang ada di-Kaherah atau di-mana².

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, di-sebab oleh Jawatan-kuasa² ini *private*, saya sa-benar-nya tidak tahu hal ini. Yang saya di-beri tahu hanya-lah wang itu telah dihantar kepada satu Badan yang dinamakan *The Crescent* di-Kaherah.

RUNDINGAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DENGAN MR E. G. WHITLAM, KETUA PARTI PEMBANGKANG, AUSTRALIA

4. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Timbalan Perdana Menteri ada-kah benar bahawa beliau serta Menteri Kewangan telah mengadakan rundingan dengan Ketua Parti Pembangkang Australia, Tuan E. G. Whitlam, dan jika benar, dapat-kah beliau menceritakan tajok² yang telah di-bincangkan.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya Ketua Peihak Pembangkang Australia, Tuan E. G. Whitlam telah datang ka-Malaysia dan telah berjumpa dengan Menteri Kewangan dan saya sendiri dan telah mengadakan perundingan dalam perkara² 'am, perkara² yang berkaitan diantara Australia dan Malaysia.

PURCHASE OF V.H.F. AND V.H.F.A.M. EQUIPMENT IN 1965 AND THEIR USE

5. Dr Tan Chee Khoon (Batu) asks the Minister of Home Affairs to state:

- (a) why 43 sets of V.H.F. multi-channel equipment costing \$87,371 and 12 sets of Pye V.H.F.A.M. 253 6-channel equipment costing \$22,200 which were purchased in December 1965 were found in stock in August 1966 although in the former case the voucher in which payment was made had been certified to the effect that the equipment had been issued for immediate use; and
- (b) whether he is also aware that of the 12 sets Pye V.H.F. sets only 10 were installed in vehicles in October 1966 and what has happened to the other two sets; whether he will put an immediate end to such instances of wanton waste of public funds.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab dalam Bahasa Inggeris. This question has been culled from the Report of the Auditor-General, Malaysia, on the Accounts of the Federal Government for the year ending 31st December, 1965, and since the Report will be scrutinised by the Public Accounts Committee which has been appointed by this House, it would not be fair to prejudice the deliberations of that Committee by answering this question.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, I know the Honourable Assistant

Minister of Home Affairs is the President of the M.C.A., namely, the Malayan Cricket Association. He has neatly turned what looked like a straight-forward ball into a four by slipping it through the slips by side-stepping the issue and saying that the issue will be investigated by the Public Accounts Committee and, therefore, it is not proper for him to give a proper answer to this House. Mr Speaker, Sir, is the Honourable Assistant Minister aware that I have asked many questions based on the Report of the Auditor-General, Malaysia, on the Accounts of the Federal Government for 1965 and other Ministers have given me replies? I do not see why the Ministry of Home Affairs should not do so; perhaps it may have something to hide within the "slips".

Tuan Yang di-Pertua: I do not think it is fair for you to impute improper motives from that answer.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, my question is a straight-forward question, and I would be very grateful, if the Honourable Assistant Minister of Home Affairs will give a straight-forward answer. The issue is a very simple one: (a) why were the 12 sets not used as certified in the voucher for payment, and (b) why has there been such a long delay in their use—that is all.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Mr Speaker, Sir, when we play cricket by the rules we must answer this question by the rules too. As I stated just now, the matter is going to be deliberated upon by the Public Accounts Committee and it will not be fair and proper for this House at this stage to touch on this matter.

Tuan Yang di-Pertua: That is L.B.W., I think (*Laughter*).

Dr Tan Chee Khoon: Does it mean that the Honourable Assistant Minister wants us to tell this House, let the blighter wait till the Public Accounts Committee has deliberated on this?

KERUGIAN YANG DI-TANGGONG OLEH RA'AYAT MALAYSIA SEBAB PENURUNAN NILAI WANG LAMA

6. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) berapa jumlah kerugian yang ditanggung oleh ra'ayat Malaysia akibat penurunan nilai wang lama;
- (b) berapa jumlah kerugian yang dialami dalam tanaman² modal di-seberang laut; dan
- (c) apa-kah langkah² yang telah diambil untuk menutup kerugian tersebut, supaya membolehkan kita meneruskan rancangan² pembangunan negara kita.

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh): Tuan Yang di-Pertua, soalan (a) tidak-lah mungkin untuk menjangka berapa kerugian yang telah dialami oleh tiap² orang.

Jawapan kepada soalan (b) ia-lah Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyebut tentang perkara ini dalam Uchapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya tidak ada apa² yang hendak di-tambah lagi.

Jawapan (c) saya tidak nampak apa² yang boleh di-buat tentang perkara ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, dengan apa-kah di-ukor nilaian wang Malaysia yang baharu sa-telah menukar pound sterling itu?

Dr Ng Kam Poh: Tanya lagi sa-kali saya tidak dengar.

Tuan Ahmad bin Arshad: Dengan apa-kah di-ukor nilaian wang Malaysia yang baharu itu sa-telah kita menukar pound sterling itu?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah saya mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh!

Dr Ng Kam Poh: Our new currency is measured in terms of gold. I think it is 0.290299 grammes of gold to one

Malaysian dollar. The old currency is equivalent to 2s. 4d. That is the difference.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, adakah betul kita hendak menukar ukoran nilai wang yang ada sekarang ini dengan wang ringgit Amerika?

Dr Ng Kam Poh: Itu soalan lain. Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya boleh jawab-lah: itu sulit-lah. (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri Muda Kewangan beri jaminan dalam Dewan ini dan kepada seluroh ra'ayat didalam negeri ini sa-telah ra'ayat merasa takut turun-nya nilai mata wang berlaku baharu² ini bahawa masa hadapan Kerajaan Perikatan tidak akan menurun lagi nilai mata wang-nya itu, sa-kira-nya di-turunkan dia akan menjamin memberi ganti balek pada ra'ayat. Saya minta jaminan itu.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, nilai wang lama-kah, nilai wang baharu? (*Ketawa*).

Tuan Mustapha bin Ahmad: Nilai wang baharu.

Dr Ng Kam Poh: Itu tidak, tidak! Sa-daya upaya-lah sa-boleh²-nya.

KEHILANGAN DUIT² SHILING DAN PINGAT² MALAYSIA

7. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan benar-kah bahawa duit² shiling dan Pingat² Malaysia berharga \$700,000 yang dipesan oleh Kerajaan Malaysia diberitakan telah hilang; jika benar, siapa-kah yang bertanggung-jawab kerana kehilangan itu dan ada-kah barang² itu telah di-pesan lagi.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya agak Ahli Yang Berhormat itu menyebut tentang kerugian sa-banyak 250 Pingat² Pangkuan Negara yang berharga kira² £450 yang di-tempah oleh Jabatan Perdana Menteri yang telah hilang dalam perjalanan

dari London ka-Malaysia. Kerugian ini telah di-ganti oleh Kiwang di-Raja British. Tidak ada duit Malaysia yang terlibat dalam kerugian ini.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham daripada pertanyaan Nombor 7 ini, sebab jawapan yang di-beri ada-lah masaalah medal, tetapi yang di-tanya di-sini ia-lah duit shiling. Jadi di-ikut sa-lain daripada pingat itu duit shiling, ada-kah termasuk duit shiling juga di-sini apa yang di-tanyakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara itu.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, soalan akan datang ada menjawab perkara shiling.

SEBAB² KEKURANGAN DUIT SHILING

8. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa kehilangan duit² shiling tersebut telah menyebabkan kekurangan duit² shiling sa-masa turun-nya nilai wang lama baharu² ini.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap bahawa soalan itu ia-lah ikutan dari soalan yang dahulu; kalau begitu, soalan ini tidak-lah sapatut-nya timbul, kerana saya telah pun menyatakan bahawa tidak ada duit yang terlibat dalam kerugian ini.

KERAJAAN² NEGERI YANG BERKURANGAN WANG MEM-BAYAR GAJI SA-LAIN DARIPADA KERAJAAN KELANTAN

9. Tuan Sulaiman bin Haji Taib bertanya kepada Menteri Kewangan sa-lain daripada Kerajaan PAS Negeri Kelantan yang telah kehabisan wang membayar gaji kakitangan-nya sa-lama dua tahun berturut-turut, ada-kah mana² Kerajaan Negeri lain yang telah mengalami keadaan seperti itu.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada Kelantan, negeri² Kedah dan Perlis ada juga mengalami kekurangan wang di-masa dua tahun yang lalu. Oleh sebab yang demikian, bantuan sa-chara pendahu-luan wang tunai terpaksa di-beri oleh

Kerajaan Persekutuan kepada ketiga² Negeri ini bagi menemui keperluan di-penghujong tiap² tahun.

SEBAB² KERAJAAN NEGERI KELANTAN BERKURANGAN WANG

10. Tuan Sulaiman bin Haji Taib bertanya kepada Menteri Kewangan ada-kah benar bahawa sebab Kerajaan Negeri Kelantan kekurangan wang ia-lah kerana Kerajaan Pusat memungut semua hasil Negeri Kelantan kechuali sedikit² hasil kechil sahaja, sa-bagaimana yang di-da'awa oleh sa-tengah² orang.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah benar bahawa Kerajaan Negeri Kelantan berkekurangan wang seperti mana yang di-tunjukkan oleh kira² tahun 1966, Negeri Kelantan telah mempergandakan kekurangannya sa-banyak lebih daripada \$5 juta pada penghujong tahun tersebut. Kekurangan tersebut akan berganda lagi pada akhir tahun 1967. Saya tidak dapat bersetuju bagaimana pun yang kekurangan ini ada-lah di-sebabkan oleh Kerajaan Persekutuan mengutip sa-tengah² hasil negeri. Ahli Yang Berhormat patut-lah ketahu² akan pembahagian puncha² hasil yang diterangkan dengan jelas-nya oleh Perlembagaan dalam Bahagian 3, Jadual kesepuluh menyatakan segala puncha² hasil yang di-bahagikan kepada Negeri². Ada-lah melanggar Perlembagaan bagi Kerajaan Persekutuan, menyalah² hak² Negeri dalam perkara ini atau yang lain². Oleh itu ada-lah sunggoh sia² sahaja kechaman yang telah di-buat itu.

Dr Lim Chong Eu: May I have your permission to ask the Honourable Assistant Minister of Finance whether from the experience of the Central Government *vis-a-vis*

Tuan Yang di-Pertua: Dia berchakap dalam Bahasa Kebangsaan, dan dia menjawab pun dalam Bahasa Kebangsaan.

Dr Lim Chong Eu: I ask for your permission, Sir. I feel that it might be very difficult for me as well as for the

Assistant Minister of Finance. Sir, from the experience of the Government with regard to the State of Kelantan and also of the other States mentioned in an earlier question, would the Central Government consider reviewing the Appendices in the Constitution on the question of sources of revenue, *vis-a-vis*, State allocations and State sources and Central sources, in order to provide the States which have diminishing sources of revenue greater facility of developing their own sources of revenue?

Dr Ng Kam Poh: Mr Speaker, Sir, many a time I have heard Members of the Opposition Benches saying that the Constitution is a sacred document and should not be amended. Here is somebody asking me whether I can amend the Constitution to provide facilities for States, whereby they can get more money. I think in all fairness to everyone, the State Government has its own rights and the Central Government has its own rights, and amending the Constitution would not be in the interests of both Governments.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan Menteri Muda tadi, nampak-nya sa-olah² berlainan daripada apa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong. Pertanyaan-nya ada-lah bagini: Apa-kah Kerajaan sedar atau tidak pengalaman² daripada tiap² Negeri yang kekurangan wang di-sebabkan puncha hasil dalam negeri sendiri terbatas, bahawa pada satu masa yang akan datang pehak Kerajaan Persekutuan akan memikirkan supaya mengadakan perubahan dalam soal puncha kehasilan negeri dengan perimbangan yang di-dapati oleh Kerajaan Pusat di-masa² yang akan datang tidak timbul masalaah-nya susah hendak pinda Perlembagaan, kalau benda itu dan ini, tidak. Tetapi apa-kah perkara itu menjadi satu masalaah yang terfikir oleh Kerajaan Pusat untuk membuat satu masa hadapan yang baik sa-hingga tidak timbul kesusahan² Kerajaan Negeri seluroh-nya, tidak hanya di-Kelantan.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Kerajaan Kelantan tidak boleh jaga wang Kerajaan Kelantan itu, maka sa-daya upaya-lah kita boleh menimbangkan dan menambahkan sedikit sa-banyak sahaja—itu boleh. Tetapi kita, Kerajaan Pusat tidak boleh-lah selalu menambahkan wang kepada Kerajaan Kelantan, atau Kerajaan Negeri yang lain.

Dr Lim Chong Eu: Sir, I did not ask the Honourable Assistant Minister of Finance personally to alter the Constitution. However, Sir, I do not think that the Government has no practice in the habit of amending the Constitution. However, the sanctity of the Constitution has been so completely destroyed by the Government by its repeated alterations to the Constitution, that I feel that the Government and the Honourable Assistant Minister could answer clearly whether or not the Government would consider looking into the position of amending the Constitution, in order to provide the States which have now limited sources of revenue, new sources of revenue, *vis-a-vis* the State and Federal Lists provided in the Constitution. Will the Government consider it, or will the Government not consider it?

Dr Ng Kam Poh (dengan izin): Mr Speaker, Sir, I cannot agree with the Honourable Member for Tanjong when he says that we have already destroyed the Constitution by amending it. However, his point of view is one, my point of view is the other—one man's meat is another man's poison. Nevertheless, we would consider giving extra money to the various State Governments which are in deficit, but we would not like to make it a constant affair where the State Governments come always begging the Central Government for money to help them out. They should develop sources of income from elsewhere, other than coming to the Central Government to ask for more money, and we do not encourage such practices, especially from Kelantan, seeing that Kelantan is a fairly big State and can be well developed and can run its own affairs very well.

Dr Lim Chong Eu: Sir, apart from the State of Kelantan, it must be quite clear to the Honourable Assistant Minister that all Federal revenues exist simply by virtue of the Agreement which form the basis of our nation. Central revenue funds do not exist were it not for the existence of the States previously. Therefore, Sir, we feel that the Government should give consideration to this question of reviewing the relative State and Federal Lists, in order to provide States which have no sources of revenue—potential other sources of revenue in the future—in order to avoid just the position which a State like Kelantan has got into. If a State like Kelantan with its potential natural resources can get itself into financial difficulties and other States like the State of Kedah and the State of Perlis, which have been mentioned also, can also get into this position—whilst it is true that at the present moment States like Penang and Malacca, by good management according to the words of the Minister of Finance, manage to get along—I hope that the Central Government will realise that this is a very important matter and that in order to allow States to have an autonomy and a dignity of their own within the framework of the Federation of Malaysia, the Government should make it possible for the States to be viably financially. So, I urge the Government to seriously consider this question of a review of the sources of revenue *vis-a-vis* State and Central Governments I hope the Assistant Finance Minister will give either a reply in the affirmative or in the negative.

Mr Speaker: What is the supplementary question?

Dr Lim Chong Eu: Will the Honourable Assistant Minister of Finance tell this House whether Government will consider looking into this question of amending the Constitutional provisions, *vis-a-vis* the State and Federal Lists of Revenue, in order to ensure that the States will have sources of revenue, especially in those

States where potential sources of revenue are running low.

Dr Ng Kam Poh: Mr Speaker, Sir, after his long speech I have forgotten what he said at the beginning and also at the end. Nevertheless, I shall try my best. The Central Government is always willing to consider appeals for money by States—not to amend the Constitution—if they are really in a serious plight. But if they do not manage their finances properly, then the Treasury in particular will not encourage such appeals. I hope it is very clear to the Honourable Member for Tanjong and also to the Honourable Members from Kelantan.

PENGKALAN BOEING DI-KUALA LUMPUR

11. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah² yang sedang diambil bagi menjamin supaya sa-buah pengkalan Boeing di-Kuala Lumpur terbena oleh kerana Singapura sudah menjadi pengkalan Fokker Friendship dan tambahan pula mempunyai bangunan Ibu Pejabat baharu, dan juga jabatan² yang lain agar Malaysia mempunyai sa-kurang²-nya sa-buah pengkalan di-Kuala Lumpur supaya jika berlaku perpechahan, ini mungkin berlaku, sa-kurang²-nya Malaysia akan mempunyai sa-buah pengkalan-nya sendiri untuk terus menjalankan shariat penerbangan kita.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, pembenaan pengkalan Boeing Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura ini ada-lah merupakan perluasan daripada Pusat Kejuruteraan Comet-nya yang ada sekarang ini dan akan merupakan pengkalan-nya yang utama. Saperti yang saya telah sebutkan pada persidangan lalu, rancangan ini telah di-persetujukan supaya ditempatkan di-Singapura. Walau bagaimanapun kita sedang giat memikirkan kemungkinan membena kelengkapan kejuruteraan yang sesuai di-Malaysia ini.

PENERBANGAN LANGSUNG DI- ANTARA MALAYSIA TIMOR DENGAN MALAYSIA BARAT

12. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan boleh-kah:

- (a) penerbangan² langsung di-adakan antara Malaysia Timor dengan Malaysia Barat, tanpa melalui Singapura;
- (b) penerbangan murah di-kenakan dari Kuala Lumpur ka-Singapura dan pulang pada pukul 7 pagi dan 11 malam masing²-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mempelajari daripada segala segi chadangan ini, kerana perkara² ini berhubung dengan juga penumpang² yang datang dari Sarawak dan Sabah. Kalau Yang Berhormat pernah pun pergi ka-sana, tahu-lah banyak orang² daripada Sabah dan Sarawak singgah di-Singapura, sama ada hendak pergi Kuala Lumpur, atau hendak balek dari Kuala Lumpur, kerana membeli belah. Oleh kerana itu kena-lah perkara ini di-siasat daripada segala segi; kira-nya tidak menyenangkan, kira-nya merugikan, tentu-lah ta'dapat di-jalankan; kalau baik dan untong, tentu-lah kita akan ikhtiarkan perkhidmatan ini.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:

Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Soalan bahagian yang ke-12 (b) tadi saya suka memberi tahu, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar sekarang ini kesenangan yang di-beri chuma bagi penumpang² daripada Singapura sahaja, sebab di-adakan penerbangan daripada pukul 7.00 pagi daripada Singapura dan balek daripada Kuala Lumpur pukul 11.00 malam. Dan saya hendak tahu boleh-kah orang daripada Malaysia mendapat kesenangan penerbangan sa-bagaimana negeri Singapura juga daripada Kuala Lumpur ka-Singapura dan balek pada pukul 11.00 malam daripada Singapura ka-Kuala Lumpur dengan tidak membuang duit dudok di-hotel Singapura?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi, saya kata saya akan siasat kedua²

(a) dan (b) daripada segala segi. Sa-belum hendak di-chuba satu perkara itu tentu-lah kita chuba daripada tempat yang banyak sekali penumpang² yang datang ka-Singapura ka-mari, tetapi dalam hal itu kira-nya banyak sekarang ini statistics enam bulan atau sa-tahun dari sini juga banyak yang pergi ka-sana, atau dari sana ka-mari, itu kita boleh tambahkan, tetapi malang-nya kapal terbang kita ini tidak menchukupi, kadang kala-nya ada rosak. Maka tergendala segala²-nya. Harap bersabar dahulu, tunggukan kapal terbang yang baharu akan sampai.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan

Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila-kah penyiasatan ini akan selesai dan akan di-adakan penerbangan saperti yang di-kehendaki memberi kemudahan kepada orang² Malaysia daripada Kuala Lumpur ka-Singapura, dan sa-kira-nya penyiasatan ini tidak selesai dan kapal terbang pun tidak ada, apa-kah tindakan di-adakan juga pada tahun ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, apa hendak beri tahu hari hari, saya beri tahu. Perkara ini, kalau hendak ada perkhidmatan, kapal terbang rosak, ta' chukup. Kita di-marah orang sa-hari². Hari ini pun sudah berapa banyak kompelin, Ahli Yang Berhormat dari Batu tiap² kali buat kompelin, lambat kapal terbang, lambat saya susah juga.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan

Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kita tadi, ia mengatakan "dalam penyiasatan". Ada-kah Kementerian ini berchadang hendak mengadakan pengkalan kapal terbang di-selatan Malaysia, saperti di-Daerah Pontian Johor sana?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara ini nampak-nya di-Pontian kawasan saya, bukan-lah begitu. Soal-nya hendak mengadakan lapangan kapal terbang ini hendak di-pereksa daripada segala segi. Yang sa-benar-nya di-Tanjong Laboh Batu Pahat ada juga lapangan

terbang kerana dharurat, atau military. Boleh jadi satu waktu nanti, kalau-lah banyak orang hendak naik kapal terbang, dan kapal terbang *chartered* ada, barangkali kita akan timbangkan; tetapi sementara ini belum ada peruntukan.

PERKHIDMATAN MENYEDIAKAN MAKANAN—SHARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA/SINGAPURA

13. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah² yang telah diranchangkan untuk menentukan supaya Perkhidmatan² Menyediakan Makanan yang mendatangkan berjuta² ringgit kepada Singapura sama² di-uruskan oleh Malaysia.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan menjual makanan atau *catering* yang di-kelolakan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura ini di-gunakan oleh sa-jumlah besar perkhidmatan² antara-bangsa yang berkhidmat melalui wilayah ini. Oleh kerana perkhidmatan² antara-bangsa ini, pada umum-nya, menjalankan perkhidmatan-nya melalui Singapura, maka ada-lah di-rasakan sesuai, jika sa-kiranya Perkhidmatan Makanan, atau *catering* ini di-tempatkan di-mana pelanggan²-nya ada. Hasil yang diperolehi daripada perkhidmatan² ini oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura di-bahagi sama oleh Sharikat ini kepada pemegang² saham-nya dan kalau Ahli Yang Berhormat maseh ingat Malaysia ada-lah pemegang saham yang utama daripada Sharikat ini.

Tuan Tan Toh Hong (dengan izin): Is the Honourable Minister aware that a reputable foreign airline with international connections is having its catering services supplied by a local supplier in Penang? If it is good enough for a reputable foreign airline to have its services supplied by a Malaysian supplier, why is it not good enough for our own Malaysian Airlines?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Mr Speaker, Sir, the question is about the catering services—why should it be in Singapore? In fact, the J.A.L. now, I think, is ordering their foodstuffs from the local caterer here in the International Airport. If any airline that stops here and would like to buy from any of the catering services here, there is no objection to that; we would like to encourage that, Sir.

Tuan Tan Toh Hong: I hope the Honourable Minister would encourage the Malaysian Airlines to have its catering services supplied by Malaysian suppliers.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: That I will explain to the Chairman. If any of the international airlines are passing through Kuala Lumpur and stop over here for the night for refuelling or having their meals, then we might be able to put up an extension from the Catering Centre, Singapore, in Kuala Lumpur. That question is for further investigation.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa biskut² yang di-beri kepada orang² yang menumpang dalam kapal terbang Malaysia-Singapura Airways ini di-buat di-fekteri² di-Singapura, dan boleh-kah Yang Berhormat Menteri mengarah supaya biskut² yang di-buat di-Johor tempat Menteri sendiri di-jual kepada Sharikat ini? Terima kaseh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berhubung dengan Pengerusi Malaysia-Singapura Airways supaya memikirkan perkara ini, sama ada di-buat di-Malaysia atau Singapura, tetapi yang sedap menjadi senang orang yang merasa Biskut yang lebeh baik keadaannya, tidak-lah lembab dan tidak sedap.

KAMUS BAHASA KEBANGSAAN RASMI

14. Dr Lim Chong Eu [di-bawah S.O. 24 (2)] bertanya kepada Menteri Pelajaran bila kamus bahasa kebangsaan rasmi akan di-siapkan dan di-jual kepada orang ramai.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, jika semua-nya berjalan dengan baik, kamus rasmi bahasa kebangsaan ini akan siap dan dapat di-jual pada tahun ini.

Dr Lim Chong Eu (*dengan izin*): Can I ask the Honourable Assistant Minister of Education, in view of the fact that the official National Language Dictionary will not be generally available until the end of this year, first, by what standards does the Ministry of Education adjudge correct or incorrect spelling in Bahasa Kebangsaan when examining students; and, secondly, by what standards does the Ministry of Education intend to communicate with the Cambridge Syndicate of Examinations on the standards of Malay to be attained for qualification in the Cambridge Examination which is now used as the Entrance Examination into the H.S.C.?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu soalan lain. Saya minta izin kepada Ahli Yang Berhormat itu sampaikan-lah soal tambahan itu kepada Kementerian saya, dan saya boleh jawab-lah perkara itu dengan terang-nya kepada Dewan ini di-masa yang akan datang.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, ada-kah Kerajaan akan bersedia berchadang hendak menchetak Kamus Bahasa Kebangsaan itu dengan ejaan baharu ia-ini ejaan Malindo bila mana ejaan itu telah di-rasmikan oleh kedua² buah Kerajaan kelak?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu lain pula.

Dr Lim Chong Eu: In view of the fact that we have not got an Official National Language Dictionary at the present moment, by what standards does the Ministry of Education adjudge the correctness or incorrectness of spelling?

Tuan Lee Siok Yew: Ini pun soalan lain.

KENAIKAN YURAN SEKOLAH— AKIBAT KAPADA PENUNTUT MELAYU

15. Dr Lim Chong Eu [*di-bawah S.O. 24 (2)*] bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah dia sedar bahawa dengan menaikkan yuran sekolah menengah di-sekolah² Jenis Kebangsaan, dia mengkianati penuntut² Melayu dengan menafikan mereka daripada mendapat pendidekan moden, kerana ibu-bapa Melayu tidak mampu menghantar anak mereka ka-sekolah² Jenis Kebangsaan yang ada kemudahan² pelajaran dan riadhah moden.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perhubungan Ahli Yang Berhormat itu untuk mengecilkan usaha Kerajaan dalam meningkatkan mutu pelajaran di-Sekolah Menengah Melayu ada-lah tidak patut dan nakal, kerana nampak-nya beliau mensifatkan bahawa murid² Melayu itu hanya boleh mendapat faedah daripada kemudahan² pelajaran dan kemudahan² permainan moden di-sekolah² Jenis Kebangsaan sahaja. Saya ingin menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada hakikat bahawa Kerajaan dalam beberapa tahun ini telah dapat meninggikan dan memperbaiki kemudahan² dalam sekolah² menengah bahasa pengantar Melayu dan hasil-nya sabilangan besar murid² Melayu telah lulus peperiksaan Sijil Persekolahan dan Sijil Tinggi Persekolahan. Dan sa-lanjut-nya kita juga telah sampai pada peringkat di-mana kita mendapat mengeluarkan murid² dari sekolah bahasa pengantar Melayu itu untuk memasoki bukan sahaja Universiti Malaya tetapi juga Universiti² di-sa-berang laut.

Dato' Dr Haji Megat Khas: Tuan Yang di-Pertua, saya telah di-fahamkan, ia-itu bagi murid² dan penuntut² yang telah mampu membayar bayaran yuran sekolah yang telah di-naikkan baru² ini, ia-itu mereka itu akan di-beri pertolongan dengan chara meminta kepada Pegawai Pelajaran Negeri masing². Ada-kah Menteri Pelajaran sedar, ia-itu borang² permintaan itu baharu sahaja di-sediakan walhal-nya yuran² sekolah pada bulan yang akhir telah pun di-bayar dengan berapa susah

oleh anak² yang bersekolah itu dengan berbagai cara—bergadai, mengurangkan makan dan sa-bagai-nya oleh kerana tidak mampu. Jadi, dengan sebab itu, saya perchaya, ia-itu borang² yang akan di-kemukakan kepada Pegawai Pelajaran Negeri akan di-binchangkan di-dalam satu perjumpaan di-antara Pegawai² Pelajaran Negeri dan boleh jadi, ia-itu borang² itu banyak yang akan di-tolak bagitu sahaja, kerana pada bulan yang lalu orang² ini telah membayar dan anak itu di-angap mampu membayar. Saya minta akuan daripada Menteri Pelajaran, ia-itu jangan-lah di-ambil bayaran pada bulan yang lalu itu sa-bagai contoh, ia-itu mereka itu mampu membayar; hendak-lah di-basoh sama sa-kali terhadap permintaan dan permohonan yang telah pun di-kemukakan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-Dewan ini baru tiga empat hari yang lalu. Jadi, saya tidak hendaklah menjawab lagi.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tanya kepada Menteri Yang Berhormat itu, ada-kah anggapan yang di-soal dalam Dewan ini yang mengatakan Sekolah Jenis Kebangsaan ada lebeh kemudahan² pelajaran dan riadhah moden daripada Sekolah Kebangsaan, ada-kah betul bagaimana yang di-soalkan oleh soalan ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan soalan itu, pada saya tidak patut, oleh sebab-nya Kementerian Pelajaran telah mengambil langkah² yang luas untuk meninggikan, atau pun tambahan kemudahan² kepada sekolah² yang berkenaan yang kemudahan² itu akan menchukupi.

GRANTS TO A NATIONAL-TYPE SECONDARY SCHOOL IN PAHANG (1962, 1964 AND 1965)

16. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Education if he is aware that:

- (a) in 1962 a total grant of \$20,000 was given to a National-Type

Secondary School in Pahang for the construction of twelve classrooms;

- (b) in 1964 a further grant of \$55,000 was paid to the same school for the construction of ten classrooms, a science laboratory, equipment and furniture although the previous allocation of \$20,000 has not been spent at all;
- (c) the audited accounts for these two grants revealed that up to the end of 1964 NO EXPENDITURE had been incurred and that the money had been invested and interest of \$11,040 had been earned at the end of the year;
- (d) in 1965 before the receipt of the account of the previous two grants a further grant of \$25,000 was made;
- (e) at the end of 1965 all three grants totalling \$100,000 had remained intact and interest earned up to the end of the year totalled \$15,065.

If so, whether he would explain this incredible laxity of his Ministry spread over a period of three years.

Tuan Lee Siok Yew (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, this question has been taken from the Report of the Auditor-General, Malaysia, on the Accounts of the Federal Government for the year ending 31st December, 1965. Since the Report will be scrutinised by the Public Accounts Committee, which has been appointed by this House, it would not be fair to prejudice the deliberations of that Committee by answering this question.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri Muda Pelajaran beritahu kepada Rumah yang mulia ini, Jawatan-kuasa Accounts itu, ada-kah siasat perkara ini? Kalau Jawatan-kuasa itu telah siasat perkara ini, Menteri Muda terpaksa memberi jawapan.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dalam timbangan.

LANGKAH² UNTUK MENAMBAH BILANGAN SEKOLAH² MENE- NGAH DI-SARAWAK

17. Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak) bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar bahawa kanak² di-sekolah rendah di-Sarawak telah bertambah banyak dan apa-kah langkah², jika ada, yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk menambah bilangan sekolah² menengah untuk memuatkan mereka² ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ya. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa jumlah sekolah² menengah yang sa-chukup-nya akan di-dirikan untuk menampung murid² yang telah tamat pelajaran di-sekolah rendah dan telah di-pilih bagi mengikuti pelajaran menengah apabila di-kehendaki.

Tuan C. John Ondu Majakil (*dengan izin*): Is the Honourable Assistant Minister aware that there are thousands of school-age children in Sabah, who have passed the Primary Sixth and Local Junior Education, who are not accepted to continue their study due to some reasons, one of which is the shortage of teachers and classrooms? If so, can the Minister concerned give an assurance that every effort is being taken to find employment for these children in order to prevent them from getting stranded?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu saya telah jawab memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu.

RANCHANGAN SEMBILAN TAHUN PERSEKOLAHAN PERCHUMA

18. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Pelajaran bilakah "Ranchangan Sembilan Tahun Persekolahan Perchuma" akan di-laksanakan di-Sarawak.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa-kah yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Jika yang di-maksudkan-nya, ia-lah Pelajaran Rendah Perchuma sa-lama 6 tahun ini telah pun

di-panjangkan ka-Sarawak mulai dari 1hb Januari, 1968. Pelajaran Menengah Rendah yang berikut-nya sa-lama 3 tahun itu tidak-lah perchuma, walau pun di-Malaysia Barat, dan oleh yang demikian soal mengadakan-nya di-Sarawak tidak berbangkit.

LANGKAH² UNTUK MELATEH LEBEH BILANGAN PEGAWAI² PELAJARAN TEMPATAN DI- SARAWAK

19. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah Kerajaan Pusat telah mengambil langkah² untuk melateh ramai lagi Pegawai² Pelajaran Tempatan kerana kanak² sekolah makin bertambah.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan akan mengeluarkan biasiswa² yang sa-chukup-nya untuk melateh guru² siswazah bagi sekolah² menengah di-Sarawak. Pada masa ini ada-lah 69 orang pemegang² biasiswa Kerajaan di-Universiti² yang mengikuti latehan sa-bagai guru bagi sekolah² menengah. Sa-lepas berkhidmat sa-lama 2 tahun dengan memuaskan di-sekolah², guru² siswazah itu ada-lah layak untuk naik pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran.

HARGA PEMASANGAN ALAT² LETRIK DI-60 BUAH SEKOLAH ANEKA JURUSAN

20. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

(a) ada-kah sedar bahawa tender yang di-terima untuk pemasangan alat² letrik dalam 60 buah sekolah aneka jurusan berharga \$1,707,968 yang telah di-kurangkan sa-lepas tawar menawar kepada \$1,208,642 dan bahawa—

(i) J.K.R. mengarahkan supaya satu tender di-panggil bagi tiap² sekolah tetapi L.L.N. memanggil satu tender untuk semua sekolah itu;

(ii) tender² yang di-kurangkan itu berharga \$1,208,642 tidak di-kemukakan kepada

Lembaga Tender bagi diluluskan dan juga persetujuan Perbendaharaan tidak di-perolehi untuk tawar menawar tender² yang diterima;

- (b) memandangkan perkara yang tersebut di-atas dan ada-nya tuduhan² rasuah sa-takat mana-kah Badan Penchegah Rasuah berjaya dalam penyiasatan²-nya.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun dirujukkan kepada Jabatan Penchegah Rasuah untuk di-siasat.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar pada tahun yang lalu di-persidangan Dewan Ra'ayat ini pada Budget session itu, saya telah membentangkan perkara ini, dan sa-lama dekat satu tahun sudah Kementerian, atau Menteri yang berkenaan tahu tentang perkara ini mengapa pada masa sekarang sa-lepas satu tahun apabila saya membentangkan perkara ini penyiasatan tentang perkara ini belum siap?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, hal ini telah di-siasat oleh Jabatan Penchegah Rasuah, bukan oleh Kementerian saya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Pada masa saya menimbulkan perkara ini, ada-kah Menteri yang berkenaan menyampaikan perkara ini kepada Badan Penchegah Rasuah, dan jika ada, mengapa Badan Penchegah Rasuah mengambil terlampau banyak masa untuk siasat perkara ini?

Dr Lim Swee Aun: Soal ini telah di-edarkan kepada Jabatan Penchegah Rasuah pada hari Ahli Yang Berhormat membawa hal itu dalam Dewan ini. Akan tetapi, jika sa-kira-nya Jabatan itu tidak habis menyiasat, bagaimana saya hendak beri laporan. (Ketawa).

RANCHANGAN MENANAM KELAPA SAWIT DARIPADA KELAPA

21. Dato' Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar bertanya kepada Menteri

Pertanian dan Sharikat Kerjasama oleh kerana harga kelapa kering jauh lebih daripada harga kelapa sawit, maka ada-kah apa² ranchangan Kerajaan bagi menukarkan tanaman kelapa biasa kepada tanaman kelapa sawit untuk meninggikan taraf hidup pekebun² kecil, jika jawab-nya ada, bila ranchangan itu akan di-jalankan, dan jika tidak apa-kah sebab²-nya.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum-lah mempunyai ranchangan yang tertentu sekarang ini untuk menukarkan tanaman kelapa kepada tanaman kelapa sawit oleh beberapa sebab. Memperoses kelapa sawit akan memakan belanja berjuta² ringgit berlainan sa-kali dengan memperoses kelapa. Kalau memperoses kelapa sawit, pekebun² kecil tidak boleh di-selenggarakan sa-penoh²-nya dengan mengadakan kilang² yang lengkap yang bererti memakan modal yang besar, maka tidak-lah mungkin bagi kita menukarkan tanaman kelapa kepada kelapa sawit. Bagaimana pun, galakan² dan bantuan² memang di-beri kepada mana² pekebun kecil yang ingin menukarkan tanaman kelapa mereka kepada kelapa sawit. Penukaran tanaman seperti ini biasa-nya berlaku di-kawasan di-mana mempunyai pasaran bagi kelapa sawit yang tertentu, mithal-nya, di-kawasan² yang berdekatan dengan kilang² kelapa sawit yang sedia bersetuju membeli kelapa sawit daripada pekebun² kecil untuk di-peroses. Kurang pendapatan daripada tanaman kelapa oleh pekebun² kecil itu ada-lah kerana dua sebab yang besar. Yang pertama, ia-lah kekurangan hasil, kerana kebun itu terbiar dan tidak di-jaga dengan betul. Yang kedua, tanah² kebun itu tidak digunakan dengan sa-penoh²-nya dengan mengadakan tanaman² selingan seperti jagong, kacang tanah, pisang dan lain². Kalau kebun² itu di-jaga dengan betul, tiap² sa-ekar akan dapat mengeluarkan hasil sa-banyak 15 pikul kelapa kering dalam sa-tahun, ia-itu lebih kurang \$450 pendapatan dalam sa-tahun. Kalau-lah pula kebun itu ditanam dengan tanaman² selingan, seperti jagong, kacang tanah, pisang

dan sa-bagai-nya sa-bagaimana yang sekarang ini berlaku di-dalam kebun² di-bawah Ranchangan Tanaman Pemu-lehan Sa-Mula Kelapa, maka sudah barang tentu pendapatan-nya akan bertambah dengan lebih kurang \$300 hingga membawa \$500 bagi tiap² sa-ekar dari hasil tanaman selingan dalam satu tahun.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Soalan tambahan. Penanaman kelapa sawit merupakan suatu segi dari usaha menganika-ragaman jenis tanaman di-negeri kita ini, boleh-kah Yang Berhormat Menteri menerangkan penyelidikan yang di-jalankan sekarang ini apa-kah lagi jenis² tanaman yang boleh menjadi tanaman yang memberi hasil yang baik sa-bagai aspek² yang baharu daripada menganika-ragaman jenis² tanaman.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada tanaman kelapa sawit, tana-man padi dengan sa-chara terator dan tersusun ada-lah mendatangkan hasil yang banyak dan sa-lain daripada itu jagong juga akan dapat mendatangkan hasil yang banyak, tanaman² lain sedang di-dalam siasatan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Soalan tambahan. Ada-kah penyiasatan di-jalankan untuk menanam kapas di-negeri kita ini, kerana kapas menge-luarkan hasil yang baik.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Kajian² permulaan sedang di-jalankan untuk menanam kapas di-dalam negeri ini, tetapi hasil-nya belum di-dapati dengan memuaskan dengan sa-penoh-nya.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Soalan tambahan. Apa-kah Menteri Pertanian akan dapat memberi jaminan sa-kira-nya di-satu kawasan yang berjauhan daripada kilang² kelapa sawit ada tanah² yang tertentu yang ra'ayat sa-chara tidak langsung mahu menanam kelapa sawit ini, maka Menteri akan menimbangkan memberi bantuan kilang bagi ra'ayat yang berjauhan dengan kilang² yang dapat mempe-roses kelapa sawit ini?

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, pehak

Kementerian saya tidak dapat memberi jaminan untuk mengadakan kilang² bagi pekebun² kechil yang menanam kelapa sawit berjauhan daripada tem-pat² kawasan² kelapa sawit mempun-ya² kilang, tetapi pehak Kementerian saya dapat menggalakkan, atau sedang menggalakkan supaya tanaman² kelapa sawit itu di-buat sa-chara berluasan sa-kurang²-nya, 3,000 membawa 4,000 ekar dan dengan itu dapat-lah peke-bun² kechil itu sendiri menerusi shari-kat² kerjasama dan lain² mengadakan kilang kelapa sawit-nya sendiri.

USUL

ACT KASTAM (TARIF BERSAMA MALAYSIA), 1966

Pembetulan kepada Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) (No. 2/1968)

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kepada-nya oleh sekshen-kechil (4) sekshen 2 Act Kastam (Tarif Bersama Malaysia), 1966, satu pembetulan kepada Kertas Undang² No. 18 tahun 1968, yang telah di-bentangkan di-hadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 31 tahun 1968, hendak-lah di-sahkan.

Kertas Undang² yang ada di-hadapan Majlis ini hanya membetulkan satu kesilapan di-dalam Perintah Kastam (Tarif Bersama Malaysia) (Pindaan) No. 2) tahun 1968 yang telah pun di-terbitkan sa-bagai Kertas Undang² No. 18 tahun 1968 dahulu dan di-sahkan oleh Dewan Ra'ayat. Pem-betulan ini ada-lah berkaitan dengan chukai bagi staple for paper (stapling machine) yang di-perjeniskan di-bawah Tarif Kod No. 895 122. Chukai bagi barang² itu sa-patut-nya di-bacha 20% dan tidak 10% bagaimana yang ter-sebut di-dalam Kertas Undang² yang terdahulu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul ini di-luluskan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu menurut kuasa² yang di-berikan kapada-nya oleh sekshen-kecil (4) sekshen 2 Act Kastam (Tarif Bersama Malyasia), 1966, satu pembedulan kapada Kertas Undang² No. 18 tahun 1968, yang telah di-bentangkan dihadapan Majlis ini sa-bagai Kertas Undang² No. 31 tahun 1968, hendak-lah di-sahkan.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada 11.08 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.30 pagi.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

Jawatan-kuasa Perbekalan

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ketiga).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa)

JADUAL

Kepala 12—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah Kepala B. 12 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya sambong sa-mula perbahathan Kementerian Pertanian ini dan saya pada ucapan saya sa-malam saya bangun menyokong peruntukan perbelanjaan yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama sa-banyak \$24,000,000 lebeh. Nampak-nya pada tahun ini dan pada tahun yang lepas tidak-lah banyak perubahan tambahan kewangan yang di-kehendaki oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, dan saya harap ranchangan² yang akan di-jalankan oleh Kementerian ini sungguh pun tidak banyak tambahan perbelanjaan-nya, tetapi dapat berjalan dengan lancar-nya daripada yang sudah². Ini satu contoh dan tauladan yang patut di-ikut oleh lain² Ke-

menterian yang mana kita dapat menambah kekuatan pekerjaan dengan perbelanjaan yang sederhana.

Yang pertama sa-kali, Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang berchakap di-sini ia-lah berkenaan dengan muka 104, Chawangan Penyelidekan dan bersama² ini dalam muka 90 juga Chawangan Penyelidekan. Apa yang saya tahu, Tuan Pengerusi, negeri kita ini ada-lah terkenal dengan negeri pertanian, maka sudah tentu-lah banyak tanah² di-kehendaki untuk berchuchok tanam. Jadi apa-lah salah kira-nya dapat Chawangan Penyelidekan ini membuat satu penyelidekan di-atas tanah² paya atau tanah² berayer yang berpuluh² ribu ekar tanah kita yang luas yang dapat di-gunakan daripada terbiar begitu sahaja. Saya fikir menafaat-nya besar kalau kita gunakan, dan tanah² di-negeri kita ini makin lama makin kurang di-sebabkan oleh bertambah-nya ramai penduduk² kita daripada sa-hari ka-sahari dan barang² makanan pun di-kehendaki bertambah². Maka saya harap, tanah paya itu dapat di-researchkan supaya berfaedah kapada manusia kita.

Sekarang, Tuan Pengerusi, dasar kita dalam negeri ini telah berubah berlainan daripada dasar penjajahan, sebab Kementerian Pertanian-lah satu Kementerian yang mana boleh menolong ra'ayat² yang hari ini kita dapat tahu banyak berkehendakan kapada perubahan², oleh kerana kita sekarang ini hendak menanam jenis² tanaman—tebu, kelapa sawit dan lain²-nya; maka tanah² paya sa-bagai contoh di-dalam negeri Perak, ada banyak tanah² paya sa-bagaimana yang saya maksudkan dalam ucapan saya tadi khas-nya di-Krian Swamp, kawasan itu ada sa-luas 12,000 ekar. Saya dapat tahu tanah itu telah pun di-kaji, sungguh pun saya tahu tanah ada-lah kuasa Kerajaan Negeri, dan saya dapat dudok dalam Jawatan-kuasa, dan mengkaji masaalah tanah itu memakan belanja \$3 million untuk hendak mengeringkan ayer yang bertakong di-atas tanah itu sa-bagaimana sawah mengikut kenyataan Jabatan Parit dan Taliayer dan tanah itu konon-nya tidak ekonomi, tetapi ada negeri² yang mengepong laut untuk

memberi tanah kepada ra'ayat. Jadi saya harap ladang² dan tanah umpama di-beri asohan itu dapat di-gunakan, oleh kerana kita tahu dalam negara kita mengambil gula sa-banyak 9,000 tan pada satu tahun. Oleh itu di-Perak sendiri hendak tanam tebu, hendak membangunkan kilang gula, di-Dindings dan gula ini akan mengeluarkan 4,500 tan sa-tahun; tidak-lah wang kita keluar kepada Jamaica, India dan lain² tempat untuk mendapatkan bahan gula dan sa-bagai-nya.

Dan yang satu lagi saya suka hendak berchakap sedikit, Tuan Pengerusi, ialah di-muka 103, Butiran (411)—Pengerah Perikanan. Di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa satu peruntukan \$809,000 lebeh, kalau tidak salah saya, hendak menyelenggarakan Akurium Ikan Laut dan Ikan Darat. Di-sini terbit-lah daripada ucapan Menteri ini, Tuan Pengerusi, kita sa-bagai negara yang merdeka dan berdaulat yang mana banyak bahan² boleh dapat daripada ikan² yang ada di-negeri kita. Dalam hal binatang kita telah dapat adakan sa-umpama Zoo Negara. Jadi dalam hal perikanan dapat-lah kita adakan tempat di-mana orang ramai dapat melihat dan pelanchong pun juga dapat melihat. Jadi saya suka menambah sedikit, Tuan Pengerusi, apa-lah salah-nya bahagian Perikanan ini mengikhtiarkan supaya satu Akurium juga dapat di-adakan di-Ibu Negara kita. Jadi saya harap Akurium ini dapat di-adakan di-Ibu Negara kita. Kita lihat negara² yang telah maju dapat mengadakan yang demikian dan saya tidak nampak mengapa kita tidak dapat mengadakannya. Buat permulaan-nya kita buat di-Ibu Negara kita, dan kemudian apabila telah maju menjalar ka-negeri² dalam Malaysia, saya fikir sambutan yang hangat akan di-berikan oleh orang ramai, kerana binatang² yang hidup di-dalam ayer ini bukan-nya senang kita hendak menengok-nya. Jadi saya harap Kerajaan akan mengikhtiarkan satu Akurium untuk orang ramai.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, saya suka beri pandangan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah berkenaan dengan muka 96, Butiran

(265)—Ketua Pegawai Perusahaan Ternakan. Apa yang saya dapat tahu berkenaan dengan negara kita ini terkenal dengan negeri pertanian. Jadi segala hasil pertanian yang di-usahakan di-atas bumi kita saperti ternakan mengeluarkan telur hendak-lah di-tegah sama sa-kali kemasokan telur daripada luar negeri. Saya dapati pasaran telur di-negeri kita di-sabelah barat yang saya maksudkan susah hendak mendapat pasaran hingga jatuh 5 atau 6 sen sa-biji telur jenis A dan jenis B. Jadi hendak menjaga keselamatan patani² kita yang mengeluarkan telur ini, maka hendak-lah kita tegah sama sa-kali. Saya fikir telur yang di-keluarkan dari Malaysia Barat boleh di-hantarkan ka-Malaysia Timor. Kiranya saudara kita di-sana berkehendakkan. Kita hadkan atau kita haramkan terus kemasokkan telur ini daripada luar negeri. Kalau kita kenakan chukai nanti, dia masuk juga, tetapi kalau kita haramkan terus, chuma dia boleh masuk melalui jalan yang salah. Itu tentu-lah kita boleh menjaga-nya.

Numbor dua, Tuan Pengerusi, di-dalam Bahagian Haiwan ini juga saya beralah kepada Butiran (281)—Ketua Pegawai Penyelidek. Tempat Penyelidek Haiwan ini, ia-lah di-Batu Arang. Saya fikir tidak patut tempat ternakan haiwan hanya di-beri kepada Batu Arang sahaja yang menjadi Texas. Negeri lain pun ingin juga, kerana mereka juga ada tanah yang luas. Jadi saya harap dapat di-buat penyelidekan di-tiap² buah negeri bagi membela keadaan ra'ayat dan untuk membela haiwan saperti lembu dan kerbau ini. Tuan Pengerusi, dengan ini juga dapat kita biakkan pemeliharaan ini dengan lekas. Bagitu-lah juga dengan susu, Tuan Pengerusi, susu sekarang ini saya lihat di-television, kata-nya datang daripada Australia dan saya dengar juga di-Batu Arang ada mengeluarkan susu dan mengapa-kah tidak di-iklankan supaya ra'ayat kita tahu yang negara-nya juga ada mengeluarkan susu lembu. Jadi saya harap dapat-lah Kementerian, terutama sa-kali Bahagian Haiwan ini mengeluarkan phamplet² kepada orang ramai tentang kegiatan²-nya.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya beraleh kepada Butiran (327)—Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, atau dengan lain nama, Pendaftar Sharikat Bekerjasama. Tuan Pengerusi, sekarang kita dapati bahawa di-dalam negeri kita ini ada dua Bahagian Sharikat Kerjasama, ia-itu satu bahagian dalam bandar dan satu bahagian lagi ada letak-nya di-luar bandar ia-itu Rural Sector.

Bahagian dalam bandar ini sharikat berduit dan bahagian di-luar bandar ini di-katakan-nya sharikat tidak berduit. Jadi retakan-nya ada berlaku di-antara dalam bandar dan luar bandar. Ada juga, Tuan Pengerusi, sharikat² di-luar berduit. Sharikat² di-katakan tidak berduit ini, Tuan Pengerusi, di-katakan sharikat² yang di-kelolakan oleh orang² Melayu, atau yang di-kelolakan oleh orang² lain itu. Saya harap dapat kira-nya di-chantumkan Sharikat² Kerjasama ini supaya tidak ada retakan seperti ini. Sharikat di-luar bandar bersatu dalam Bank Agong, Sharikat dalam bandar bersatu dalam Co-operatives Union of Malaya yang kata-nya mewakili sharikat² seluruh Malaya. Sharikat luar menubuhkan Bank dan Sharikat dalam bandar pun menubuhkan Bank. Jadi saya harap dapat di-chari jalan menubuhkan sa-buah, satu sahaja persatuan dan bank bagi seluruh sharikat kerjasama. Dalam sharikat kerjasama ini juga, saya suka menyentoh Butiran (329) dalam mana ucapan Yang Berhormat Menteri pada petang sa-malam ia-itu mengenai Juru Audit dan Accountant. Di-dalam ucapan Menteri ada mengatakan banyak kerja Audit yang bertimbun² yang belum dapat di-selesaikan lagi. Dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya banyak audit yang belum dapat di-selesaikan, maka makin kusut-lah perjalanan Sharikat² Kerjasama. Jadi hendak-lah Kerajaan menchari ikhtiar supaya kerja audit ini dapat di-selesaikan dengan sa-berapa segera yang boleh. Satu jalan yang saya shorkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk dapat mengatasi berkenaan dengan audit ini. Tuan Pengerusi, Kerajaan membantu, Kerajaan hendak-lah membantu Sharikat² Kerjasama yang tidak mampu membayar upah private auditor, maka dengan jalan ini sahaja-lah dapat di-atasi

kekusutan itu. Kalau kita harap auditor daripada Jabatan Kerjasama sahaja, maka makin lama makin banyak kekusutan itu berlaku, dan akhir-nya kekusutan itu tidak dapat di-betulkan buat sa-lama²-nya.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana saya katakan tadi negara kita ini banyak lagi tanah kosong yang belum di-gunakan dan dengan ada-nya usaha yang giat oleh Kementerian ini bagi penye-lidekan menanam tebu, maka saya harap-lah kira-nya tanah² yang belum di-gunakan sesuai untuk di-tanam tebu, maka hendak-lah kita galakkan usaha yang bagini. Saya fikir akan dapat peransang daripada petani², kerana mereka sudah puas berpuluh² tahun menanam padi, maka ini ada-lah satu aliran baharu bagi mereka. Dan juga, Tuan Pengerusi, saya dapati negara kita mengimpot berpuluh² ribu tan tebu daripada negara luar dan di-negeri kita sendiri ada mempunyai kilang gula. Jadi dengan ada-nya kilang² gula ini, dan tidak ada-nya bahan², maka kita akan menimpa nasib yang burok sa-kira-nya di-stopkan tebu² yang di-kehendaki itu, maka dari itu saya harap dapat penye-lidekan tanaman tebu ini di-perektikan.

Petani² kita sedar bahawa banyak tanah-nya akan dapat di-gunakan daripada terbiar bagini dan begitu sahaja, dan saya harap juga apabila di-galakkan petani² kita menanam tebu itu, Tuan Pengerusi, hendak-lah juga mendapat jaminan daripada Kerajaan tentang pasaran-nya, kalau tidak mendapat jaminan yang tertentu, maka usaha daya petani ini akan sia² sahaja. Petani² tahu, Tuan Pengerusi, di-Malaysia ini hanya mempunyai kilang gula sa-buah sahaja, dan jangan-lah nanti oleh kerana kilang gula ini tahu bahawa tebu tidak boleh di-jual ka-tempat lain, maka di-kenakan harga yang menyakiti hati petani². Jadi, saya salah sa-orang wakil yang datang daripada kawasan petani, sa-belum usaha perangsang di-galakkan, maka hendak-lah petani² dapat jaminan terlebih dahulu khas-nya daripada Yang Berhormat Menteri dan 'am-nya kepada Kerajaan Perikatan yang sentiasa hendak berkhidmat kepada ra'ayat kita

pada hari ini melalui Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil kesempatan berchakap tentang anggaran belanjawan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Dengan izin, tuan, saya ingin berchakap dalam bahasa Inggeris.

Mr Chairman, Sir, I fully agree with the previous speaker when he stressed time and again the importance of research in this country. I do not think that aspect of agriculture in this country can be stressed too far and, as more and more people speak on the matter of research in agriculture in this country, perhaps, the Government will take greater notice of the need for research in all aspects of agriculture in this country.

Mr Chairman, Sir, the Minister himself in his speech yesterday pointed out that from the agricultural sector one-third of the GNP of this country comes. He also stressed that two-thirds of the workers of this country find work in the agricultural sector. Consequently, one can see how very important agriculture is to this country, despite the fact that we are trying to industrialise to provide for more jobs for the rising generation. Sir, I do know that research is being carried out by the various Divisions or Departments within the Ministry of Agriculture and Co-operatives, but I do wish to stress that if all these various Departments which do research are all gathered under one roof, for example, under the roof of the Agricultural Research Institute of Malaysia, then we hope that a greater impetus can be given to agricultural research in this country. I have in the past also asked for the establishment of an Oil Palm Research Institute run on the lines of the Rubber Research Institute.

Sir, today rubber is 44 cents a pound, and if we do not look out it may well hit the 40 cents barrier and go below 40 cents. Consequently, there is need for this country and for the Ministry of Agriculture to diversify agricultural crops. It is recognised that oil palm is

a very good substitute for rubber, and even for coconut, as is mentioned, in this country, in our efforts to diversify our agricultural crops. I believe oil palm, unlike rubber, takes only three/four years, and the yield from it per acre is one of the highest amongst agricultural crops in this country. Consequently, I wish to commend to the attention of the Minister these two bodies that I have mentioned—the Agricultural Research Institute of Malaysia and the Oil Palm Research Institute which should be set up as early as possible.

Now, it does seem a little strange to me that where so much of our GNP depends on agriculture and so much of our workers in this country depend on agriculture for their jobs, that only \$24,106 million is devoted to the Ministry of Agriculture and Co-operatives, and if you take away the Co-operative aspect of the Ministry, the allocation is much less. This is incomprehensible to me since the allocation for this year in the Ordinary Budget is \$1,932 million. Now, if we are to place agriculture in its proper perspective in this country, both as a contributor to our GNP and as a reservoir whereby the rising generation can find jobs, then I would say that the allocation of \$24,106 million for the Ministry of Agriculture and Co-operatives is totally out of proportion in terms of the wealth of this country and in terms of jobs in this country.

Mr Chairman, Sir, I wish to go on to page 87, the Rehabilitation loans to ex-Constables. Now, I have many a time in the past showed how wasteful such an expenditure is. In 1967 the allocation as found in the Estimates was \$188,490. This year the allocation is \$165,693. Mr Chairman, Sir, while the allocation for last year was only \$188,490, if I may read from a Written Answer given to me by the Minister to one of the questions that I have asked—the question that I have asked relates to: “1. (a) The sum outstanding as on 31st December, 1966”. That figure was given as \$818,875.51. The sum collected during 1967 is \$71,624.57. The balance outstanding as at the end of 31st December, 1967, is \$747,212.94.

The administrative cost for 1967 far exceeds the allocation of \$188,490. The P.E. alone exceeds what has been budgeted for. The P.E. is \$232,849.01. The OCAR amounts to \$38,570.33. Now, Mr Chairman, Sir, it is incomprehensible to me why the Ministry of Agriculture and Co-operatives should go on spending year after year such huge sums and recover such pitiful sums in return. For example, it spends more than a quarter-million dollars to administer that section of the Ministry and the return from it last year was only \$71.6 thousand. This is the sort of business that the tax-payer in this country finds difficulty to understand. Either the Ministry should write it off or the Minister should farm out the existing staff amongst the other Departments in his own Ministry or other Ministries and find other ways of collecting the money. If I may read from the Report of the Auditor-General for the year 1965—he says:

“The administrative cost during the year totalled \$303,328.86. The Ministry was asked to confirm that it is the policy of the Government to continue this operation, which appears to consist largely of trying to extract payments from people who cannot, or will not, pay. The Ministry is not in favour of abandoning the claims and dispersing the present administrative organisation and the matter is still under correspondence.”

I submit that instead of the matter being still under correspondence, the Minister should wind up this most unhappy episode in his Ministry and write it off, since the people either cannot or will not pay. Now, if they cannot pay, you cannot extract water out of stone. Consequently, the Minister should write off those who cannot pay and from those who can pay he should try and find some other means of recovering those loans instead of spending \$165,693 on that project for this year.

I now come also to page 87, Food Technology Research and Development Centre. It seems to me that this aspect of the Ministry also is neglected, because I see there are two Superscale Officers there—subject to correction, as I speak from memory: one is a Superscale “C” and the other is a Superscale “H”, and these are the only

two superscale officers. I submit—this is no reflection on the officers concerned—that the people manning this Centre should be of higher status and of higher calibre, so that they can make a good job of this important aspect of Food Technology Research and Development. One has only to go to any shop, either in Singapore, or in this country, to see the voluminous tin food that is imported into this country. We, in this country, have a large variety of fruits and we have also a large variety of vegetables. Consequently, if we devote money to research in this direction, then we can, whether in season or out of season, can our vegetables and our fruits not only for domestic consumption but also for the export market. As I have pointed out before the People's Republic of China is flooding the South-East Asian countries with her tinned food. Why can't we do the same thing? Certainly our fruits like rambutans, papayas, durians and the like cannot lose out to the fruits that come from the People's Republic of China. In a previous session of this House, I brought to the attention of the Honourable Minister, how during the peak of the season the farmers in Johore had to let their *nanas*, pineapples, rot by the roadside. If we have a proper research on this thing and we have the capacity to take off all those surpluses which the factories cannot cope with, then we can easily can the fruits instead of letting them rot by the roadside and leave behind a whole heap of frustrated farmers. I do know that in the Development Estimates for last year, for Food Technology Research, the sum of \$25,000 had been allocated and for this year the sum of \$2.127 million have been allocated under the Development Estimates for this project. Although we are not debating the Development Estimates, I shall be grateful if the Minister will clarify how best he wants to spend this \$2.127 million on this Food Technology Research and Development Centre.

On page 108, O.C.A.R., Sub-head 8, the paltry sum of \$435 has been allocated to the Fruit and Vegetable Canning and Freezing Research Station. I submit that this is a derisive figure that the Ministry has put in for

an important thing like the Fruit and Vegetable Canning and Freezing Research Station. What can the Ministry hope to achieve with this \$435 O.C.A.R.? What should be given is not \$435, but perhaps \$435,000 so that a proper job can be made on this important aspect of the workings of the Ministry of Agriculture.

I come now to page 92, Coconut Rehabilitation. In this year, the allocation is \$334,000 plus and the O.C.A.R. on page 110 is \$204,300. In the Development Estimates I notice that last year for this Scheme there was \$2.141 million and this year there is an allocation of \$2.966 million. I submit that coconut rehabilitation was started on the eve of the 1964 elections as an election stunt and this is confirmed by the fact that soon after the election, very little has been done. This year, admittedly, a little more is being done. I do hope that the Honourable Minister will really go on into this question of coconut rehabilitation. I believe he himself has mentioned the fact that from coconut the revenue is in the region of \$400 plus per acre per year. That is a substantial sum of money for any farmer. If he is possession of 10 acres of coconut, at the rate the Honourable Minister has mentioned, he would be getting \$4,000 plus from 10 acres of coconut. Consequently I would urge the Honourable Minister to press on with this question of coconut rehabilitation and when his time for reply comes, I do hope that he will give us some details of the projects that are being undertaken by his Ministry this year instead of telling us about pilot projects. The time for pilot projects is long past. What we are interested is what the Government is doing to rehabilitate the thousands of acres of coconut plantations in this country.

I now come to page 93, the Drainage and Irrigation Division. We do know that the Drainage and Irrigation has been very active but, unfortunately, this country is being plagued by floods every year during the North-east Monsoon. The year before there was a disastrous flood that caused havoc in Kelantan and Trengganu and Pahang.

Last year, that is a few months ago, we have seen floods in Kelantan and in Johore. The fact that they occur means that we have not harnessed the forces of nature, that is the floods, for the use of man. I believe there was a hydrologist who visited this country very recently, only about two or three weeks ago, and he was appalled to find out that there was no qualified hydrologist in this country. Unless we make a serious attempt to find why floods occur and how the flood waters can be harnessed to the use of man, then that long will we continue to spend not hundreds or thousands, perhaps millions of dollars in trying to rehabilitate the people after the floods have come and gone. I would urge the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives to send people to be trained as hydrologist so that when they come back they can help us to overcome this great disaster that perhaps the people in the East Coast have come to expect as an act of God.

I come now to the Co-operatives Department. The Co-operative Movement in this country is, generally speaking, a tale of woe as revealed by the Auditor-General's Report for the year 1965. It is also true to say that the Co-operative Movement is riddled with scandals, as I shall presently show. For example, the Federation of Malaya Government Officers' Co-operative Housing Society; the scandal there has been exposed in this House and I believe the Anti-Corruption Agency is still investigating the scandals, malpractices, in that society. We saw in the Press recently that the humble rank and file of the Society, that is the ordinary members who pay their dues regularly and have no part in the shaping of policy, or taking important decisions in that Society, are being penalised to the extent that although they have paid their dues regularly, now they find that there is not enough money to continue with the project and, therefore, they cannot get their houses. I notice also that they have appealed to the Prime Minister and there has been a statement by the Permanent Secretary to the Treasury that unless the Society puts its own

house in order, the Treasury will not release one cent of money allocated for that purpose. I do hope that the Anti-Corruption Agency will complete its work quickly and that the Housing Society will put its own house in order, so that they can get the money they need to build the projects and therefore ease the suffering of the rank and file of that society.

Another society has also been highlighted in this House. I refer to the Sharikat Kerjasama Polis di-Raja, where the Society has bought two pieces of land but has no subsidiary co-operative housing society to develop the land. In answer to a Written Question that I have asked in this Session of the House, the Minister now tells us that this Sharikat Kerjasama Polis di-Raja has now established a Housing Society to develop those two pieces of land, one in Klang and one in Ipoh Road. It is needless for me to say that if the Minister, in his peregrinations up and down the country, were to stop and ask any *mata-mata*, be it in Trengganu, or be it in Penang, or be it in Kelantan, all the *mata-matas* in this country will swear at the officers of the Sharikat Kerjasama Polis di-Raja for mismanaging the affairs of this Society, and I do hope that the Minister has caused a thorough investigation into the affairs of this Co-operative Society.

Mr Chairman, Sir, according to the Auditor-General's Report that I have here with me, for 1965 there are 2,295 active societies and 409 societies in liquidation whose accounts have not been audited for periods ranging from 3 to 14 years. Now, Mr Chairman, Sir, this is a scandalous state of affairs in the Co-operative Movement in that there should be such a large number of societies, running into thousands, whose accounts have not been audited for periods running from 3 to 14 years. I do know that, in reply to another question for Written Answer by the Minister, the Minister has now said that "the audit of these societies has always been up-to-date. In addition to annual audits, regular checks are also made on the accounts of such societies". Now, this assurance given by the

Minister is not in consonance with the Report of the Auditor-General and I do hope that he will strengthen the Audit Department of his Ministry, so that they can keep a check on the thousands of co-operative societies that have sprung up in this country.

Mr Chairman, Sir, I now wish to bring to the attention of the Minister one aspect of the Co-operative Movement that I really cannot fathom: I refer to this Report again of the Auditor-General, page 50, paragraph 200—Co-operative College, Petaling Jaya. I refer to this passage:

"In 1965" (Mind you, this Report was submitted in 1967 which means that there is a 2-year lag)—

"The 1965 Statements of Accounts of the College have not yet been produced to me.

Mention was also made in the 1963 Audit Report of College Funds totalling \$48,343 having been misappropriated by the College Financial Clerk. The Clerk has absconded and action to recover at least a part of the misappropriated amount from the bank has not yet been completed."

Now, I fail to see how that College can justify its existence. That College is supposed to train officers for the Co-operative Movement. How can you set an example to your graduates, if your own accounts have not been properly audited and on time? I submit that the Minister should cause a shake-up in that College, so as not to bring the Co-operative Movement into disrepute. And as for recovering the \$40,000-over that has been misappropriated, I do not see how. If it is misappropriation it amounts to C.B.T. That being so, I do not see the necessity for the statement "to recover at least a part of the misappropriated amount from the bank has not yet been completed". This case should have been—I hope it has been—reported to the Police and the Police should have arrested this person on a charge of C.B.T. instead of only trying to recover the sum misappropriated. Again, I reiterate that I do hope that the Minister should look into the affairs of the Co-operative College, Petaling Jaya, a little more closely so that it can set a lead to the rest of the Co-operative Movement in this country.

Now, Mr Chairman, Sir, as another example of the woeful state of the Co-operative Movement, I now wish to touch on the Apex Bank and on page 229 of the Written Answers, in answer to a question that I have asked about the Apex Bank, the Minister answered that the Padi Kuncha Subvention outstanding as at 31st December, 1967, amounted to \$2.9 million; overdue amounts to \$1,167,998. Now, Mr Chairman, Sir, this is a deplorable state of affairs that sums involved are not, as I have read just before, tens of thousands; the sums involved now amount to millions and the Minister should be very strict to see that the Co-operative Movement should comply with the laws or the by-laws that they themselves have set out for themselves; and this sum of \$1.1 million that is overdue should have been paid back by the end of the year as stipulated, and I notice in the reply the Minister has not told us what action he has taken to see that this overdue sum is returned by the Apex Bank.

Pengerusi, saya ingin membaca sa-puchok surat yang di-terima oleh saya daripada sa-orang dari Melaka yang bernama Jantan bin Ahmad.

“Tuan,

Perkara Ahli Dewan Negeri Melaka kawasan Jasin dan juga Ahli Majlis Kerja (Exco) Kerajaan Melaka menyalah-gunakan wang Sharikat Kilang Padi Bekerjasama² Jasin Darat Berhad. Yang Berhormat”—(Tidak payah-lah saya baca nama ini, tetapi kalau Menteri hendak nama ini saya boleh menyampaikan nama ini kepada Menteri yang berkenaan)—“Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Melaka dan juga Ahli Majlis Kerja Kerajaan Negeri Melaka telah menyalah-gunakan wang Sharikat Kilang Padi Sharikat Bekerjasama² Jasin Darat Berhad sa-banyak \$5,000 sa-masa beliau menjadi Setia-usaha Sharikat tersebut. Wang ini telah senyap begitu sahaja. Sharikat ini telah membuat banyak—pinjaman dari Kerajaan. Oleh itu untuk menyedarkan Kerajaan dan menjadi tau-ladan kepada Ahli Dewan Ra'ayat dan Negeri yang lain saya berpendapat perkara ini patut di-bangkitkan di-Parlimen.

Oleh itu, saya berharap-lah dengan kerjasama tuan dapat membangkitkan perkara ini. Kerjasama tuan itu terlebih dahulu di-ucapkan terima kaseh, dan saya sedia bertanggung-jawab perkara ini benar berlaku”.

Tandatangani sa-orang Jantan bin Ahmad.

Saya, berharap, Tuan Pengerusi Menteri yang berkenaan boleh siasat perkara ini dengan teliti. Terima kaseh.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong perbe-kalan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Dan bagi pehak pengundi² dan penduduk² di-daerah saya khas-nya kawasan Seberang Perai Utara, saya mengambil peluang ini menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri dan kepada pegawai²-nya yang telah pun menjalankan tugas dengan sa-penoh-nya untuk menjadikan kawasan saya sa-bagai satu kawasan yang istimewa dalam Malaysia ini yang saya anggap pada masa sekarang ini, oleh kerana kawasan saya boleh menanam padi dua kali sa-tahun sa-luas 20,000 ekar lebih dan menjadi pelupor kepada penana-man padi dua kali sa-tahun seluruh Malaysia. Dan juga kawasan saya di-pilih untuk menjadikan sa-buah sekolah pertanian untuk pelateh², pegawai² pertanian muda yang ada di-sana dan juga di-adakan pusat penyelidekan padi yang terbesar di-Tenggara Asia. Dan oleh kerana ada-nya sekolah dan pusat penyelidekan ini banyak-lah pelanchong² atau pun orang yang gemar dalam pertanian datang melawat ter-masok-lah Perdana Menteri Ceylon juga Duli Yang Maha Mulia Shahanshah. Dan saya sa-kali lagi menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Yang Berhormat dan pegawai²-nya yang telah bertugas dengan sa-penoh-nya, tetapi sayang sedikit, Tuan Pengerusi, bagi negeri Pulau Pinang sa-hingga hari ini kita tidak ada sa-orang pegawai pertanian negeri yang jawatan-nya kosong dan saya harap pehak Yang Berhormat Menteri chuba-lah isikan jawatan itu supaya dapat memajukan lagi ran-changan pertanian di-dalam kawasan saya dan di-negeri Pulau Pinang ke-seluruhan-nya.

Pada tahun ini petani² di-sana ber-shukor kepada Tuhan, kerana mendapat hasil padi yang terbaik sa-kali dan harga padi pun terjamin lebih daripada

yang di-tetapkan oleh Kerajaan yang mana Kerajaan telah menetapkan sa-banyak \$16.00 sa-pikul, tetapi pada hari ini sa-hingga \$21.00 dan \$22.00 sa-pikul. Jadi, pehak² petani sangat-lah berbesar hati dan terima kaseh kepada Kerajaan yang telah pun mengambil berat di-atas nasib petani². Chuma satu kawasan sahaja yang sa-luas lebeh kurang 300 ekar ia-itu di-Pinang Tunggal. Rumah pam yang besar sudah pun siap dan sambongan bekalan leterik sudah pun sampai ka-rumah pam besar itu. Ada sa-buah rumah pam kechil lebeh kurang sa-tengah batu daripada rumah pam besar. Rumah pam kechil ini sudah siap hampir² sa-tahun tetapi malang-nya sambongan bekalan leterik untuk menjalankan jentera rumah pam ini belum lagi di-laksanakan oleh Lembaga Leterik Negara. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya berikhtiar dengan sa-chepat mungkin untuk membolehkan petani² di-kawasan Pinang Tunggal membuat bendang pada musim yang akan datang, kerana kawasan ini terlibat dalam Rancangan Bertam yang mana pada masa dahulu sa-buah Ladang Bertam di-beli oleh Bank Persatuan dan di-pechah² kan di-beri balek kepada orang yang menumpang di-atas Ladang Bertam ini. Dan pehak² penumpang ini yang mendapat tanah daripada ikhtiar Bank Persatuan berharap untuk hendak berusaha di-atas tanah mereka itu dan daripada hasil atas usaha mereka di-atas tanah baharu-lah mereka itu boleh bayar balek hutang kepada Bank Persatuan. Jadi, kalau-lah mereka ini dapat buat sawah dua kali sa-tahun, hutang-nya hampir² 10 tahun agak saya mereka tidak boleh bayar kerana tidak boleh berusaha di-atas tanah sawah mereka. Sa-kira-nya sambongan bekalan leterik ini sampai kepada tempat rumah pam yang kechil itu, saya yakin dan perchaya mereka akan bayar hutang mereka dan sa-sudah jelas hutang itu dapat-lah mereka memileki tanah itu dengan nama mereka sendiri. Saya berharap Yang Berhormat akan berikhtiar-lah dengan sa-berapa daya yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian kepada muka 108, Pechahan-

kepala 11—Charum kepada Pentadbiran Bank Agong, yang di-untokkan di-sini sa-bagai peruntokan bersharat sa-banyak \$10. Saya telah dengar ura², ia-itu Bank Agong ini hendak menjalankan sa-bagai Bank Perdagangan dan Perusahaan, ia-itu Commercial Bank. Ura² ini beberapa tahun sudah berlalu sa-hingga hari ini belum lagi timbul penubohan Bank Agong yang akan menjadi sa-bagai Bank Perdagangan dan Perusahaan. Saya mendapat tahu Bank Agong telah mengumpulkan sa-bahagian daripada wang untuk hendak menjadikan sa-bagai Bank Perniagaan dan Perusahaan. Saya berharap kepada pehak Kerajaan supaya beri pinjaman kepada Bank Agong ini wang yang tidak chukup untuk membolehkan bank ini mendaftarkan sa-bagai Bank Perniagaan dan Perusahaan yang di-kehendaki sa-banyak \$2 juta dan kemudian-nya Bank Agong akan berusaha memungut balek wang daripada ahli² sharikat supaya dapat mereka ini bayar balek hutang kepada Kerajaan. Dengan ini dapat-lah Bank Agong memainkan satu peranan yang penting membuka chawangan Bank² Persatuan di-tiap² negeri maka boleh-lah memudahkan lagi petani² dan nelayan² menggunakan Bank Kemajuan Sharikat Kerjasama² sa-bagai harapan di-atas usaha tenaga mereka itu hendak menjalankan perniagaan besaran² dan lain² lagi.

Sekarang saya menarek perhatian kepada Pechahan-kepala 15—Perbelanjaan Pentadbiran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Perbelanjaan ini nampak-nya chukup banyak dan saya sokong penoh-lah di-atas perbelanjaan ini, kerana dengan ada-nya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan ini khas-nya di-tumpukan kepada pemasaran padi, telah mendapat kesan yang penoh dan pehak² peladang sa-bagaimana saya sebutkan tadi telah pun dapat jaminan di-atas harga pasaran padi mereka itu pada masa sekarang, bukan sahaja negeri Pulau Pinang bahkan di-negeri lain². Sunggoh pun belum lagi FAMA ini mengambil bahagian membeli padi daripada peladang², chuma pada masa

sekarang ini FAMA mengambil, memainkan satu peranan untuk mengawal pasaran padi juga mengeluarkan lesen. Dengan ini juga nampak-nya kemajuan yang di-chapai ini sangat-lah memuaskan. Saya mengambil peluang ini menguchapkan banyak terima kasih kepada pehak yang berkenaan yang telah pun menjalankan tugas untuk kepentingan peladang² di-seluruh negara kita ini.

Saya berharap pada masa² yang akan datang bukan sahaja pemasaran padi dapat di-kawal, bahkan pemasaran hasil² pertanian yang lain pun dapat di-kawal juga supaya petani² kita yang mengharapkan kehidupan mereka di atas pertanian dapat harga yang baik di atas tenaga mereka itu sendiri.

Apa yang saya berharap untuk harga padi ini selalu-nya terjamin, untuk negeri Pulau Pinang sendiri ia-itu Persekutuan Persatuan² Peladang Negeri Pulau Pinang, saya sa-bagai Yang di-Pertua-nya, telah pun memohon supaya Kementerian atau pun FAMA jangan mengadakan sebarang Undang² untuk menyekat pembeli² padi luar daripada negeri Pulau Pinang. Kira-nya tidak ada sekatan maka pasaran bebas akan berlaku dan orang² yang luar daripada negeri Pulau Pinang dapat datang membeli padi bertanding, maka petani² akan dapat harga padi yang baik. Ini satu chara yang saya berharap pehak Kementerian akan mengkaji dan mengambil perhatian supaya jangan ada sebarang sekatan dan kita bukakan kepada siapa juga yang ingin hendak membeli padi supaya faedah lebih dapat kepada petani² kita.

Mengenai Pengerusi FAMA, saya dapat tahu jawatan itu sudah pun lama kosong dan tidak di-isikan. Saya berharap-lah kepada pehak yang berkenaan untuk melantekkan ganti kepada Pengerusi yang lama itu yang terhenti dan saya pun tidak tahu-lah sebab apa di-berhentikan Pengerusi yang lama itu.

Jikalau sungguh pun chukup tempoh, kerana apa, tidak di-rekmenkan supaya dia di-lanjutkan perkhidmatan-nya sa-bagai Pengerusi FAMA. Jadi saya berharap-lah kepada pehak yang ber-

kenaan supaya dapat melantek sa-mula Pengerusi FAMA kerana sa-hingga berbulan² tidak dapat di-ganti, ma'ana-nya tidak ada orang yang sanggup. Oleh yang demikian kalau tidak ada orang yang sanggup tidak payah kita chari orang kita lantek-lah Pengerusi yang lama supaya boleh menjalankan tugas-nya dan saya berharap-lah barangkali saya pun tidak tahu-lah—ada di-kehabarkan kepada saya ini sudah pun di-lantek—jadi saya minta ma'af, saya tidak tahu perkara ini, jikalau sudah di-lantek bagus-lah.

Satu perkara, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai pengeluaran lesen membeli padi. Satu perjumpaan telah pun diadakan di-kawasan saya yang mana telah pun mengambil satu keputusan bahawa lesen² baharu akan di-beri kepada kilang² yang lama dan yang kedua-nya kepada kilang² padi sharikat kerjasama dan yang ketiga-nya kepada Persatuan² Peladang. Banyak di-antara Persatuan² Peladang telah membuat permohonan untuk mendapat lesen membeli padi kerana Persatuan² dapat mengumpolkan padi daripada ahli² mereka itu untuk mendapatkan harga padi yang baik. Tetapi di-beri tahu kepada saya Persatuan Peladang tidak di-beri lesen untuk membeli padi. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat membolehkan Persatuan Peladang membeli padi dengan mengeluarkan lesen kepada mereka itu supaya dapat mereka usahakan mengumpolkan padi² daripada ahli² mereka sendiri dan dapat jual kepada kilang² yang besar². Jadi dengan chara ini dapat-lah satu harapan kepada Persatuan² Peladang atau galakan kepada Persatuan² Peladang untuk memainkan peranan dalam perkara pemasaran.

Perkara muka 109 Butiran 28—Pertunjukan Pertanian dan Pelajaran Peladang. Saya sangat tertarik hati di atas pelajaran peladang ini dan juga pertunjukan pertanian.

Pertunjukan pertanian yang mana kita biasa adakan di-negeri baik walau pun di-perengkat Persekutuan, kita tunjukkan hasil² pertanian yang mana kita anggapkan yang terbaik sa-kali. Pada

pendapat saya, dengan chara yang sabagini tidak akan memberi kesan kapada petani², tidak akan memberi lebeh galakan kapada petani². Apa yang kita berharapkan ia-lah untuk hendak memberi galakan, hendak memberi semangat baharu kapada petani² muda khasnya untuk mereka ini lebeh² giat lagi berusaha di-atas pertanian. Saya mengshorkan di-samping kita adakan pertunjokan pertanian patut kita adakan satu chara extension services, kata dalam bahasa kebangsaan, saya tidak tahu bahasa kebangsaan barangkali, perkhidmatan pertunjokan—tiap² mukim atau pun tiap² daerah diadakan satu kawasan khas yang mana satu daerah itu mithal-nya berusaha di-atas tanaman padi, satu daerah lagi berusaha di-atas tanaman kelapa, satu lagi berusaha di-atas perkara ternakan, satu lagi di-atas sayoran², buah²an dan lain². Dan dengan di-adakan di-tempat itu pegawai² Pertanian Muda untuk mengelola dan mengawas dan mengambil anak² peladang yang muda untuk bekerja di-sana, dan dengan sa-chara kerja di-sana membolehkan mereka itu belajar sendiri dengan chara prektik.

Sa-sudah mereka dapat belajar yang sa-penoh-nya maka boleh-lah mereka itu balek ka-kampong masing² berusaha untuk berdiri di-atas kaki-nya sendiri dan dengan tenaga sendiri untuk sara atau untuk menchari kehidupan mereka itu sendiri.

Banyak di-antara pemuda² kita di-kampong² suka datang ka-bandar untuk menchari kerja, kalau dapat kerja buroh pun mereka berpuas hati, tetapi malang-nya di-antara mereka itu tidak begitu faham. Jika mereka itu bekerja sa-bagai petani maka pendapatan lebeh lumayan daripada bekerja sa-bagai buroh. Jadi ini ada-lah menjadi satu panduan, pedoman kapada Kementerian ini untuk memberi sa-beberapa galakan kapada petani² muda kita supaya mereka berusaha dan pendapatan di-atas usaha dan tenaga mereka itu lebeh daripada bekerja sa-bagai buroh kasar di-dalam bandar dan sa-bagai-nya.

Jadi ini-lah satu perjuangan yang saya berharap² sangat² kapada Kemen-

terian ini akan memainkan satu peranan yang penting untuk menukar jiwa, atau pun fahaman petani² muda khas-nya di-luar bandar untuk berusaha berdiri di-atas kaki-nya sendiri.

Saya telah pun dapat tahu, ia-itu satu gerakan yang di-namakan Gerakan 4B. Jadi, saya berharap supaya Gerakan 4B di-chantumkan dengan Persatuan² Peladang, kerana saya dapat tahu gerakan ini maju di-lain² negeri dengan mengator dan menyusun supaya tiap² orang yang chenderong kapada sa-suatu jurusan di-beri segala galakan segala bantuan segala sokongan untuk memajukan jurusan itu sa-hingga mereka dapat berdiri di-atas kaki sendiri. Dan saya berharap 4B ini dapat bergerak di-luar bandar dan Persatuan² Belia yang lain itu barangkali pada pendapat saya dari segi ekonomik tidak akan memberi satu² keuntongan, bahkan apa yang patut di-perjuangkan sekarang ia-lah memberi segala galakan kapada belia kita yang di-luar bandar dari segi ekonomik, manakala mereka itu dapat pendapatan yang lumayan, baharu-lah mereka itu sendiri berusaha untuk memajukan kesenian, kebudayaan, permainan dan lain². Tetapi kalau ekonomik mereka itu maseh mundor, bagaimana-kah chara hendak memajukan chawangan² yang lain. Ini satu perkara yang sangat mustahak dan di-harapkan dapat perubahan dalam sedikit masa lagi.

Mengenai perkara muka 111, Butiran (64)—Menternak Ternakan. (Kemajuan Ternakan) Jadi saya berharap-lah bagaimana yang di-suarakan oleh saudara saya wakil daripada Krian Darat tadi, saya sangat² mengharapakan kapada pehak Kementerian supaya mengadakan ladang ternakan di-tiap² negeri, kerana di-Negeri Pulau Pinang ini belum lagi ada satu ladang ternakan yang sangat² di-harapkan untuk menternak lembu, kambing, dan kerbau, supaya membolehkan orang² yang chenderong di-atas perkara ternakan ini, datang melawat ka-sana dan belajar supaya dapat balek ka-kampong masing² berusaha di-atas ternakan, jadi perkara ini saya sokong penoh-lah supaya di-adakan dan dapat di-luaskan lagi seluroh negara kita ini.

Bayaran Pawah Kerbau dan Lembu perkara Butiran (65) ini pun saya berharap dapat di-tambahkan lagi peruntukan-nya di-sini chuma di-untokkan \$93,635 dan semenjak chara pawah ini di-laksanakan beberapa tahun boleh beri kemajuan² yang telah di-chapai pada masa dahulu-nya bahawa orang² yang miskin yang tidak ada apa juga hak punya-nya, sekarang telah pun dapat memileki sa-kurang²-nya sa-ekor kerbau betina, atau sa-ekor lembu betina dan kambing. Ini ada-lah satu dasar yang sangat baik untuk memberi harta milek dengan binatang yang hidup yang boleh membiakkan sahingga mereka dapat terima galakan dan berusaha untuk memajukan ternakan ini.

Tuan Pengerusi, muka 115, Butiran (121)—Penchetakan Borang² untuk Pendaftaran Persatuan Peladang dan Kajian Urusan Peladang peruntukan sa-banyak \$15,000. Saya telah pun menyuarakan dalam Dewan Yang Berhormat ini supaya Undang² Persatuan Peladang yang baharu yang telah pun di-luluskan di-dalam Dewan ini dapat di-laksanakan dengan sahcepat mungkin manakala saya perhatikan di-sini ada satu peruntukan untuk Penchetakan Borang² untuk Pendaftaran Persatuan Peladang, saya berasa chukup sukachita dan berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya memperchepatkan lagi penubohan Persatuan² Peladang mengikut undang² yang ada sekarang ini.

Buat masa sekarang ini pehak Kementerian, saya perchaya berasa churiga sadikit hendak melaksanakan penubohan persatuan peladang yang baru dan di-adakan satu ranchangan yang di-namakan projek perintis. Bagi kawasan saya sudah pun di-pileh satu Mukim ia-itu Mukim Lima menjadi sa-bagai projek perintis, saya yakin dan perchaya bahawa projek ini akan berjaya, di-samping itu untuk persediaan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai²-nya supaya mengeluarkan borang² permohonan daripada peladang² yang ingin menjadi ahli Persatuan Peladang yang baharu di-luar daripada Mukim projek perintis ini seluroh Negeri Pulau Pinang dan

Negeri lain², kerana dengan ini dapat kita kajikan berapa banyak-kah yang chenderong hendak menjadi ahli Persatuan Peladang yang baharu dan di-samping itu dapat kita tentukan kawasan² mengikut undang² baru ini tiap² sa-saorang peladang, dia ada kawasan yang tertentu kita dapat menentukan kawasan² dan dapat kita tentukan di-mana pejabat pentadbiran-nya dan juga segala urusan² mengenai pelaksanaan Persatuan Peladang yang baharu ini. Saya berharap sangat²-lah supaya di-perchepatkan lagi pertubohan pusat peladang ini, kerana saya yakin dan perchaya, ini-lah satu²-nya ranchangan yang akan menjadi sa-bagai satu jaminan hidup kepada peladang² dan petani² yang di-luar bandar yang menjadi satu nafas baru kepada peladang² kita dan dengan ada-nya, dengan terlaksana-nya persatuan ini, banyak perkara², peranan² yang penting yang boleh peladang² bermain kerana dalam undang² ini chukup luas, mereka boleh menanamkan modal, mereka boleh menguruskan pasaran hasil pertanian, mereka boleh mengadakan pengangkutan sendiri mengadakan kedai keperluan hari², boleh menyimpan wang, boleh meminjam wang dan sa-bagai-nya. Jadi ini-lah satu harapan baharu dan sa-belum pilehanraya tahun 1969 di-harap Yang Berhormat Menteri akan melancarkan dengan chara besar²an undang² ini supaya dapat kita beri jaminan kepada peladang² kita.

Tuan Pengerusi: Saya tidak suka hendak menyekat kebebasan yang Berhormat hendak berchapak, tetapi saya hendak beri peluang kepada ramai lagi Ahli² yang hendak berchapak mengambil bahagian di-dalam perkara² ini. Saya fikir, kalau dapat di-pendekkan, itu ada-lah lebeh baik sadikit.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Baik, Tuan Pengerusi, saya pendekkan-lah ucapan saya dengan mengakhiri di atas perkara muka 118, ia-itu periklanan. Saya patut juga berchapak di atas perkara ini kerana rasa saya patut berchapak hal periklanan yang berjalan di-Kuala Muda Seberang Prai satu tempat menangkap ikan dan nelayan² yang sangat² mundor kebelakang. Saya berharap kepada Yang Berhormat

Menteri ini, ini lagi sa-kali saya merayu supaya Yang Berhormat Menteri menggubalkan satu Rang Undang² untuk menjaga dan mengawal memajukan nelayan² kita yang terbiar sama seperti undang² Persatuan Peladang yang baharu. Ini-lah harapan saya dan dengan chara yang sa-macam ini dapat kita memberi peluang kepada nelayan² kita sendiri membaiki nasib hidup mereka yang terbiar, sungguh pun ada projek² mengenai pukat tunda. Jadi jikalau di-kaji dengan halusi-nya, chuma sa-bahagian kecil sahaja yang mendapat faedah daripada projek pukat tunda ini, sa-bilangan besar-nya belum lagi dapat faedah-nya, dan apa yang saya berharap, jikalau mereka ini hendak di-beri peluang tiap² orang ada bahagian dalam sa-barang projek, mithal-nya manakala Rang Undang² yang sama dengan Rang Undang² Persatuan Peladang dilaksanakan, tiap² nelayan yang ada di-Malaysia Barat. Ini, tidak kurang daripada 100,000 orang, jikalau sa-orang itu di-kenakan saham bayaran kata-lah \$10 tiap² orang. Persatuan Nelayan yang akan di-iktirafkan di-mestikan bayaran kata \$10.00 satu saham sakurang²-nya dan daripada wang ini dapat-lah Kementerian kumpul dan buat ranchangan² yang prektik supaya di-berikan alat² penangkap ikan kepada persorang, atau pun pakatan, atau pun kepada Sharikat Bekerjasama², atau pun pada kumpulan² yang kita harap mereka dapat menjayakan ranchangan menangkap ikan, dan jikalau wang tidak cukup pehak Kementerian boleh pinjam daripada Kerajaan membantu nelayan² kita supaya jaminan pada masa hadapan atas kehidupan mereka itu lebih baik lagi. Jikalau tidak kita buat begitu, Tuan Pengerusi, saya perchaya nelayan akan mundor terus akan mundor. Ini-lah harapan saya, saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian di atas nasib Nelayan² kita yang sangat² mustahak kepada sokongan dan arahan, bantuan, pimpinan Kementerian ini. Terima kaseh.

Tuan Aziz bin Ishak (Muar Dalam):
Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit berkenaan dengan

peruntokan 12B muka 88 berkenaan bahagian pertanian. Saya menyokong penoh atas usaha Kementerian ini untuk menggalakan petani² kita untuk bertanam serba jenis tanaman dan di-harapkan usaha ini akan dapat sambutan dari seluroh petani² kita di-negeri ini, kerana jika petani² kita galak bertanam serba jenis tanaman dengan tidak mengharapkan hanya sa-jenis tanaman untuk keperluan hidupnya, maka jika satu² jenis tanaman itu rosak dan musnah dan jatuh harga-nya, maka ia akan dapat menggunakan jenis² yang lain sa-bagai mata pencharian-nya. Dari segi tanaman padi pula, Tuan Pengerusi, kita semua ketahu² bahawa ranchangan Kerajaan sedang menuju kepada menchukupi keperluan sendiri dan di-harapkan apa yang telah di-janjikan oleh Kerajaan pada tahun 1971 apakala ranchangan Tali Ayer Sungei Muda siap, ada harapan kita tidak payah membeli padi daripada luar negeri. Kita sungguh tidak bernasib baik, kerana sementara scheme Kerajaan ini siap dengan keadaan dunia sa-keliling, harga getah telah jatuh dan harga beras telah melambong tinggi. Padahal ra'ayat kita khas-nya petani² tidak ada persediaan untuk mengatasi perkara ini. Dari segi bertanam padi ini nampak saya, ada negeri² yang penduduk²-nya suka dan galak bertanam padi, malah mereka telah menjadikan satu mata pencharian, menchari hidup-nya sa-hari², tetapi ada sa-tengah² negeri, umpama-nya di-negeri Johore, kebanyakan penduduk² di-sana sa-mata² mata pencharian-nya berharap kepada getah sahaja. Jikalau ada penanam² padi pun, hanya-lah bekerja sambilan² sahaja. Saya hendak menyentoh sedikit satu ucapan yang telah di-berikan oleh sa-orang rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Johore Bharu Barat, dalam masa perbahathan belanjawan beberapa hari dahulu. Kata-nya, saya quote di-sini "Tetapi malang-nya padi itu hanya di-tanam di-tanah² di-kawasan utara Malaysia Barat. Tetapi di-Johore boleh di-katakan tidak ada ranchangan tanam padi. Hanya ada di-Sarang Buaya ia-itu di-kawasan Batu Pahat, antara Batu Pahat dan Muar." Kenyataan ini sangat-lah mengelirukan dan tidak

benar, kerana dalam usaha penyediaan tanah untuk bersawah padi ini, pehak Kerajaan Negeri Johore telah pun menyediakan tanah² sawah beribu² ekar umpama-nya di-Kahang telah di-sediakan lebeh daripada 4,000 ekar dan di-Endau-Mersing ada lebeh kurang, 2,000 ekar lebeh. Perbelanjaan untuk taliayer tanah² sawah ini, Kerajaan telah membelanjakan lebeh daripada \$2 juta, bukan di-sini sahaja tanah persawahan telah di-sediakan tetapi banyak tempat² yang lain, sa-lain daripada tempat yang di-sebutkan itu. Saya berasa hairan Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu keadaan yang sa-benar-nya yang ada di-dalam Negeri-nya sendiri. Apa telah jadi kepada tanah² yang telah di-sediakan oleh Kerajaan ini, Tuan Pengerusi, tanah² itu telah tinggal terbiar, tidak ada petani² yang hendak datang bertanam padi di-tempat itu. "Walau pun pehak Kerajaan Negeri telah berusaha melalui berbagai² saluran menyeru petani² supaya mengambil tempat itu, tetapi tidak ada petani² yang hendak berhijrah bertanam padi di-tempat itu, chuma ada hanya beberapa orang sahaja. Keadaan ini telah pun diterangkan oleh Menteri Yang Berhormat pada masa menjawab soalan di-dalam perbahathan belanjawan dahulu.

Di-Johore sahaja kawasan yang sesuai bertanam padi. Ada berpuluh² ribu ekar. Apa yang saya nampak, Tuan Pengerusi, ada satu jalan yang sesuai melalui Jabatan Pertanian ini, ia-itu membuat satu scheme, atau ranchangan bagi menolong petani² ini supaya mereka dapat galak dan suka pergi berhijrah bersawah padi, atau mengubah mata pencharian-nya kepada menanam padi. Jaminan hidup sementara mereka mendapat hasil tanaman padi hendak-lah di-rangkakan, kerana barangkali ada sa-tengah² petani yang berasa churiga hendak berhijrah bertanam padi di-sebabkan jaminan hidup sementara tidak dapat di-atasi. Saya menhadangkan ranchangan ini hendak-lah di-buat, atau pun di-rangkakan sa-akan² ranchangan Lembaga Kema-juan Tanah, kerana di-sini mereka dapat ketentuan chara menjamin hidup mereka sa-hari². Jabatan Pertanian

hendak-lah bekerja keras untuk men-daftarkan petani² yang ada di-kampong² sa-terus-nya memberikan penoh galak-kan supaya mereka itu dapat menyertai langkah² Kerajaan dari segi persawahan padi ini. Saya penoh perchaya jika scheme ini dapat di-chuba, atau pun di-buat pilot scheme di-jalankan di-dalam negeri² yang terlibat bagaimana yang saya katakan tadi, maka chita² Kerajaan hendak menuju kepada segi menchukupi keperluan sendiri akan dapat berkesan dan berjaya.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan Sharikat Ker-jasama² Kilang Padi. Di-dalam kawasan saya banyak di-dapati kilang² padi haram telah di-tubuhkan ini telah men-jadikan satu anchaman kepada Shari-kat Kilang² Padi yang besar. Saya ber-harap kepada Kementerian ini supaya dapat membuat satu undang² atau pun mengambil tindakan yang tegas untuk menchegeh supaya kilang² padi haram ini tidak di-tubuhkan berleluasan. Dengan jalan demikian Sharikat² Kilang Padi yang di-tubuhkan oleh petani² kita akan dapat hasil dan berjalan dengan memberikan pertolo-ngan besar kepada ahli² mereka itu.

Sekian-lah saya menyokong cha-dangan² ini.

Dato' Abdullah bin Abdulrahman (Kuala Trengganu Selatan): Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ber-chakap berkenaan dengan muka 85 berhubung dengan peladang² kita. Saya suka mengeshorkan kepada Kerajaan supaya menjadi mutlamat tegas Kera-jaan kita, ia-itu di-dalam masa sa-berapa segera tiap² sa-orang peladang di-beri peluang memileki sa-kurang²-nya sa-keping tanah. Pada masa ini maseh banyak peladang² kita menyewa tanah² daripada orang lain, atau pun daripada absentee land lord. Negara ini ada-lah negara pertanian dan ada-lah di-harap apakala tiap² peladang ada mempunyai tanah hak kepunyaan sen-diri, taraf hidup mereka akan ber-tambah tinggi.

Saya ketahuī, Tuan Pengerusi, tanah ia-lah kuasa Kerajaan Negeri. Kita maseh mempunyai banyak tanah di-seluruh Malaysia ini. Apa yang saya

berharap ia-lah Kerajaan Pusat melalui Kementerian ini akan mengambil segala langkah dan inisiatif untuk mendapatkan tiap² sa-orang daripada petani kita di-beri sa-kurang²-nya sa-keping tanah.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, kita ada mendengar sa-tengah² Negeri, mithal-nya negeri Kelantan, ada baharu² ini memberi sampai beratus² ribu ekar tanah kepada satu company atau pun satu sharikat sahaja padahal, Tuan Pengerusi, kita tahu banyak petani² kita yang maseh tidak ada mempunyai tanah. Kalau-lah bagini chara Kerajaan Negeri menjalankan pentadbiran tanah maka segera ra'ayat akan bankrap dan demokrasi akan menjadi puncha penderitaan dan kesusahan dan bukan puncha kesenangan kepada ra'ayat.

Sekarang saya berpaling pula kepada Chawangan Penyelidikan atau pun Research Branch, muka 90, saya berharap Kementerian ini ia-itu didalam Research Branch akan membuat penyelidikan halus dan sa-chara detail tentang kegunaan tanah dan persesuaian tanah dengan jenis² tanaman di-negara ini. Mithal-nya tanah ini layak untuk tebu dan tanah untuk kelapa sawit dan sa-bagai-nya, dan dengan ada-nya penyelidikan² ini dan laporan yang tersusun daripada Kementerian kita ini, saya berharap boleh-lah tanah² kita di-gunakan dengan lebeh berfaedah lagi dan menambah hasil yang lebeh banyak lagi kepada Kerajaan.

Berkenaan dengan Bahagian Kema-juan Kerjasama (Co-operative Development Division), muka 99, di-mana² negara, Tuan Pengerusi, yang sedang membangun di-chawangan ekonomi-nya kecekapan perjalanan Co-operative Development-nya ada-lah sangat perlu. Saya berharap Kerajaan akan menyusun sa-mula bahagian co-operative kita ini, baik di-dalam bentok-nya, mahu pun pentadbiran-nya. Co-operative, saya rasa patut tinggal di-bawah satu Kementerian yang berasingan, atau kalau Kerajaan tidak mampu buat sementara ini berhubung dengan perbelanjaan, sa-kurang²-nya ada satu orang Menteri Muda mengambil untuk

menjaga berkenaan dengan Co-operative Division ini. Dengan ada-nya pandangan saya ini, Tuan Pengerusi, bukan-lah berma'ana saya tidak memperhargai kerja² yang sedang di-jalankan oleh Kementerian sekarang ini, tetapi ia-lah sa-kadar sa-bagai ikhtiar untuk menambah kebaikan.

Yang akhir-nya, Perikanan, Tuan Pengerusi, muka 103, saya suka minta kepada Kementerian ini mengambil anisiatif dan langkah menggalakkan ahli² perusahaan menambah kilang² ikan sardin di-Malaysia ini khas-nya di-negeri Trengganu yang ada mempunyai nelayan sa-ramai 14,000 orang. Saya suka menyatakan di-sini, ia-itu ra'ayat negeri Trengganu menyambut baik dan berasa bershukor di atas usaha Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama hendak menolong nelayan² di-sana dengan lebeh banyak lagi motor² bot dan pukut².

Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Krian Laut): Tuan Pengerusi, dalam perbincangan mengenai peruntukan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini, saya suka-lah mengambil bahagian untuk menyentuh satu dua perkara yang saya harap akan mendapat perhatian terutama sa-kali oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Pertama sa-kali, Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh perkara Chawangan Penyelidik, muka surat 90. Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak sebutkan dalam perkara ini, ia-lah mengenai suatu perkara yang berlaku yang saya anggap perkara ini ada-lah sa-bagai suatu bencana alam yang telah menjadi anachaman kepada hampir² 3,000 ekar tanah sawah yang berada di-kawasan Sungai Baru hingga ka-Tanjong Piandang dan begitu juga dari Sungai Baru ka-Kuala Kurau di-dalam kawasan pilehanraya saya.

Bencana alam yang saya maksudkan ini, Tuan Pengerusi, ia-lah berhubung dengan keruntuhan bund yang di-pukul oleh ombak dari laut yang manatelah merosakan hampir 300 ekar tanah daratan yang berada di-sepanjang lebeh kurang sa-batu kawasan pantai di-tempat yang saya sebutkan

itu. Tuan Pengerusi, perkara yang berlaku ini bukan-lah di-dalam tempoh satu dua tahun ini sahaja, tetapi perkara ini telah lama dan perkara tersebut juga telah pun di-sampaikan kepada pihak² yang berkenaan dan menurut apa yang saya ketahui daripada pihak Jabatan Parit dan Taliayer Negeri yang mana perkara ini sedang di-dalam penyelidikan oleh pihak² pakar yang berkenaan untuk hendak menchegeh supaya keruntuhan bund, atau pun tanah² daratan ini akan dapat di-chegeh.

Tuan Pengerusi, akibat dari keruntuhan bund ini pada tahun ini lebeh dari 30 ekar sawah bendang yang padi²-nya sedang subur telah rosak binasa di-masoki oleh ayer masin, dan saya amat berharap-lah supaya perkara ini mendapat perhatian yang benar² berat oleh pihak Kementerian ini supaya dapat di-adakan bund yang lebeh kukoh, kerana hari ini bund² yang di-buat oleh pihak Jabatan Parit dan Taliayer Daerah di-situ hanya boleh sa-takat bertahan sahaja. Dan kalau kita melihat tentang ombak yang menggerunkan dan saya perchaya ini kalau tidak dapat di-chegeh, boleh jadi sa-bahagian besar kawasan daratan di-sekitar tempat yang saya sebutkan tadi akan musnah di-telan oleh lautan

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini ditanggohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

Jawatan-kuasa Perbekalan

Majlis Meshuarat Menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala B. 12—

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Tuan Pengerusi, menyambong ucapan saya

di-sa-belah tengah hari tadi dalam perbahathan mengenai peruntukan bagi Kementerian Pertanian ini, saya suka-lah meneruskan, ia-itu dalam Chawangan Penyelidikan, muka surat 90 juga. Yang kedua-nya, berhubung dengan Rancangan Mengepam Ayer di-Sungai Krian bagi kemudahan menanam padi dua kali sa-tahun yang akan membolehkan lebeh kurang 30,000 ekar sawah di-kawasan Krian Laut mendapat kemudahan dalam rancangan tersebut.

Perkara ini, Tuan Pengerusi, telah saya timbulkan di-dalam Persidangan Belanjawan pada tahun yang lalu dan saya menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian yang mana saya tahu telah pun mengambil perhatian yang berat di-atas rancangan mengepam ayer Sungai Krian ini. Menurut jawapan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri kepada pertanyaan bertulis saya di-dalam sedikit masa yang lepas, yang mana menurut jawapan beliau, pada masa ini pihak pakar² daripada Kementerian ini sedang menjalankan penyelidikan untuk mengetahui sama ada ayer di-Sungai Krian ini dapat di-gunakan untuk kemudahan menanam padi dua kali sa-tahun bagi kawasan Krian Laut. Dan apa yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri, jika sa-kiranya ayer di-Sungai Krian ini boleh di-gunakan, maka besar kemungkinan yang 30,000 ekar lebeh sawah padi di-kawasan Krian Laut akan dapat menanam padi dua kali sa-tahun pada tahun 1971 yang akan datang ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengambil kesempatan menggesa kepada pihak Kementerian Pertanian agar menyegerakan rancangan tersebut, jangan-lah di-tunggukan sa-hingga tahun 1971. Ini ada-lah oleh kerana memandang yang bahawa penghasilan padi ada-lah suatu perkara yang mustahak dan sedang di-beri perhatian yang berat oleh pihak Kementerian pada hari ini, lebeh² lagi. Tuan Pengerusi, kawasan Krian ini ada-lah merupakan sa-bagai kawasan sawah padi yang paling subur bagi negeri kita ini. Walau pun hari ini, Tuan

Pengerusi, kawasan tersebut di-tanam sa-kali sa-tahun, tetapi oleh kerana hasrat, semangat yang kuat daripada petani² di-kawasan ini, pada tahun yang lepas hampir 2,000 ekar, walau pun kawasan ini tidak mendapat kemudahan perbekalan ayer untuk menanam padi dua kali sa-tahun, tetapi petani² di-kawasan tersebut telah berikhtiar dengan chara bersendirian menanam padi dua kali sa-tahun, dan hasil yang di-perolehi oleh perchubaa² sa-chara bersendirian ini sangat menggalakkan, ia-itu dianggarkan hitong panjang antara 600 hingga 800 gantang sa-ekar telah dapat di-hasilkan oleh petani².

Jadi, dengan kejayaan tanaman sa-chara bersendirian ini-lah yang hari ini telah tidak dapat bersabar lagi petani² yang lain di-kawasan itu mendesak Wakil² Ra'ayat di-kawasan ini supaya menggesa kepada pehak Kerajaan memperchepatkan ranchangan mengepam ayer Sungai Krian ini.

Tuan Pengerusi, terlanjur saya berchakap di-atas perkara ini, patut-lah juga saya sebutkan, ia-itu jika sa-kira-nya ranchangan mengepam ayer Sungai Krian ini dapat di-teruskan, maka sa-lain daripada kawasan bendang yang sa-luas 30,000 ekar lebeh di-kawasan ini dapat menanam padi dua kali sa-tahun. Menurut apa yang di-fahamkan oleh pehak Jurutera Parit dan Taliayer Daerah pada saya sadikit masa yang lepas, kata beliau jika sa-kira-nya ayer Sungai Krian ini di-pam untuk kegunaan menanam padi dua kali sa-tahun bagi 30,000 ekar sawah di-Krian Laut, maka suatu perkara lagi akan mendatangkan faedah di-atas ranchangan yang tersebut itu, ia-itu sa-bahagian besar tanah² paya macham mana yang di-sebutkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat tadi, ia-itu ada sa-luas 12,000 ekar tanah sawah kawasan Beriak, kawasan Krian Darat jika sa-kira-nya ayer Sungai Krian ini di-pam, maka kawasan tersebut yang sa-lama ini di-tenggelami oleh ayer akan menjadi kering dan tanah tersebut boleh di-buka, jika sa-kira-nya ranchangan Sungai Krian ini di-jalankan. Jadi, memandang tentang faedah yang di-

dapati ini, maka saya fikir perlu sangat-lah perkara ini mendapat perhatian yang berat pada pehak Kementerian Pertanian ini.

Yang ketiga-nya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh muka surat 108, Pechahan-kepala 15—Perbelanjaan Pentadbiran kapada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, atau FAMA. Tuan Pengerusi, sa-bagai wakil yang datang daripada kawasan yang mempunyai penduduk hampir 100,000 orang petani, saya suka-lah mengambil kesempatan menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh dan tahniah kapada Lembaga Pemasaran Pertanian ini yang telah menunjokkan kejayaan-nya di-peringkat yang pertama, ia-itu berjaya mengawal harga² padi pada tahun yang ada ini. Pada masa ini kawasan saya petani² sedang sebok memotong padi dan harga pasaran padi pada tahun ini sangat²-lah memuaskan hati, dan pada masa dua tiga hari yang lepas, saya dapat tahu, pehak pembeli² padi di-kawasan saya ini telah membeli padi lebeh daripada \$21 sa-pikul, berbanding dengan harga yang di-tetapkan, ia-itu \$16 sa-pikul, tetapi, Tuan Pengerusi, memandang tentang kenaikan² harga padi ini, walau pun kalau kita kaji dengan chara sa-pintas lalu akan memberi faedah kapada petani², tetapi apa yang saya fikirkan kenaikan² yang melambong² ini, kalau di-biarkan mungkin sadikit sa-banyak akan mengakibatkan kesan² yang tidak baik kapada petani² sendiri. Oleh yang demikian saya mengharap-kan-lah kapada pehak Kerajaan supaya membuat suatu peratoran, atau pun sekatan terhadap kenaikan harga padi ini. Umpama-nya harga yang di-tetapkan hari ini \$16 sa-pikul dan patut-lah di-tetapkan pembeli² padi ini tidak akan boleh membeli padi lebeh daripada harga \$22 sa-pikul, sebab, Tuan Pengerusi, saya nampak kenaikan² harga padi ini boleh jadi pada ketika²-nya sengaja di-permain²kan oleh sa-tengah² gulungan, terutama sa-kali oleh pengilang² padi, kerana mengikut pengalaman² yang telah lepas mengilang² padi ini menaikkan harga² padi ini di-sa'at padi² yang di-tuai oleh petani² telah hampir habis, dan pada ketika ini-lah harga² padi akan

meningkat pada \$24 atau \$25 dan harga² yang lebih tinggi lagi, sedangkan petani² yang dapat menjual mengikut harga yang tersebut tidak-lah berapa kerat, atau pun berapa ramai yang mendapat faedah, dan di-takuti dengan harga yang di-naikkan oleh pengilang² padi ini, barangkali hanya sa-bagai suatu alasan terhadap mereka itu untuk hendak menaikkan penjualan harga beras oleh pengilang² ini. Ini-lah yang di-takuti, walau pun kita tahu hari ini, barangkali pehak Kerajaan telah menetapkan pembelian beras kepada kilang² tidak boleh lebih daripada harga yang di-tentukan oleh Kerajaan, tetapi kita khuatir kerana pengilang² ini mereka mempunyai persatuan yang kuat. Kita khuatir yang persatuan mereka ini mereka akan dapat menekan pehak yang berkenaan untuk tundok kepada kehendak mereka itu. Jadi, saya harap pehak Kementerian akan memikirkan hal ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan FAMA ini juga hari ini saya telah terbaca dalam surat-khabar yang pehak FAMA, atau Lembaga Pemasaran Pertanian telah melantik Pengerusi baharu-nya ia-itu Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Ghafar bin Baba telah di-lantik menjadi Pengerusi FAMA yang baharu.

Tuan Pengerusi: Saya suka mengingatkan Ahli Yang Berhormat, kita ini dalam Jawatan-kuasa; jadi chara dalam Jawatan-kuasa menegor kepada perbelanjaan² itu sahaja, tidak-lah beruchap panjang².

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Terima kaseh, tetapi oleh kerana terlanjur saya berchakap atas perkara ini, saya minta izin-lah sentoh sedikit lagi. Jadi, Tuan Pengerusi, saya rasa sabagian besar ra'ayat negeri ini tentu-lah terkejut dengan perlantikan tersebut, kerana, Tuan Pengerusi, bukan-lah Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Ghafar bin Baba itu tidak layak memegang jawatan tersebut, tetapi oleh kerana apa yang kita ketahui beliau ada-lah hari ini sedang memegang suatu jawatan yang maha penting dalam menentukan kedudukan ekonomi bumiputra dalam negeri ini,

ia-itu sa-bagai Pengerusi MARA, dan kerana hendak menumpukan khidmat-nya dalam jawatan tersebut, beliau telah meletakkan jawatan-nya sa-bagai Ketua Menteri Negeri Melaka. Tiba² kita dengar pula yang beliau telah ditugaskan memegang sa-buah perbadanan yang juga tidak kurang penting-nya. Kita tidak tahu-lah bagaimana pehak Kabinet telah mempersetujui perlantikan terhadap beliau ini. Dan kita harap-lah oleh kerana perkara ini telah berlaku, walau macham mana pun, kita perchaya-lah Yang Berhormat Tuan Ghafar akan dapat memimpin perbadanan ini.

Yang Keempat, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyentoh muka surat 99—Bahagian Kemajuan Kerjasama.

Tuan Pengerusi: Menyentoh itu berkenaan wang ini banyak-kah atau sedikit-kah, atau pun sengaja hendak beruchap sahaja? Saya suka mendengar wang itu chukup atau tidak chukup—tentang itu yang hendak di-ucapkan.

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Terima kaseh. Saya rasa peruntukan yang di-berikan ini ada-lah berpatutan, tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang saya harapkan, ia-itu saperti mana ucapan² yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini berhubung dengan kemajuan kerjasama ini, terutama sa-kali dalam penyusunan hendak menyatukan sharikat² kemajuan kerjasama yang kecil² yang berselerak di-tanah ayer kita pada hari ini, saya berseru-lah supaya perkara ini di-ambil tindakan segera, kerana pada masa ini

Tuan Pengerusi: Muka berapa?

Tuan Sulaiman bin Haji Taib: Muka 99—Bahagian Kemajuan Kerjasama, Tuan Pengerusi. Kerana hari ini saya dapati sharikat² yang hidup segan mati ta' mahu, ini maseh tidak di-usek dan di-harap-lah perkara ini akan dapat perhatian.

Dan akhir sa-kali, Tuan Pengerusi, sa-bagai menjimatkan masa, saya nampak Tuan Pengerusi sendiri sudah gelisah, saya berchakap lama, ia-itu

muka surat 103—Bahagian Perikanan. Dalam Bahagian Perikanan ini, Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah-lah kepada pihak Menteri yang berkenaan yang telah memberi perhatian yang berat di atas kemajuan penangkapan ikan dalam negeri ini, terutama sa-kali atas nasib nelayan². Dengan ada-nya bantuan² yang di-berikan melalui sharikat² kerjasama nelayan, tetapi apa yang saya harapkan memandang kepada peristiwa² yang telah berlaku terhadap sharikat² nelayan yang telah di-berikan bantuan oleh pihak Kerajaan pada waktu yang lampau di-mana berpuluh², beratus² ribu ringgit telah di-berikan bantuan tetapi bantuan² itu telah tidak dapat di-kendalikan dengan baik-nya oleh sharikat² nelayan atau badan² nelayan ini, maka di-harap-lah bantuan² yang akan datang sa-kira-nya ada bantuan di-keluarkan oleh Kementerian ini, maka di-harap-lah jangan di-berikan terus kepada pihak badan² sharikat² kerjasama nelayan itu, tetapi biar-lah di-tadbirkan oleh pihak Kementerian. Jangan-lah macham mana berlaku pada hari ini beberapa buah sharikat nelayan bila sudah terok keadaan-nya, tenat keadaan-nya, baharu-lah pihak Kementerian hendak mengambil alih, hendak mengendalikan perjalanan sharikat itu. Jadi, itu-lah ucapan yang dapat saya berikan dalam perbahathan mengenai peruntukan Kementerian Pertanian ini dan akhir sa-kali saya menyokong dengan penoh-nya di-atas peruntukan ini, terima kasih.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini. Saya suka-lah berchakap sedikit di-atas apa yang telah di-tayangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu berhubung dengan surat yang di-bacha-nya atas sa-orang Wakil Ra'ayat dalam kawasan saya di-Jasin, ia-itu Melaka Selatan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tujuan saya ia-lah hendak menerangkan kepada Majlis ini ada-lah surat yang di-hantarkan yang nama-nya Jantan bin Ahmad itu. Pada pendapat saya, ada-lah salah semua sa-kali, kerana, saya tahu Kesatuan Kilang Padi Jasin Darat telah

meminjam wang sa-banyak \$5,000 daripada Persatuan Kilang Padi Negeri Melaka dan wang ini telah di-selesaikan bagi pihak yang berkenaan sa-tahun yang lalu. Jadi, saya berharap kepada pihak yang membawa surat di-bachakan dalam Majlis ini, supaya dia berhati² hendak mengemukakan satu² surat, hendak memburokkan nama Wakil² Ra'ayat.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya suka-lah membawa kepada Bahagian Kemajuan Kerjasama, muka surat 111, Pechahan-kepala 71, Pelajaran Kerjasama, yang di-untokkan sa-banyak \$55,000. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, peruntukan ini kira-nya hendak memajukan pelajaran kerjasama ini tidak-lah menchukupi bagi seluroh Malaysia. Sa-tahu saya, di-Jabatan Kerjasama hanya ada mempunyai satu sahaja lori untuk di-tunjokkan tayangan wayang gambar bagi seluroh Malaysia. Jadi, baik-lah kalau dapat tiap² negeri di-adakan sa-lain daripada apa yang telah di-jalankan oleh Jabatan ini dengan mengeluarkan risalah², kursus² dan lain² bagi memajukan pelajaran kerjasama. Bagi pihak Jabatan Pelajaran Kerjasama ini, saya tahu bekerja sunggo² hendak memajukan pelajaran kerjasama, tetapi kewangan sangat-lah terhad. Tuan Pengerusi, permintaan saya itu-lah kalau dapat biar di-tiap² Negeri di-adakan sa-buah kereta wayang gambar berhubung dengan cherita² yang mengenai kemajuan kerjasama yang ada di-dalam dunia ini.

Muka 113, Pechahan-kepala 108, Perbelanjaan Pakar, yang di-untokkan \$162,600. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan dapat mengadakan pakar ini bagi menyiasat perjalanan apa yang telah di-buat yang telah di-chadangkan oleh Bank Kerjasama yang asal-nya Bank Agong Kampong Kerjasama² Malaysia, ia-itu hendak menjadikan sa-buah Bank Kerjasama yang betul² menjalankan perniagaan seperti bank² yang ada di-dalam Malaysia ini. Pakar ini sangat-lah dikehendaki. Saya tahu Yang Berhormat Menteri telah membuat pengakuan kepada wakil² bank ini. Di-sini saya

menegaskan lagi supaya Bank Kerjasama yang telah pun ada ini mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri, kerana ini-lah menjadi simbol kemajuan kerjasama di-dalam Malaysia.

Tuan Pengerusi, apabila saya sebut Bank Kerjasama ini, sa-kali lagi saya berkata satu tuduhan lagi telah di-buat oleh pehak Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi mengatakan Bank Agong Kampong telah membuat hutang yang banyak, berjuta². Pada pendapat saya, Bank Kerjasama ini chuma ada berhutang kepada Kerajaan sa-banyak \$9 juta lebih, dan wang yang ini semuanya belum lagi chukup tempoh bagi di-bayar, hanya ada sedikit sahaja hutang kerana pinjaman musim yang sa-banyak \$906,000. Ini telah pun di-beri oleh Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama bagi tempoh lanjutan dan dalam \$906,000 ini ada \$398,000 bagi pehak Bank Agong telah meminta supaya wang ini di-hapuskan, kerana wang ini lahir-nya ia-lah daripada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang dahulu yang telah di-hantar kepada Bank Agong untuk di-sampaikan kepada petani² dalam negeri ini dengan chara tergesa².

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya berharap kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu, jangan-lah membuat tuduhan hendak membusukkan Bank Agong yang banyak berhutang kepada Kerajaan, pada hal ada juga sharikat² kerjasama yang berhutang dan Kerajaan sanggup menghapuskan hutang² itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu muka 117, Pechahan-kepala 157—Maktab Kerjasama. Saya dengan sukachita mendapat tahu Yang Berhormat Menteri telah membuat pengakuan akan menyusun dengan langkah chara yang baharu bagi Maktab ini. Wang peruntukan sa-banyak \$127,775 ini sa-tahu saya selalu bagi pehak Perbendaharaan suka kerana wang itu tidak habis di-gunakan oleh Maktab, kerana bagi pehak Sharikat Kerjasama seluroh Malaysia ada menderma kepada Maktab ini 2% daripada keuntongan bersehas bagi memajukan Maktab ini.

Apa maksud saya, Tuan Pengerusi, saya berharap wang ini telah di-untokkan oleh Perbendaharaan kepada Maktab Kerjasama ini harap dapat di-gunakan bagi memberikan peluang kepada Ahli² Kerjasama di-seluroh tanah ayer kita ini bagi mendalamkan lagi pelajaran² sharikat kerjasama dan, kalau dapat, tolong-lah adakan Maktab Kerjasama, sama ada di-sebelah utara, atau di-selatan untuk memberikan pelajaran. Kalau-lah Maktab yang ada ini satu sahaja, tentu-lah tidak menchukupi dengan keadaan ramai-nya ahli² sharikat kerjasama di-dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya beralah kepada Bahagian Pertanian, muka 108, Pechahan-kepala 10—Zoo Negara. Saya dapat tahu Zoo ini pun, siapa hendak menengok sudah di-naikkan, dan di-harapkan wang peruntukan yang sa-banyak \$6,000 ini dapat di-gunakan bagi menambah binatang² yang ada di-dalam-nya itu dan saya menchadangkan supaya Yang Berhormat Menteri dapat membuat sebuah Pekan sa-hari dekat Zoo itu supaya orang² kampong yang datang melawat, bukan sahaja orang kampong, tetapi pelanchong² daripada luar negeri dapat menengok keadaan tempat itu dengan terator dan baik.

Pada muka 108, Pechahan-kepala 15—Perbelanjaan Pentadbiran kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Peruntukan sa-banyak \$1,269,746 ini, pada pendapat saya ada-lah kechil peruntukan yang di-beri kepada FAMA, kerana perjuangan FAMA ia-lah hendak membela nasib petani² di-seluroh tanah ayer kita. Pernah kita semua melaongkan ada-lah tanah ayer kita ini tanah ayer yang hijau warna-nya ia-itu tumbuhan² tetapi nasib petani² selalu tidak bagitu dapat di-bela.

Saya mengaku bukan tidak di-bela, tetapi belum lagi sampai perengkat yang di-kehendaki. Umpama-nya kaum tani yang bekerja sawah pada hari ini, saya tidak tahu negeri sa-belah utara, tetapi di-sebelah selatan, kebanyakan menggunakan kerbau dan bajak lagi. Jadi saya harap pada Yang Berhormat Menteri menchari satu jalan untuk

membuat Peruntukan, walau pun berjuta ringgit supaya dapat membeli, munukar daripada bajak dan kerbau ini kepada jentera untuk menyenangkan petani² bagi membanyakkan hasil padi di-dalam negeri ini. Kalau-lah kita berchakap sahaja hendak memajukan petani, tetapi tidak hendak mengubah chorak kedudukan nasib petani² seperti apa yang saya kata ini, kita akan lambat mendapat kemajuan dan saya perchaya beras yang kita janji yang hasil keluar daripada tanah ayer kita ini untuk tahun 1971 harus tidak dapat—ini saya mengagak sahaja, minta ma'af.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu muka 111, Pechahan-kepala 64—Menternak Ternakan (Kemajuan Ternakan). Ini ada-lah sangat menguntongkan kira-nya Kerajaan dapat membuat satu kawasan di-Melaka bagi membela terutama sa-kali kerbau, atau lembu di-kawasan yang bernama Bukit Sebokoh. Jadi kalau-lah ada Kerajaan membuat ranchangan seperti yang sudah² hendak memberikan kerbau kepada kaum tani atau orang kampung atau pun lembu, tidak-lah bagi pehak Pegawai Haiwan pergi terchari² di-dalam estate² untuk membeli kerbau, lembu supaya diberikan kepada petani².

Muka 114, Tuan Pengerusi, Pechahan-kepala 116—Bantuan Mata-benda kepada Mata² Khas. Peruntukan ini juga saya berharap mendapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya, di-Melaka ada satu Pasokan, ia-itu Persatuan Bekas Pasokan Keselamatan Negeri. Ini saya berharap mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri bagi memberi perlindungan dan pertolongan seperti mata² khas ini, kerana bekas Pasokan Keselamatan ini, saya tidak-lah hendak berchakap bagaimana korban-nya kepada negara.

Tuan Pengerusi, sekian, terima kaseh.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang di-pohon oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam Anggaran Belanjawan pada tahun ini. Mudah²an dengan sokongan dan keizi-

nan daripada kami Ahli² bangku belakang ini maka dapat-lah Menteri yang berkenaan membelanjakan sa-banyak \$24,106,632 oleh Kementerian-nya.

Saya ingin membuat sedikit tegoran berkenaan dengan perbelanjaan di-dalam muka 89, Butiran (122), ia-itu berkenaan Pembantu Pertanian Rendah di-bawah tajok Pelajaran Pertanian. Ini ia-lah berkenaan dengan usaha yang di-jalankan di-Kedah, ia-itu usaha di-bawah Ranchangan Luar Bandar yang bernama Gerakan Maju yang mana banyak daripada orang² kampung telah di-galakkan membersehhkan kampung² mereka dan rumah² mereka, dan menggunakan semua tanah² yang ada sa-keliling rumah-nya untuk berchuchok tanam untuk mendatangkan lebeh faedah kepada orang² kampung. Malang-nya nampak-nya ahli² daripada Pejabat Pertanian tidak-lah begitu mengambil bahagian di-dalam Gerakan Maju ini.

Apa yang saya tahu di-satu kampung di-Kedah, ia-itu bernama Kampung Kangkong, sa-lepas di-bersehhkan kawasan kampung-nya mereka telah menanam dua tiga jenis pohon yang tidak mendatangkan faedah yang begitu banyak.

Umpama-nya mereka ini telah menanam pokok buah delima dan juga pokok sireh. Buah delima yang ditanam ini apabila berbuah, nampak-nya masam sedikit dan tidak dapat dijual. Begitu juga sireh ini bukan-lah mustahak untuk kesihatan mereka. Jadi, kalau-lah dapat nasehat daripada Pembantu Pertanian Rendah yang mana peruntukan sa-banyak \$26,256 ini telah di-buatkan di-dalam Anggaran ini, mereka dapat menasehatkan orang² kampung ini untuk menanam barang² yang akan mendatangkan keuntungan kepada mereka, maka tersangat-lah elok kita memberi peruntukan ini. Apa yang saya chadangkan ia-lah supaya pegawai² ini menasehatkan kepada orang² kampung yang mengambil bahagian di-dalam Gerakan Maju ini supaya menanam barang² yang di-gunakan pada hari² untuk makanan mereka; umpama-nya bawang atau pun ubi benggala yang mana kita tahu bahawa barang² ini di-impotkan daripada luar

negeri. Kalau-lah barang² ini di-tanam maka ini akan mengurangkan belanja orang² kampung dan tidak-lah mereka akan membazirkan tanah yang ada kapada mereka untuk menanam bahan² atau pun buah²an yang tidak dapat di-jual atau pun mendatangkan faedah wang atau pun zat yang lebeh kapada diri mereka.

Tuan Pegerusi, di-dalam muka 96, di-bawah Bahagian (ii), ia-itu Chawangan Menternak Ternakan, peruntokan sa-banyak \$50,718 di-beri kapada Pegawai Penyelidekan. Di-bawah rancangan ini saya perchaya pegawai² ini bersangkut dengan usaha² memajukan ternakan macham² bina-tang. Di-Kedah sana sekarang ini banyak-lah kerbau lembu yang ada di-sawah². Pada masa yang akan datang ini kerbau² ini tidak akan di-guna saperti yang di-gunakan dahulu. Jadi, nampak-nya kalau di-bela sahaja kerbau ini untuk bekerja di-dalam ladang tidak-lah akan mendatangkan faedah. Masa telah tiba untuk Kement-erian Pertanian memikirkan ber-kenaan dengan menternak kerbau lembu, ini untuk daging atau pun susu daripada mereka. Nampak-nya di-Kedah ternakan kerbau lembu ini di-biarkan begitu sahaja dan tidak di-jalankan dengan sa-chara yang terator. Tiap² sa-orang peladang yang ingin membela kerbau, atau lembu, ada-lah satu atau dua ekor yang di-lepas begitu sahaja pada masa² yang bendang itu sudah penoh dengan pokok² padi. Pada masa padi penoh di-dalam bendang, maka dapat-lah mereka ini tinggalkan kerbau lembu mereka di-dalam tem-pat² yang di-panggilkan tanah simpan kerbau lembu. Malang-nya tanah sim-pan kerbau lembu ini bukan-lah satu padang yang penoh dengan rumput yang mana boleh di-makan oleh kerbau lembu, tetapi ia-lah satu hutan rimba yang mana boleh jadi ada harimau yang boleh makan segala kerbau yang tinggal di-situ. Jadi, ini nampak kurang munasabah sedikit. Saya fikir kalau kita mesti belanja wang yang sa-banyak ini untuk pegawai² haiwan ini, maka mustahak-lah mereka ini meranchang-kan supaya tempat simpan kerbau lembu, di-gunakan untuk menanam jenis² rumput yang sesuai untuk meng-

gemokkan lagi kerbau lembu yang di-bela oleh orang² kampung, dan pega-wai² ini juga patut-lah berusaha supaya ternakan kerbau lembu ini di-jalankan dengan sa-chara yang mendatangkan keuntongan kapada orang yang mem-bela kerbau lembu ini. Pada masa² yang akan datang yang mana mereka akan menggunakan jentera untuk bekerja di-dalam sawah, maka kerbau lembu ini tentu-lah terpaksa di-tinggal lain dari-pada di-tempat sawah dan jikalau di-biarkan begitu sahaja tidak akan mendatangkan faedah yang chukup.

Di-dalam muka 108, Pechahan-kepala 8—Persatuan Penyelidekan Mengetin dan Menyejokkan Buah dan Sayer yang di-terjemah kapada bahasa Inggeris, "Fruit and Vegetable Canning and Freezing Research Station", saya kurang faham ada-kah station ini men-jadi persatuan tetapi walau bagaimana pun peruntokan yang di-buat di-sini ia-lah sa-mata² \$435 saya kurang faham ada-kah \$435 ini menchukupi untuk membuat research yang mana bahan² buah² dan sayoran² dapat di-masokkan ka-dalam tin, atau pun di-sejokkan. Ini ia-lah satu usaha yang boleh men-datangkan faedah yang banyak kapada negara kita dan kalau ini chuma di-beri peruntokan sa-banyak \$435 ini ber-ma'ana-lah tidak ada tujuan daripada pehak Kementerian mengadakan sa-barang research yang patut di-buat.

Di-bawah kepala ini juga peruntokan sa-banyak \$1,269,746 di-peruntokkan kapada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Sa-tahu saya, Lembaga ini berkehendak lebeh banyak wang dari-pada peruntokan yang telah di-perbuat, dan saya ingin menerangkan kapada Yang Berhormat Menteri, ia-itu dengan ada-nya FAMA sahaja telah pun men-datangkan keuntongan kapada petani² yang lebeh daripada peruntokan yang di-buat ini. Saya tahu sa-belum ada FAMA ini, padi di-jual di-Kedah dari-pada harga \$10 sa-hingga \$13, pada masa musim menuai. Ini ia-lah dengan kerana pada musim menuai, padi ter-lampau banyak dan semua orang ber-kehendakkan wang dan padi di-jual dengan harga yang murah. Pada sekarang ini di-tahun 1967-1968, ini

padi di-jual dengan harga \$21 pada satu pikul, berma'ana peladang² dengan ada-nya sahaja Lembaga Pemasaran ini telah dapat keuntungan yang dua kali ganda daripada dahulu. Jadi kalau kita darap keuntungan pada satu² pikul ini kepada beberapa banyak pikul yang di-keluar oleh Negeri Kedah, ini telah menunjukkan bahawa dengan membelanja sa-banyak \$1,269,746, ini pun sudah mendatangkan faedah yang banyak. Jadi, patut-lah Kerajaan membelanja lebeh banyak daripada ini untuk FAMA kalau ini di-kehendaki oleh Lembaga Pemasaran Pertanian tadi.

Dalam muka 109, ia-itu berkenaan dengan Chawangan Penyelidik ada disebut berkenaan dengan Penyelenggaraan Seteshen Penyelidikan Tanah dan Ayer dan peruntukan sa-banyak \$33,000 telah di-buat. Sa-tahu saya satu daripada usaha² penyelidikan, ia-lah untuk menchari ayer yang chukup bagi tempat² yang selalu kering pada musim kemarau, tetapi nampak-nya *drilling apparatus* yang chukup berguna untuk menchari ayer ini tidak chukup ada kepada Kementerian ini. Saya harap-lah peruntukan ini di-guna untuk membeli lebeh banyak lagi *drilling apparatus*, atau pun Yang Berhormat Menteri dapat bermohon lebeh banyak lagi dalam anggaran tambahan untuk membeli lebeh banyak lagi *drilling apparatus* supaya ayer dapat di-beri dengan chukup kepada peladang².

Berkenaan dengan Pechahan-kepala 34, Kawalan Musoh² dan Penyakit Tumbohan², ia-itu berkenaan dengan Pest and Disease Control. Pada masa sekarang ini oleh kerana padi telah pun mula di-tanam dua kali di-Kedah, maka pada sa-lepas mengerat peladang² tidak dapat membakar perdu² padi yang tinggal, ini berma'ana bahawa tikus yang banyak di-sawah² tidak dapat menjadi lebeh banyak lagi daripada sekarang. Ada kala-nya saya dapati tikus² ini lebeh besar daripada kucing dan ini merosakkan padi pada musim yang akan datang. Saya harap-lah Bahagian ini dapat menumpukan usaha mereka untuk membunuh tikus² yang akan menjahanamkan padi kita

yang mana kalau di-biarkan, maka usaha kita untuk mengadakan tanaman padi dua kali akan gagal.

Di-bawah Pechahan-kepala 38, Pusat Latehan Ladang Berjentera, sunggoh pun peruntukan telah di-buat di-sini sa-banyak \$56,000 saya belum lagi dapat tahu, ada-kah banyak daripada peladang² yang telah di-beri latehan tentang menggunakan jentera² dalam kerja² ladang. Ini ia-lah satu usaha yang chukup mustahak pada masa sekarang untuk menyediakan peladang² pada masa² yang akan datang yang mana ranchangan Sungai Muda akan siap dan mereka akan menanam padi sa-tahun dua kali. Kalau mereka ingin tanaman padi sa-tahun dua kali, maka mustahak-lah mereka bekerja dengan chukup chepat dan menjaga waktu. Ini tidak dapat di-jalankan, kalau mereka menggunakan kerbau². Kalau mereka tidak di-berikan latehan tentang menggunakan jentera, maka tentu-lah usaha kita yang menelan belanja sa-banyak \$240,000,000 itu akan gagal. Juga didalam perusahaan melatehkan penggunaan jentera ini, saya ingin menarek perhatian Kementerian, ia-itu satu daripada jentera yang mustahak pada masa sekarang ini, bukan-lah jentera teng-gala, ia-itu jentera yang boleh dapat mengerat padi. Ini ia-lah satu perkara yang belum dapat lagi di-atasi oleh engineer² yang berkenaan. Kalau kita tidak dapat mengerat padi di-Kedah dan kalau kita maseh lagi berharap kepada orang² daripada Kelantan, atau pun daripada Patani untuk datang mengerat padi, maka masa yang akan di-gunakan oleh mereka itu sangat-lah panjang sa-hingga tidak dapat kita menanam sa-tahun dua kali. Dan juga orang² daripada Kelantan dan Patani tidak dapat datang ka-negeri Kedah sa-tahun dua kali. Mereka chuma dapat datang oleh kerana musim di-sabelah pantai timor tidak sama dengan musim sa-belah pantai barat, tetapi kalau sa-tahun dua kali tentu-lah satu musim itu sama dengan musim di-Pantai Timor. Jadi saya berharap-lah satu usaha di-jalankan untuk menchari satu jentera yang boleh mengerat padi dengan tidak mendatangkan kerugian kepada peladang².

Tuan Pengerusi, sa-takat itu sahaja-lah tegoran saya berkenaan dengan Kepala B. 12 ini dan saya harap-lah, saya perchaya dan saya menyokong penoh permohonan yang telah di-buat oleh Menteri Yang Berhormat. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, pertama sa-kali saya suka menyentoh muka 88, Bahagian Pertanian. Dalam bahagian pertanian ini, Tuan Pengerusi, perkara yang penting yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam ucapan pembukaan-nya dalam perbahathan Kementerian ini ia-lah menganeka-ragamkan tanaman, kerana dengan tidak ada-nya dan dengan kurang-nya usaha menganeka-ragamkan tanaman ini dan tidak di-usahakan sunggoh², maka masa depan negara kita ini menghadapi masa depan yang gelap. Chuma perkara yang harus dan patut mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri dalam perkara ini ia-lah sa-takat ini, sudah sampai sa-takat mana-kah usaha penyelidekan yang di-jalankan dalam menganeka-ragamkan tanaman ini. Dan sa-takat mana-kah atau sampai ka-mana-kah matlamat yang hendak kita chapai dalam menganeka-ragamkan tanaman ini. Ada di-bayangkan sadikit² sekarang bahawa pehak Kementerian Pertanian chuba memberi galakan kepada penanam kelapa sawit sa-bagai ganti kepada tanaman getah yang pada masa ini sudah hilang pasaran-nya. Tetapi jika-lau hanya matlamat kepada satu tanaman kelapa sawit sahaja tidak menepati kehendak daripada menganeka-ragamkan tanaman ini. Barangkali sadikit sa-banyak usaha di-jalankan untuk tanam tebu, tanam jagong dan membanyakkan tanaman padi kita dua kali sa-tahun dengan terator, tetapi ada banyak lagi matlamat² yang boleh di-ishtiharkan oleh pehak Kementerian dan di-jalankan penyelidekan sekarang ini juga, bukan hanya sa-takat kelapa sawit, tetapi ubi kayu barangkali ini tanaman baharu yang boleh di-luaskan pasaran-nya, tanaman kapas, kopi, teh dan lada hitam. Pada masa ini kita makan lada hitam yang di-tanam daripada tempat lain, barangkali Malaysia

Timor. Di-Malaysia Barat ini sa-takat mana-kah tanaman lada hitam ini boleh kita galakkan dan kita luaskan, kerana sa-tahu saya pada masa ini maka tanaman lada hitam ada sadikit² di-Johore; itu pun tidak begitu banyak. Pada hal banyak lagi usaha² pembukaan tanah yang hendak kita jalankan sekarang ini yang hanya kita bataskan kepada dua lapangan tanaman—getah dan kelapa sawit. Tetapi ini tidak pada keadaan, kerana mustahak-nya diperbanyakkan lagi jenis tanaman itu pada masa ini. Saya suka hendak memberi ingatan sadikit, Tuan Pengerusi, tentang kelapa sawit. Nampak-nya sekarang ini aliran kita suka hendak memperluaskan tanaman kelapa sawit dan kita sekarang menjadi negeri yang terbesar sa-kali mengeluarkan minyak kelapa sawit, tetapi kita jangan-lah jadi macham getah kita, jangan jadi pisang berbuah dua kali. Pada masa ini bukan sahaja Malaysia, tetapi di-Afrika juga menggalakkan kelapa sawit dan di-Amerika Selatan juga menggalakkan kelapa sawit, dan saya di-fahamkan bahawa minyak kelapa sawit ini tidak ada keistimewaan sa-bagai getah yang tidak boleh di-ganti oleh barang yang lain, melainkan baharu ini bila datang getah tiruan. Minyak kelapa sawit kalau tidak ada hendak buat sabun, minyak kacang pun boleh ganti, minyak² lain pun boleh di-gunakan; bila sudah berlaku over production. Saya takut nasib kelapa sawit akan mengalami sekali lagi sa-bagai nasib getah. Jadi dalam panduan yang di-beri oleh Jabatan Pertanian oleh pakar² pertanian kita dalam memperbanyakkan jenis tanaman ini, maka harus kita berhati² sadikit dalam meletakkan emphasis atau pun meletakkan pandangan kita yang berat kepada suatu tanaman itu dengan memandang pada masa hadapan. Oleh sebab itu saya berharap bahawa bukan sahaja kelapa sawit kita pentingkan, tetapi apa juga jenis² tanaman² yang patut kita pentingkan dan yang patut kita galakkan dalam segala ranchangan pembukaan tanah yang di-jalankan oleh Kerajaan kita pada masa ini, kerana kalau kita sekarang ini daripada getah kita pergi kepada kelapa sawit sahaja dan madaai dengan ini, maka saya rasa

tidak cukup lagi bagi keperluan negara kita yang makin besar dan makin membangun ini. Maka oleh sebab itulah saya sangat berharap usaha meng-aneka-ragamkan tanaman atau memper-banyakan jenis tanaman ini di-ambil berat sunggoh² oleh pehak pakar² pertanian kita supaya kita dapat ber-jumpa dengan tanaman² lain yang boleh mendatangkan hasil yang baik bagi negara kita ini menambah dan menokok kapada tanaman getah dan tanaman² kelapa sawit yang ada pada hari ini. Pada pandangan saya tanaman tebu, lada hitam dan kapas ada-lah jenis² tanaman lain yang mungkin kalau di-dapati sesuai dengan penyelidikan di-jalankan dan di-galakkan dengan sa-luas²-nya di-negeri kita ini.

Tuan Pengerusi, di-muka 87 tentang Pusat Pembangunan Penyelidikan Tek-nologi Makanan, maka saya merasai ini bahagian yang baharu di-adakan di-Kementerian ini semenjak sa-tahun yang lalu, dan ini suatu bahagian yang terpenting dalam Kementerian ini. Perkara yang penting-nya, Tuan Penge-rusi, ia-lah kita ada banyak hasil² tanaman yang perlu kita memproseskan hasil² tanaman ini untuk menjadi bahan² makanan yang cukup bagi negara kita ini, dan bukan sa-takat itu sahaja, tetapi juga untuk di-hantar keluar negeri (export) bagi membanyak-kan hasil negara kita ini. Tetapi pada pandangan sa-pintas lalu, usaha kita dalam perkara memproses bahan² makanan daripada hasil² tanaman kita ini berjalan dengan agak lambat sedikit, agak perlahan, kerana sa-benar-nya negara kita ini kaya dengan berbagai² hasil tanaman, buah²an ambil sahaja-lah, katakan rambutan. Dahulu bebe-rapa tahun yang lalu pehak RIDA pada masa itu ada pernah membuat usaha mengtinkan rambutan itu, tetapi oleh kerana barangkali beberapa kekurangan pada masa itu dan beberapa keadaan yang tidak dapat di-elakkan pada masa itu, usaha itu di-berhentikan sa-takat itu sahaja. Saya rasa rambutan ini satu buah yang tidak ada persaingan dengan negeri lain, jika kita kata nenas, kita ada banyak nenas, kita banyak meng-tinkan nenas keluar negeri, tetapi negeri lain juga ada tanam nenas, seperti Hawaii. Tetapi rambutan ini ada di-

negeri kita sahaja. Jikalau kita memberi pandangan dan perhatian yang berat dalam perkara mengtinkan rambutan ini sa-bagai suatu industri yang boleh di-besarkan dan di-lebarkan dan di-majukan dengan sa-baik²-nya, maka kita akan dapat suatu hasil baharu bagi meluaskan penyibaran rambutan ini di-dalam negeri dan lebeh² lagi di-luar negeri dan memang rasa rambutan itu lebeh lazat, pada saya, daripada lechi atau pun buah mata kucing atau buah² lain dan sa-bagai-nya.

Suatu perkara mengenai dengan kedudukan kita itu, Tuan Pengerusi, ia-lah kita, saya nampak di-negeri kita ini terlalu mewah dan terlalu sombong dengan adat² makanan kita. Kita makan kobis, ta' mahu makan kobis yang di-tanam di-Malaysia. Kita mahu makan kobis yang special yang di-impot dari Indonesia, di-impot dari luar negeri. Kita makan limau ta' mahu makan limau Malaysia, mahu makan limau negeri China. Bagitu punya mewah, bagitu punya sombong kita ini. Sayor² pun kalau hendak makan sayor² di-impot daripada luar negeri terutama bagi gulungan² yang agak ada wang sedikit. Saya rasa kita bukan patut mengimpot kobis dan sayor dan limau dan buah²an ini daripada luar negeri. Kita patut banyak menggalakkan di-perbanyakkan tanam kobis dan sayor dan limau ini supaya kita eksport segala sayor kita ini, kobis² kita ini dan buah limau kita itu keluar negeri dengan banyak-nya. Dan oleh itu, saya merasa sudah patut di-ambil langkah dari sekarang supaya di-kurangkan impot kobis dari luar negeri. Rasa kobis dari luar dengan kobis dari sini pun lebeh kurang, lebeh manis lagi kobis dari sini, kerana tanah ini tanah kita sendiri atau harus kita mengambil langkah supaya di-sekat impot² barang yang lagi berseri yang sudah ada di-dalam negeri kita ini dan sa-bagai itu. Dan saya rasa jika Kementerian Per-tanian membuka jalan ka-araf ini, maka banyak kebajikan yang kita dapat. Kita dapat menambah peng-hasilan sayor kobis, buah²an kapada negeri kita dan kita tidak menghilang-kan duit tukaran luar bagitu banyak, kerana mengimpot sayor², kobis² dan limau² daripada luar negeri.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, perkara yang saya hendak sentoh ia-lah muka 103, tentang Perikanan. Dalam hal perikanan ini, saya suka hendak meminta dan merayu supaya pehak Kementerian ini dan pehak Pejabat Perikanan menyusun suatu ranchangan yang rapi bagi menjaga kebajikan kaum nelayan di-musim tengkujuh, terutama di-Pantai Timor. Di-Pantai Timor dalam masa musim tengkujuh tiga bulan, empat bulan, berasmara-lah kaum² nelayan di-pantai timor itu dengan penderitaan. Kita harus memberhentikan kesah asmara dengan penderitaan ini dalam masa tiga empat bulan musim tengkujuh dan suatu ranchangan yang agak terator dan rapi patut di-susun bagi mengawal kebajikan kaum nelayan musim tengkujuh, sama ada dengan menyediakan jenis² perusahaan lain yang boleh mereka kerjakan sa-masa tiga bulan, empat bulan itu, bukan saya katakan Kementerian harus memberi bantuan duit terus-menerus kepada mereka, tetapi dapat di-usahakan kapada jalan yang boleh menghasilkan sedikit sa-banyak mata pencharian mereka lain daripada usaha di-laut dalam masa tiga empat bulan musim tengkujuh yang bermaharaja-lela di-Pantai Timor.

Perkara yang kedua yang hendak saya sentoh tentang perkara ini, Tuan Pengerusi, ia-lah saya pernah mempunyai pengalaman di-satengah² restoran di-negeri kita ini di-Kuala Lumpur, di-bandar² kita ini ada-lah berbagai², antara-nya hidangan tiram; hidangan tiram ini hidangan yang banyak di-suka² oleh sa-tengah orang, dan tiram² ini di-bawa daripada luar negeri ia-itu di-impot dan saya rasa tiram dapat di-pelihara di-negeri kita ini, tidak-kah dapat di-jalankan suatu jenis penyelidekan bagi menggalakkan pemeliharaan tiram di-negeri kita ini supaya kita dapat memenohi keperluan pasaran, keperluan restoran, tempat² makan dan keperluan selera orang² yang gemarkan tiram ini dan jenis² makanan saperti itu dan kalau boleh sa-hingga dapat kita menghantar juga tiram² ini ka-meja² restoran, di-Hong Kong, di-Tokyo di-mana² negeri di-luar negeri.

Saya rasa ini satu perkara yang dapat di-jalankan jikalau kita tahu chara yang sa-benar-nya bagi memelihara tiram di-negeri kita ini. Terima kasih.

Tuan Snawi bin Ismail (Seberang Selatan): Dato' Pengerusi, saya menyokong bagaimana peruntokan di-hadapan kita ia-itu bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama sa-banyak \$24,106,632. Dato' Pengerusi, buat memendekan masa—saya tidak-lah berchakap panjang—chuma saya menyentoh satu dua perkara sahaja ia-itu berkenaan dengan B. 12—muka surat 110 Pechahan-kepala 45—Menjaya dan menyelenggarakan Kebun Semaian Kelapa dan tapak² Semaian. Dato' Pengerusi, sa-bagaimana yang kita ketahui, Yang Berhormat Menteri Pertanian telah menerangkan bagaimana faedah yang besar yang di-jalankan pada hari ini, terutama sa-kali yang mendapat kejayaan, ia-lah untuk menanam kembali kelapa² di-mana pekebun² kecil yang telah tua digantikan dengan kelapa² yang baharu; sunggoh pun begitu, Dato' Pengerusi, bagi kawasan saya tidak ketinggalan juga, tetapi ada dapat chuma hanya satu Mukim sahaja—satu mukim yang luas-nya lebih kurang 2,000 ekar kelapa dan yang lain lagi, ia-itu tanaman getah. Tetapi memandangkan keadaan hari ini, Kementerian ini dengan giat-nya telah berusaha di-atas kemajuan² untuk menanam kelapa itu, hasil-nya pada hari ini saya telah nampak boleh di-katakan bertambah² maju pada hari yang ka-hadapan, tetapi memandangkan hal keadaan dengan 1,000 ekar sahaja, Dato' Pengerusi, saya berharap-lah bagi pehak Kementerian itu akan menambah satu dua Mukim lagi supaya dapat kita memberi menafa'at dan berfaedah kapada pekebun² kecil khas-nya yang mana tanam kelapa.

Pada hari ini saya memikirkan dengan ada-nya beberapa ranchangan terutama sa-kali ranchangan yang telah di-adakan pejabat², tetapi menjagakan 2,000 ekar, saya fikir tentu-lah, Dato' Pengerusi memakan belanja yang begitu banyak. Dengan ini-lah, saya merayu kapada Yang Berhormat Menteri minta di-tambahkan satu dua

Mukim lagi supaya kerja² itu akan berhasil.

Yang kedua, Dato' Pengerusi, saya menyentoh berkenaan dengan hal tali-ayer, muka surat 110—Bahagian Parit dan Taliayer. Taliayer ia-lah satu ranchangan yang memberi faedah terutama sa-kali bagi orang² kaum tani, penanam² padi. Kalau-lah tidak ada-nya ayer, tentu-lah tidak akan dapat faedah padi yang lebeh banyak. Saya tahu bagaimana Kerajaan Negeri telah memberi wang sa-banyak \$25,000 kepada pehak Pegawai Taliayer, Jajahan Krian, tetapi nampak-nya, Dato' Pengerusi, sa-tahun ka-satahun bagi pehak Seberang Prai telah mendapat ayer dengan begitu lambat. Jadi, saya harap-lah kepada terutama sa-kali bagi pehak yang berkenaan, Yang Berhormat Menteri, supaya dapat menyelenggara-kan sama peratoran² tanaman saperti mana di-Perak dengan Pulau Pinang—biar-lah di-beri sama.

Dan juga, Dato' Pengerusi, saya perchaya dengan kerana kegiatan penanam² padi pada hari ini, pada tempoh hari, telah membuatkan sa-banyak 1,300 ekar padi yang kedua musim, tetapi alhamdullillah sekarang dapat hasil-nya yang berlipat ganda daripada petani² biasa. Ini-lah yang saya merayu kepada pehak yang berkenaan Menteri beri-lah sokongan supaya ayer itu dapat kepada Perak, dan beri-lah juga Pulau Pinang supaya sama² dapat.

Yang ketiga, Dato' Pengerusi, berkenaan dengan hal kerbau pawah, baru² tadi sahabat sa-belah saya telah berchakap berkenaan kerbau pawah, kerana kerbau pawah ini ia-lah untuk memberi kepada orang² yang ada membuat tanah² sawah. Jadi, kerbau² ini di-bagikan kepada orang² yang samacham itu. Tetapi pada ranchangan yang permulaan boleh di-katakan, Dato' Pengerusi, kerbau itu yang di-bagi oleh Kerajaan boleh membuatkan sawah, tetapi pada sa-tahun ka-satahun nampak-nya kerbau itu di-bagi sa-habis² kurus—jadi tidak boleh buat sawah. Maka ini-lah saya minta siasat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, apa-kah sebab-nya makin sa-tahun makin kechil kerbau ini di-beri kepada orang² yang hendak membuat-

kan sawah. Saya ingat ini pun boleh jadi, Dato' Pengerusi, barangkali ada beberapa sebab, kerana saya dapat tahu yang membeli kerbau itu dengan jalan kontrek. Jadi kalau bagi kambing pun, kambing yang kurus; kalau bagi kerbau pun, kerbau tidak dapat buat sawah; tetapi terpaksa-lah juga orang kampung menerima, Dato' Pengerusi. Ini-lah, saya harap sangat² Menteri yang berkenaan menyiasat di-atas hal ini.

Yang ka-empat, Dato' Pengerusi, berkenaan dengan

Tuan Pengerusi: Saya dengar tadi ada dua perkara sahaja. Ini sudah sampai empat (*Ketawa*).

Tuan Snawi bin Ismail: Lagi satu, Dato' Pengerusi, minta ma'af. Muka 109, Pechahan-kepala (36), ia-itu Penyelidikan Luar, berkenaan dengan penyakit². Penyakit padi ini satu masalah yang boleh di-katakan pada sa-tahun ka-satahun menimpa bagi orang² yang menanam padi. Tetapi, dengan ada aduan² dan pengaduan² kepada pehak yang berkenaan pergi siasat sampai hari ini pun tidak dapat tahu ada-kah sebab padi itu boleh menjadi merah, dan apa-kah sebab padi itu mati. Ini pun satu perkara, Dato' Pengerusi, menjadikan kesulitan kepada penanam² padi, dan begitu juga saya harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya menyiasat perkara ini, kerana banyak tahun sudah, hantar pegawai penyiasat, tetapi penyiasatan itu tenggelam di-Kuala Lumpur; dia kata belum sampai jawab. Buat padi, kadang² datang juga penyakit. Ini satu masalah. Terima kaseh, Dato' Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.15 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.30 petang.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa
Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala B. 12—

Tuan Pengerusi: Saya suka mengingatkan Ahli² yang Berhormat, ia-itu Ahli² Yang Berhormat bolehlah berchakap sa-hingga pukul 6.30 hari ini, dan pagi besok Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menjawab.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong penoh di-atas perbekalan peruntokan yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Tuan Pengerusi, jika di-lihat kapada angka peruntokan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama yang berjumlah sa-banyak \$24,106,632 itu, bagi tahun 1968 ini, saya anggap adalah satu peruntokan yang sangat kecil, jika di-bandingkan dengan bilangan penduduk Malaysia yang sa-banyak 10 juta umat itu, ya'ani di-hitong panjang kapada satu kepala \$240.00 pada sa-tahun, atau 20 sen satu kepala pada sa-bulan. Pada hal, Tuan Pengerusi, kita sama² ketahu² bahawa Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini ada-lah nyawa ra'ayat dan kapada Kementerian ini-lah tali tempat ra'ayat bergantung. Mati hidup dan maju mundur ra'ayat ada-lah terserah kapada nasib mereka sa-jauh mana yang dapat Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini berjaya memberi perkhidmatan kapada ra'ayat memainkan peranan bagi kemajuan iktisad ra'ayat.

Tuan Pengerusi, Malaysia ada-lah negara pertanian dan kekal taraf itu hingga berpuluh² tahun ka-hadapan, tetapi jika di-perhatikan kapada peruntokan ini hanya sa-orang Menteri sahaja yang bertugas untuk Malaysia Timor dan Malaysia Barat. Bagi memecahkan beberapa masalah kemajuan dalam Kementerian ini khas-nya di-Malaysia Timor, saya shorkan supaya Kementerian ini mengadakan lagi sa-orang Timbalan Menteri daripada bumiputra Malaysia Timor dan bagitu juga hendak di-adakan sa-buah chawangan jabatan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama hendak-lah juga di-tubuhkan di-Malaysia Timor

yang mana lebih luas bumi-nya daripada Malaysia Barat. Jadi, saya perchaya, Tuan Pengerusi, dengan bertambah-nya kerja² di-masa yang akan datang, kalau hanya dengan sa-orang Menteri sahaja, maka tentu-lah tidak dapat kita hendak melichinkan perkhidmatan² kapada ra'ayat di-dalam negara Malaysia ini. Kalau peruntokan² yang lebih besar yang telah kita berikan, umpama-nya dalam Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan, dan Kementerian Kesihatan yang mana akan merupakan satu pertahanan, maka saya anggap Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama ini juga-lah sa-bagai benteng pertahanan untuk mempertahankan negara daripada bahaya² komunis. Jika sa-kira-nya ra'ayat kebuloran, ra'ayat tidak dapat pendidekan dan ra'ayat tidak dapat menchapai taraf hidup yang tinggi, maka ada kemungkinan bahawa bahaya² komunis tidak dapat kita mempertahankan. Jadi, oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan bagi tahun yang akan datang peruntokan bagi Kementerian ini hendak-lah di-lipat gandakan lagi daripada apa yang ada pada tahun ini.

Tuan Pengerusi, menyentoh saya pada muka 87—Pusat Pembangunan dan Penyelidikan Teknologi Makanan. Di-sini pun nampak saya tidak ada perubahan yang besar bagi tahun 1968 ini. Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah satu chawangan yang maha penting bagi negara pertanian saperti Malaysia membuat berbagai² penyelidikan saperti membotol ayer tebu, saperti ayer buah chiku, saperti ayer buah jambu dan lain² lagi. Dan di-pehak Kementerian hendak-lah membuat ladang² perchubaan daripada jenis buahan² yang saya sebutkan tadi dan sa-ribu satu macham buah² yang lain lagi. Satu daripada yang harus kita membuat penyelidikan pada masa ini ia-lah ubi kemili. Jika di-selideki dan di-buat research yang sunggoh² saya perchaya ubi kemili boleh menggantikan ubi kentang yang mana akan menambahkan lagi makanan bagi negara kita Malaysia yang mana ra'ayat-nya sa-makin sa-tahun sa-makin bertambah.

Bagitu juga, Tuan Pengerusi, menyen-
toh di-muka 90—Chawangan Penye-
ledekan, tidak juga besar peruntokan-
nya, pada hal di-sini-lah nyawa
kemajuan bagi negara pertanian seperti
Malaysia. Masalah yang besar yang
sedang di-hadapi oleh ra'ayat pada hari
ini bagaimana dapat kita membasmi-
kan penyakit pokok² yang sa-makin men-
jadi², umpama-nya penyakit pokok
limau chembol, penyakit pokok mem-
pelam. Dua jenis pokok buahan² ini
boleh mendapat hasil yang baik bagi
ra'ayat, lagi sangat mudah hidup dan
subor di-bumi kita. Tetapi apa yang
telah terjadi, manakala satu tahun
pokok itu berbuah, maka bermacam²
penyakit yang datang menyerang-nya,
akhir-nya pokok² itu mati. Tetapi, Tuan
Pengerusi, jika Tuan Pengerusi menye-
berang sahaja ka-bumi Thailand
umpama-nya Padang Besar Thailand,
pada hari Ahad, kita terkejut melihat
buah², seperti buah limau chembol,
mempelam, buah pedara dan ber-
macam² buah² di-jual di-Pasaran
Minggu itu dan mutu-nya baik. Dan
mereka mengimpot pula buahan² itu
ka-utara Malaysia. Apa-kah kita tidak
dapat buat demikian dan di-mana letak
kelemahan itu. Di-dalam peruntokan
research ini, pada butiran (136) muka
90—Ahli Kaji penyakit Tumbuhan²
hanya ada 9 orang sahaja. Dan di-muka
91—Ahli Agronomi 32 orang bertempat
di-ibu pejabat, apa hal di-negeri². Di-
dalam usaha membasmi penyakit
tumbuhan² ini, saya mengeshorkan sa-
kurang²-nya kita harus ada mempunyai
100 orang pakar yang akan membuat
research membasmi penyakit² po-
kok² di-merata negeri di-Malaysia ini
yang lengkap dengan ma'amal² dan
perkakas² yang serba moden. Saya
perchaya baharu-lah dapat kita meng-
hapuskan segala penyakit tumbuhan²
itu dan dalam penyakit padi saya juga
menyokong shor yang telah di-kemuka-
kan oleh Wakil dari Larut, ia-itu
dengan menggunakan menyembor ubat
dengan kapal terbang Tentera Udara
di-Raja Malaysia, kerana saya rasa
negeri Perlis dan Kedah tentu-lah tidak
susah, kerana kita ada mempunyai
pengkalan kapal terbang Udara di-Raja
Malaysia di-Kepala Batas, Alor Star,
yang menjalankan latehan pada tiap²

hari tidak kurang daripada 20, 30 buah.
Jadi saya perchaya dengan kerjasama
daripada tentera, maka dapat-lah mem-
beri pertolongan yang besar kepada
petani² di-dalam usaha kita membasmi
penyakit² yang menyerang pokok tum-
bohan seperti padi.

Dato' Pengerusi, beraleh saya kepada
muka 93—Bahagian Parit dan Taliayer.
Semua-nya saya ucapkan terima kaseh
di-atas perkhidmatan Pengarah dan
kaki-tangan, tetapi apa yang saya suka
hendak menyebutkan di-sini berkenaan
dengan kemajuan² Ranchangan Perojek
Sungai Muda. Oleh kerana Perlis juga
ada-lah sa-bahagian daripada Ran-
changan itu.

Dato' Pengerusi, Perlis pada hari ini
sangat berkurangan tanah² bendang.
Ranchangan Sungai Muda itu terlalu
banyak memakan tanah untuk tapak²
saloran parit dan taliayer. Jadi dengan
banyak-nya terkena pengambilan tanah
untuk tapak² parit dan taliayer ini,
maka banyak-lah menjadi kesukaran²
kapada petani² yang ada mempunyai
tanah, saya kata dalam empat ekar
pada sa-orang, tetapi kalau ranchangan
ini di-kenakan tengah² empat ekar itu,
maka tanah yang empat ekar itu tidak
akan boleh di-gunakan apa lagi. Jadi
saya merayu-lah kapada Yang Ber-
hormat Menteri supaya dapat menim-
bangkan dengan menjimatkan dan
mengechilkan dengan sa-boleh²-nya
pengambilan untuk tapak yang akan
kita gunakan bagi saloran parit dan
taliayer itu supaya dengan kita menji-
matkan hal yang demikian, maka
dapat-lah kita menjamin taraf nasib
petani kita bagi masa yang akan
datang.

Beraleh saya pada muka 111—
Bahagian Kemajuan Sharikat Kerja-
sama. Maka di-sini banyak-lah, Dato'
Pengerusi, yang telah di-suarakan oleh
rakan² saya di-dalam Dewan ini ber-
kenaan dengan kelemahan dan ber-
bagai² pandangan terhadap sharikat
kerjasama. Apa yang saya hendak
menyebutkan di-sini, Dato' Pengerusi,
apa yang telah berlaku di-dalam
negeri Perlis yang mana heboh telah
di-perbincangkan terutama sa-kali
penduduk² luar bandar di-merata²
tempat di-dalam kedai² kopi berkenaan

dengan kehilangan wang sa-banyak \$50,000 di-dalam Sharikat Kerjasama Pegawai² Kerajaan Negeri Perlis dan apa yang saya telah dapat tahu bahawa kerani yang bertugas di-dalam sharikat itu telah pun di-suspend, atau di-berhentikan kerja, tetapi belum ada apa² tindakan² lagi yang telah di-ambil. Jadi dengan hal yang demikian ada-lah menjadi satu rachun bagi perkembangan kemajuan sharikat kerjasama di-dalam negeri Perlis. Jadi saya berharap-lah kepada Menteri Yang Berhormat supaya perkara² yang samacham itu jangan-lah di-biarkan berlautan yang akan menjadi buah mulut kapada orang² kampong yang sa-patut-nya akan menjadi satu chontoh, tetapi dengan kejadian² yang telah berlaku seperti yang saya sebutkan itu, maka sangat sukar-lah kita hendak memberi satu nafas baharu kapada perkembangan dan kemajuan sharikat kerjasama di-dalam negeri Perlis dan saya berharap dengan bersungguh²-nya dan merayu dengan bersungguh²-nya kapada Menteri yang berkenaan supaya mengambil pandangan yang berat di-atas apa yang saya sebutkan itu supaya mudah²an sharikat kerjasama kita di-masa yang akan datang akan lebeh berkembang maju lagi daripada apa yang ada pada hari ini.

Dato' Pengerusi, akhir-nya saya hendak menyentoh di-muka 112—Bahagian Perikanan yang mana kita sama² ketahu² bahawa Malaysia adalah sa-bidang tanah yang di-kelilingi oleh laut dan perikanan ada-lah menjadi satu mata pencharian yang akan boleh membawa dan meninggikan taraf ra'ayat dari satu masa ka-satu masa bagi masa yang akan datang.

Dan bagitu juga Bahagian Pertanian, Pechahan-kepala 87—Penyelidekan. Apa yang harus kita jalankan pada hari ini, ia-lah membanyakkan lagi pakar² di-dalam hal-ehwal penyelidekan terutama ikan². Saya tahu, Dato' Pengerusi, sa-masa saya kechil² dahulu apabila orang² tua kita hendak ka-laut, mereka boleh meneka, jika mereka memandang jenis² bintang yang munchul di-langit, di-sini ada ikan. Dan bagitu juga mereka dapat meneka bahawa sekian haribulan ka-mana aros

ini deras dan ka-mana aros bawa mereka. Bagitu-lah chaman orang tua² kita di-masa yang telah lalu, tetapi di-masa sekarang ini saya juga pernah bersama² dengan ahli pukat tunda pergi ka-laut, melihat chara mereka itu menangkap ikan, apa yang telah berlaku. Jadi anak² buah yang ada di-dalam pukat tunda ini terutama sa-kali Taikong dan lain² lagi, mereka tidak dapat membuat tekaan seperti mana yang saya sebutkan tadi, melainkan manakala sampai di-tempat di-tengah² laut tadi, labohkan pukat tunda tadi, mereka itu tarekkan pukat tunda dengan buta tuli sahaja, akhir-nya tidak dapat ikan. Manakala tidak dapat ikan, mereka lari balek ka-pantai, maka di-sini-lah timbul pergadohan dengan nelayan² kechil di-pantai dengan orang² yang menjalankan pukat tunda.

Jadi apa yang saya hendak minta pada Menteri yang berkenaan, oleh sebab Ranchangan Pukat Tunda ini ada-lah menjadi satu daripada Ranchangan Kemajuan Malaysia, maka harus-lah terutama sa-kali pekerja² yang menjalankan pukat tunda itu di-beri latehan dan di-beri pelajaran bagaimana yang sa-harus-nya mereka itu menangkap ikan² ini dan bagaimana pula mereka itu boleh mendapat satu panduan bahawa dan dengan keadaan yang demikian, mereka boleh dapat ikan. Jadi, dengan yang demikian dapat-lah kita memecahkan beberapa masaalah yang kusut yang selalu terjadi perbalahan di-antara pukat tunda dan dengan pukat pantai, dan baharu² ini kita telah dengar satu ranchangan pukat tunda di-Pantai Timor telah gagal. Jadi saya tidak-lah hendak menyentoh panjang berkenaan dengan perkara itu apa yang saya berharap kapada Yang Berhormat Menteri Pertanian supaya penyelidekan ini hendak-lah di-buat dengan bersungguh²-nya dan di-beri latehan yang chukup kapada mereka² yang hendak menjalankan pukat tunda ini. Jadi dengan yang demikian, maka dapat-lah mereka² yang menjalankan pukat tunda itu akan mendapat keuntungan yang lebeh mewah lagi dan yang lebeh banyak lagi tangkapan² daripada apa yang mereka lakukan sekarang ini.

Dan pada akhir sa-kali, Dato' Pengerusi, saya juga menguchapkan ribuan terima kaseh kepada Menteri yang berkenaan, kerana beliau telah dapat memecah satu masaaalah yang paling rumit sa-kali di-dalam kawasan saya, ia-itu di-Kuala Perlis. Pada masa yang telah lalu Kerajaan Perlis telah mengharamkan pukut tunda, tetapi dengan jasa baik dan usaha Yang Berhormat Menteri, maka sekarang nampak-nya Kerajaan Negeri ini menerima rancangan pukut tunda itu dan saya berharap-lah supaya Yang Berhormat Menteri dapat membuat lawatan kasana sa-kurang²-nya dalam bulan April, atau bulan May supaya dapat memberi penjelasan yang lebeh panjang lagi berkenaan hal yang tersebut dan saya perchaya penduduk² di-Kuala Perlis akan menerima nasihat daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk menjalankan perusahaan itu.

Jadi, setakat itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kaseh.

Tuan Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I notice there are no separate estimates for West and East Malaysia under the Agriculture Division, page 88. So I presume these estimates are for the whole of Malaysia. However, Sir, I wish to touch very briefly on the cultivation of padi in Sarawak.

Sarawak is an agricultural State with vast areas of uncultivated land, which can be utilised for food production, particularly padi not only for Sarawak itself but for Malaysia as a whole. During his visit to Sarawak last year, our Prime Minister was struck with the idea to turn Sarawak into the granary of Malaysia. Not long after the departure of our Prime Minister from Sarawak, two Japanese experts came and made a feasibility survey on the suitability of padi cultivation in Sarawak. As a result, they confirmed that vast areas of land in Sarawak are suitable for padi cultivation.

Sir, rice is our staple food. Millions and millions of dollars are being spent for the importation of rice into Malaysia every year. Our Prime Minister, with his far-sightedness, has got the

idea to make Malaysia self-sufficient in rice which is very important for our nation's economy. Therefore, I suggest that adequate funds should be provided in the estimates for agricultural development in Sarawak and I would strongly urge the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives to follow up the feasibility survey by the Japanese experts and to take positive steps for the early implementation of our Prime Minister's idea to turn Sarawak into the granary of Malaysia. Thank you, Sir.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, this Ministry, which is the backbone of the country, I am a little disappointed to note, has been allocated a very small sum in comparison to the national expenditure. The sum allocated here is only \$24,106,632. I am sure if more money were allocated to this Ministry, more research could be done and we would be able to save in the way of foreign exchange at least ten times that amount.

My colleagues have spoken on the variety of fruits that are available in Malaysia. I had the pleasure of visiting MAHA during the exhibition and saw the display of various fruit juices produced from local fruits. But, unfortunately, they have not been given sufficient publicity so that the man-in-the-street could buy local fruit juices, instead of having to buy fruit juices that are imported. I would like to make a suggestion to the Ministry and to the Treasury that much greater amounts should be allocated for research not only in the way of growing more padi and rubber but also in the way of how to utilise our fruits and how to can our fruits and particularly more publicity should be given to the people of this country for them to realise the value of local fruits. I am sure many of us would know what is the value of an apple, or grapes, or imported oranges, what vitamins they have, what minerals they have, but not sufficient publicity is given to the value of fruits which are fresh, which are very much cheaper and if used more extensively would give employment to our people.

Next, Sir, I would like to speak on Items (329), (334) and (336)—under the Co-operative Development Division. The Co-operative Societies act as saving banks of the wage earners and also the people in the kampongs and in the rural areas. We have the impression that some of these Co-operative Societies are too small to be properly managed. Perhaps it would be worth considering by the Ministry as to whether some of the smaller Co-operative Societies could be amalgamated into bigger units. The next point, Mr Chairman, Sir, is the audit of these societies. We have been told in the House that some of the societies have not had their accounts audited for a long time. This naturally will tend to reduce the confidence of the persons connected with these societies and it might also lead to malpractices, because, unless the accounts are regularly audited there is a great temptation and even if there is no temptation, the confidence is undermined. Thank you, Sir.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh di-dalam Kementerian ini, muka 110, Pechahan-kepala 52—Menyenggara dan Menjalankan Ma'mal Haidrol. Di-dalam Kementerian ini, bagi pendapat saya, Jabatan Parit dan Taliayer ini-lah menjadi satu nadi utama bagi Kementerian ini menjalankan Kementerian dan tugas-nya sabagai melaksanakan segala chita² yang di-kehendaki di-dalam Kementerian ini. Oleh yang demikian peruntukan yang telah di-adakan di-sini sa-banyak hanya \$56,000 bagi tahun ini untuk menyelidek dan menyelenggarakan kaedah dan keadaan ma'mal. Saya rasa terlalu lah sedikit, kerana kalau di-pandang dan di-kaji sa-halus²-nya sudah sampai masa dan sa-mesti-nya Jabatan Parit dan Taliayer patut mengadakan ma'mal yang besar²an untuk mengkaji sa-mula dengan sa-dalam², mengambil perhitungan segala aspek penghidupan, pengertian dan kaedah keadaan di-dalam negara kita ini. Memandang kapada begitu pesat-nya pembangunan yang kita jalankan di-dalam negara ini, baik di-dalam bandar, mahu pun di-

luar bandar dan bagitu banyak kehendak² ra'ayat di-dalam menggunakan ayer. Ayer ada-lah satu bahan menghidupkan segala²-nya dan dengan tidak ada ayer maka segala²-nya tidak boleh hidup. Bagitu juga kalau ayer itu sudah terlalu banyak, maka ayer ini juga menjadi bahaya. Apa-kah ma'ana-nya sa-telah kita mengharong sa-bagitu luas, sa-telah kita membena bagitu jauh, tiba sa-kejap masa di-datangi oleh bah dan banjir segala-nya musnah.

Jadi, oleh yang demikian, saya berharap kapada pehak Kementerian akan membesarkan lagi dan mengkaji samula kaedah dan keadaan kedudokkan Jabatan Parit dan Taliayer supaya mengubah dan merombak kaedah dan keadaan mengikut kehendak² negara kita yang ada pada hari ini. Dan yang paling saya khuatir sa-kali ia-lah kalau-lah di-tempat saya, kawasan saya di-Kuala Langat, boleh-lah di-katakan kawasan datar. Di-permukaan sungai, di-permukaan pembuangan ayer, kalau-lah ayer ini tidak dapat di-sekat, tidak dapat di-perlahankan harus-nya turun, maka di-kawasan² yang lembah dan datar ini sudah tentu sa-kali musnah. Oleh yang demikian, saya berharap sunggoh² keadaan Jabatan Parit dan Taliayer hendak-lah di-perbesarkan dan jawatan² yang ada pada hari ini hendak-lah di-tambah mengikut kehendak dan keadaan Jabatan² yang bertanggung-jawab di-atas semua aspek kaedah dan keadaan penghidupan di-dalam negara kita yang maju ini.

Beraleh saya kapada muka itu juga, Pechahan-kepala 65 dan 69—Bayaran Pawah Kerbau dan Lembu; Belanja bagi Pelateh² Bahagian Pelajaran Haiwan. Di-sini, Tuan Pengerusi, saya berharap di-dalam memberikan pawah lembu, kerbau dan sa-bagai-nya tengok²-lah tempat-nya yang hendak kita sampaikan haiwan² yang tertentu, kerana ada sa-paroh² haiwan yang kita berikan pawah itu ada ketika dan kala-nya merosakkan tanaman² di-tempat itu. Ada kala-nya memperbaiki, jadi saya berharap, kalau-lah tempat itu tidak mempunyai banyak lubok², banyak sawah², jangan-lah di-sampaikan

pawah sa-bagai di-pawahkan kerbau, kerana kerbau akan membuat lobang dan merosakkan segala tanaman². Berihal saperti lembu, kambing, atau pun babi. Dalam soal memberi pawah babi, ini juga menjadi persoalan kita, oleh kerana terpaksa-lah kita memberi satu chara kawalan untuk memberi pawah babi ini. Hendak-lah ada kawalan saperti mengadakan kandang² yang tertentu, tempat² yang tertentu, tidak-lah berkeliaran di-seluruh kebun orang, di-lepaskan begitu sahaja. Saya rasa didalam pawah ini-lah kerumitan bagi orang² kampung untuk menerima, oleh kerana memikirkan jiran² mereka kaedah² dan keadaan pawah² yang disampaikan pada mereka sekalian.

Pechahan-kepala 69—Belanja bagi Pelateh² Bahagian Pelajaran Haiwan. Di-sini di-samping kita memberikan pawah kepada petani², kepada orang² kita kampung, saya rasa lebeh menasabah dan lebeh baik sa-belum kita hendak sampaikan haiwan itu kepada-nya, maka kita terlebeh dahulu memberikan sa-banyak sedikit Pelajaran dalam mendidik dan menjaga haiwan² yang hendak kita berikan kepada-nya, kerana banyak kali sa-bagai yang telah di-bangkitkan oleh sahabat saya di-sabersang sana ia-itu ada ketika-nya lembu itu kurus dan terus mati. Ada ketika-nya lembu ini baik, maka baik-lah ia, dan sa-bagai-nya. Jika ada pelajaran² yang di-turunkan kepada mereka untuk menerima pawah ini maka saya perchaya, walau macham mana kurus sa-kali pun tentu-lah mereka dapat mengatasi supaya dapat berunding dengan Pegawai² Haiwan Tempatan.

Muka 114, Pechahan-kepala 116 dan 117—Bantuan mata-benda Mata² Khas.

Di-sini, Tuan Pengerusi, peruntukan untuk memberi bantuan kepada mata² khas sa-banyak \$48,000, Pinjaman Pemulehan untuk Mata² Khas sa-banyak \$13,000. Saya suka mengambil perhatian bagi pihak yang berkenaan di-dalam memberi bantuan di-dalam kita memberi segala pertolongan kepada mata² khas ini, saya rasa jangan-lah kita hanya melepaskan sa-sudah kita menyampaikan bantuan itu sahaja. Maka bantuan itu-lah yang dapat di-

gunakan-nya, kerana kerap kali menjadi pengalaman bagi diri kita. Bantuan yang kita bagi terus-menerus dengan tidak ada kaitan ini tidak berfaedah. Yang saya maksudkan di-sini ia-lah sa-kira-nya kita mengadakan satu kumpulan bantuan untuk memberi perkampungan, kepada mata² khas; maka kita berikan-lah bantuan untuk menyelenggarakan pekebun itu sa-chara langsung, maka di-situ kita berlepas tangan, kita tidak ada meninjau, mengarah, mengasoh, mendidik bagi mereka untuk menjalankan tugas bagi menjayakan kebun mereka. Dan ini kebanyakan, bukan saya katakan semua, kebanyakan pekebun² mata² khas ini selalu gagal, selalu tertinggal, selalu habis wang Kerajaan begitu sahaja. Jadi apa yang saya harapkan ada badan dan ada jawatan dan ada pejabat yang mengendali dan mengelolakan mata² khas ini. Jadi saya berharap badan ini dapat mengikuti, mengikuti jejak langkah, mengikuti perkembangan badan² mata² khas ini bagi memperbaiki kedudukan mereka, kerana kita tahu mereka hanya bertugas pegang senjata pagi, pegang senjata petang dan pegang senjata malam. Maka banyak-lah perkara² kekurangan mereka yang mereka tidak dapat mengalami dan tidak dapat memahami. Di-sini-lah saya berseru supaya bantuan ini jangan-lah di-lepaskan terus-menerus dengan tidak ada kaitan, dengan tidak ada pandangan sama sa-kali. Hendak-lah kita berikan bimbingan yang sewajar-nya.

Bagi akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya juga berasa susah hati bila saya melihat Menteri saya sana dudok sa-orang², Menteri Pertanian, dan beliau juga sa-orang Menteri yang rajin bekerja tak tahu siang dan malam. Maka saya rasa sudah sampai-lah masa-nya bagi pihak kita menimbangkan—pagi tadi sudah di-sebutkan oleh sa-orang sahabat saya mengatakan untuk mempertimbangkan jawatan sa-bagai sa-orang Menteri Muda, dan di-sini pula memang sudah ada peruntukan di-dalam Parlimen, Setia-usaha Parlimen yang maseh kosong. Pada hari ini saya berharap dipenohkan dengan segera supaya kerja² yang di-tugaskan kepada beliau dapat

di-jalankan dengan segera dan pesat. Sekian, terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja bagi menyokong Anggaran perbelanjaan yang di-tuntut oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian tadi. Yang pertama sa-kali saya bangkitkan, Tuan Pengerusi, ia-itu saya mengharapkan supaya di-adakan di-masa akan datang Kerajaan menambah peruntokan bagi Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama. Kalau sekarang ada \$24 million, maka yang lagi akan datang di-tambah separoh daripada-nya. Ini alasan² yang telah di-beri oleh sahabat² saya tadi.

Yang kedua, saya menyokong-lah supaya Kementerian ini di-adakan Menteri Muda sa-bagaimana yang di-kehendakkan oleh sahabat saya yang baharu sa-bentar tadi dan juga sahabat saya daripada Perlis Selatan. Kalau benar² Kerajaan hendak melihat kelichinan dan kebaikan pentadbiran dalam Kementerian ini, saya kasehan kapada Yang Berhormat Menteri bagaimana juga yang telah di-katakan oleh sahabat saya dari Ulu Langat tadi.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, ranchangan Kementerian ini, ia-lah menambah hasil pertanian. Tujuan-nya supaya meninggikan taraf hidup petani², tetapi saya nampak, tidak akan berkesan, tidak akan sempurna kira-nya tidak di-sertakan dengan pemasaran dan memperoses barang² tanaman daripada petani². Oleh itu, menurut hemat saya Kementerian ini hendak-lah bekerjasama dengan rapat pada sa-tiap masa dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Pada tahun ini bagaimana yang kita sedia ma'alum 79 buah kilang perintis akan di-tubuhkan di-Malaysia. 19 daripada-nya kerana memperoses barang² makanan. Saya harap dalam mendirikan kilang² kerana memperoses makanan ini akan dapat di-tentukan oleh Jabatan Pertanian ini di-mana kawasan² yang sesuai untuk di-tanam barang² bagaimana yang di-kata oleh sahabat saya saperti jagong, dan juga ubi kayu, kacang tanah, sebab perkara yang macham ini, ra'ayat sekarang memang menyahut seruan Kerajaan,

sudah tanam jagong 20, 30 ekar tetapi bila hendak di-pasarkan, bila hendak jual kadang kala ta' ada dapat pasaran.

Jadi dengan ada-nya kilang memperoses barang makanan ini kawasan itu kita boleh istiharkan kawasan ini, kerana bertanam jagong sa-luas 3,000 ekar dan di-situ akan di-adakan kilang memperoses barang makanan daripada jagong, bukan sahaja jagong ini boleh di-makan oleh manusia, Tuan Pengerusi, boleh juga di-makan oleh haiwan. Sekarang makanan haiwan dalam negeri ini, kita beli daripada luar negeri. Jadi kemajuan² yang sa-umpama ini dapat di-besarkan pada tahun yang akan datang.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, dalam Jabatan Penyelidek Tanam²an ini, saya minta supaya Kementerian ini menyelidek; ada dua perkara yang sudah ta' sesuai lagi yang ada dalam Jabatan Pertanian, ia-itu rambutan dan durian kawin. Rambutan kawin yang di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian itu, ia-itu jenis 7, atau jenis 4, bila kita hendak jual di-pasar, ta' ada harga lagi, kurang harga-nya dan juga rambutan kawin. Rambutan kawin yang di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian itu, betul lekas berbuah, tetapi bila dia berbuah mengkal, berbuah-nya ta' boleh lebeh daripada 20, kalau 30 sudah tersekat. Jadi ada lebeh baik di-kaji balek, di-beri peluang kapada peladang² kita supaya menanam durian asal, walau pun memakan masa yang lama.

Saya gemar menyatakan, Tuan Pengerusi, rambutan yang baik, yang sesuai bagaimana yang ada dalam Negeri Johor nama-nya Klon 156—rambutan kuning dan rambutan merah. Rambutan ini besar, 12 biji satu kati. Bila di-pasar lawan dengan rambutan Kerajaan, rambutan jenis yang dapat di-selidek oleh orang luar itu, boleh di-jual 13 sen, tetapi rambutan Kerajaan hanya 7 atau 6 sen sa-kati. Rambutan yang saya katakan itu, Tuan Pengerusi, buah-nya besar, bulu-nya jarang, isi-nya tebal, biji-nya kechil dan manakala di-siram dengan ayer, dia lekas segar bulu-nya. Jadi dalam tujuh lapan hari dia ta' kechut. Saya kata rambutan ini sesuai

sangat supaya di-ambil alih oleh Jabatan Pertanian.

Berchakap saya dalam Jabatan Parit dan Taliayer dengan sa-chara rengkas sahaja, Tuan Pengerusi, Jabatan ini patut meluaskan penyiasatan, terutama sa-kali yang saya hendak tujukan parit dan taliayer yang patut di-siasat dan di-selideki dan di-ambil tindakan bagi negeri kita Johor, terutama sa-kali kawasan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Negeri Johor sekarang menjadi satu negeri yang malang, di-ulu sana Negeri Pahang, tebang hutan, bersehekan sungai, ayer-nya datang ka-dalam negeri Johor. Jadi kalau tidak di-betulan ini, ra'ayat negeri Johor akan bertambah menimpa mala-petaka berhubung dengan banjir. Terutama sa-kali baharu² ini bagaimana Tuan Pengerusi tahu, 50,000 ra'ayat negeri Johor yang di-serang oleh banjir, ayer dari mana? Ayer datang daripada Pahang. Satu daripada-nya kawasan Tuan Pengerusi sendiri.

Tuan Pengerusi: Betul itu?

Tuan Ahmad bin Arshad: Betul. (Ketawa) Tuan Pengerusi, saperti yang di-Yong Peng, Sungai Bekok, Parit Sulong dan juga macham Sungai Tanjong Semerong, berhubung dengan kawasan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kita di-Pontian, ayer ini semua sa-kali datang ayer yang mengejut, ayer yang ta' di-sangka² datang. Jadi saya harap Kerajaan supaya menitek beratkan penyiasatan parit dan taliayer, dalam negeri Johor bagaimana yang telah saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, bila saya sebut parit dan taliayer ini, ada satu kawasan di-Tanjong Semerong; mereka tanam padi 3,000 ekar daripada sa-belum perang, bertanam padi di-tempat itu, dan mereka minta supaya Kerajaan mengadakan parit dan taliayer, tetapi sehingga sekarang ta' dapat di-buat; padahal mereka ini orang-nya rajin, padi yang di-tanam sekarang chuma dapat satu ekar 100 gantang, 150 gantang; itu pun menunggu ayer daripada atas langit. Kalau bagini rajin dan ada dia punya minat hendak bersawah, kenapa Kerajaan tidak boleh

mengadakan parit dan taliayer dalam kawasan yang saya sebutkan tadi? Keadaan penduduk tempat ini saya sangat hiba, Tuan Pengerusi—Tuan Pengerusi pun tahu. Sa-lain daripada mereka bertanam padi, mereka pergi menangkap ikan di-sungai, kemudian kena pula bala lagi kena banjir, pokok getah-nya habis mati, kemudian tanam²an-nya juga mati. Jadi dengan hal yang macham ini, saya harap dapat perhatian daripada Kementerian ini.

Berhubung dengan muka 99, Bahagian Kemajuan Kerjasama. Saya hendak berchakap sedikit sahaja dalam perkara ini. Sharikat Kerjasama ini pada masa sekarang, bagaimana yang telah di-chakapkan oleh sahabat² saya, patut Sharikat Kerjasama di-luar bandar hendak-lah di-chantumkan dengan Persatuan Peladang. Hanya boleh di-hidupkan Sharikat Kerjasama ini di-dalam bandar, di-luar bandar hendak-lah di-chantumkan kepada Persatuan Peladang. Sebab, orang kampung sudah jemu, Tuan Pengerusi, dengan keadaan Sharikat Kerjasama² ini yang tidak boleh memberi jaminan menambahkan mata pencharian hidupnya.

Dengan ada-nya Persatuan Peladang yang akan di-tubuhkan oleh Kementerian ini, bagaimana pengumuman yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, dia kata tiap² daerah akan di-adakan Persatuan Peladang dan mungkin tiap² mukim akan di-adakan. Jadi, dengan ada-nya Persatuan Peladang di-mukim² itu, Sharikat² Kerjasama ini kita masokkan dalam Persatuan Peladang. Ini tidak merunsingkan orang ramai. Orang ramai lebeh tertarek hati kapada Persatuan Peladang. Mereka sudah bosan dengan keadaan sharikat² kerjasama.

Ada satu masaalah dalam sharikat kerjasama² ini, Sharikat Kerjasama Kilang Padi. Mereka ada duit \$10-15 ribu, bila hendak beli jentera, kata Pegawai Sharikat Kerjasama, tidak boleh beli, kerana kamu punya sharikat undang²-nya tidak membolehkan membeli jentera bajak. Jentera di-minta dengan Jabatan-nya tidak dapat. Minta dengan Kerajaan tidak dapat. Dia ada wang dalam Sharikat Kerjasama Kilang

Padi itu tidak di-bolehkan membeli jentera. Ini satu masaalah yang dialami oleh Sharikat Kerjasama Kilang Padi di-kawasan saya seperti di-Gersek, kawasan Yang Berhormat Muar Dalam, di-Kesang Tasek, di-Telok Riba. Bila mereka hendak membajak sawah, tidak di-benarkan oleh Pegawai Sharikat Kerjasama. Ini, satu perkara yang saya fikir Sharikat Kerjasama² ini tidak begitu menguntungkan, walau pun hendak di-ubah Sharikat Serba-guna, hendakkan ahli sampai 100 orang. Hendak chari ahli 100 orang ini pun, orang² sudah gusitan sekarang ini.

Lagi satu, Tuan Pengerusi, muka 110 berhubung dengan Bahagian Memuleh Tanaman Kelapa. Ini sangat baik, tetapi dalam pandangan saya, Negeri Johor telah ada, ia-itu di-Parit Botak namanya. Orang² dari negeri Johor mengucapkan banyak terima kaseh. Apa yang jadi satu kesulitan, patut-nya kita membekalkan beneh² kelapa ini bukan hanya pada mereka yang masok dalam ranchangan menanam kelapa sa-mula sahaja, bahkan sa-siapa juga petani² kita yang mempunyai grant kelapa, hendak menanam kelapa sa-mula, kita beri peluang kepada mereka. Ini, orang yang luar daripada kawasan menanam kelapa itu, hendak beli beneh kelapa daripada tempat memuleh, tidak ada, tidak ada peruntukan. Jadi, hal yang sa-macam ini, saya fikir patut di-fikirkan, ia-itu di-tambah beneh² kelapa daripada pusat² ini, patut di-tambah, di-banyakkan. Bukan-nya mereka minta free, mereka bayar duit \$1 satu pokok, saya tahu, Tuan Pengerusi, tetapi bila hendak beli jawab pegawai tempat itu, tidak dapat, kerana kita penohi kepada penanam² kelapa sahaja yang kawasan-nya telah di-khaskan.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, ia-itu dalam Penyelenggaraan Sekolah Pertanian. Sekolah Pertanian bagaimana yang telah di-chakapkan oleh sahabat saya dari Kuala Kangsar, fasal apa Pusat² Pertanian ini yang mengambil kursus itu kebanyakan-nya orang muda², atau wanita² sahaja, orang dewasa sangat kurang. Menurut hemat saya, hal ini patut di-kaji balek, sebab kita beri mereka itu kursus di-tempat ini sa-lama 21 hari. Bagi

pehak peladang² meninggalkan rumah tangga 21 hari itu, satu perkara yang berat pada mereka. Jadi, mata pencharian hidup mereka 21 hari itu sudah tersekat. Jadi, saya memberikan pandangan dalam masaalah ini, kita beri mereka itu kursus pertanian ini sa-lama 5 hari, lepas itu, sa-bulan lagi kita sambong lagi 5 hari. Kemudian, lagi satu bulan, kita sambong lagi 5 hari. Jadi, mereka peladang² ini tidak-lah dapat dia meninggalkan kerja dia, sa-lain daripada menambah ilmu pengetahuan dalam pertanian, dapat dia menchari ikhtiar menambah mata pencharian hidup.

Kemudian, dalam Pusat² Pertanian ini, sekarang, Tuan Pengerusi, saya nampak sa-tengah² tempat itu mereka tidor di-atas papan, tidak apa-lah. Memang orang peladang macham itu, tetapi ada sa-tengah negeri pula, dia beri tilam dunlopillow, ada sa-tengah pula chuma tidor di-atas lantai, kemudian tempat-nya sempit. Jadi, saya fikir patut di-kaji, mana Pusat² Pertanian yang sempit itu, di-luaskan, dan di-berikan dia bilek bacaan dan kawasan² untuk permainan. Jadi, dengan ini bukan sahaja mereka itu dapat kelapangan dalam masa menerima kursus itu, dalam hal pertanian, tetapi dia dapat pula menambah pengetahuan-nya dalam bidang² yang lain.

Ada satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu berhubung dengan pawah kerbau tadi bagaimana yang telah di-chakapkan oleh rakan sa-jawat saya dalam bahagian Haiwan ini, memang sangat baik. Saya sokong, kalau dapat di-tambah lagi wang-nya di-berikan kepada peladang² kita ranchangan pawah. Yang menjadikan kesulitan kepada ra'ayat berhubung dengan haiwan ini, ia-itu kalau mereka ternak ayam, hendak memasarkan ayam itu, kurang dapat pasaran. Kadang² dapat harga murah. Jadi, dengan itu saya harap Kementerian ini, kalau dapat mengarahkan supaya ada kilang² membuat kari ayam, kari tin, ayam kari di-tinkan. Jadi, ada di-Penang, tetapi ada juga di-Negeri Johor umpama-nya, ra'ayat tidak dapat mengetahui dengan penoh-nya ada kilang² yang sa-umpama

ini. Kadang² ayam yang mereka pelihara itu tidak dapat di-jual dengan harga yang baik.

Tadi ada sa-orang Ahli Yang Berhormat telah cheritakan berhubung dengan tiram, kata dia. Saya fikir dalam penyiastan ini, satu perkara yang patut di-perhatikan, ia-itu membiakkan penyu. Sekarang cherita penyu sudah senyap, sudah senyap, Tuan Pengerusi. Fasal apa, saya pun hairan. Padahal penyu itu-lah yang boleh meninggalkan nama Malaysia. Penyu dari mana, penyu dari Malaysia. Jarang² ada penyu dari negeri lain. Jadi, saya harap, untok hendak membiakkan, hendak membanyakkan telur penyu² ini, patut di-ambil perhatian supaya bukan sahaja menjadi satu hasil kepada bumiputra yang chenderong dalam bahagian ini, tetapi dapat menjadi hasil kepada negara.

Jadi, saya fikir itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Masa sudah pukul 6.30 petang.

Dewan bersidang sa-mula sa-bagai Majlis Meshuarat.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya hendak ma'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan, 1968, telah sampai pada Kepala B. 12, Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama dalam Jadual Rang Undang² ini.

PENANGGOHAN

(USUL)

Tuan Khaw Kai-Boh: Tuan Yang di-Pertua, saya chadangkan ia-itu Majlis Meshuarat di-tanggohkan sekarang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

KEKURANGAN KEMUDAHAN² DI-KAMPONG KASIPILLAY

Dr Tan Chee Khoo (Batu) (dengan izin): Mr Speaker, Sir, I regret that I have to keep this House longer than

6.30; it is not my wish to do so, but, unfortunately, I am forced to do so. This House will remember that I had put down this Adjournment Speech for the 19th of November, but on the 18th of November the Government in its wisdom decided "That this House at the conclusion of all Government business shall stand adjourned *sine die*". Consequently, I have to make my speech this evening.

Mr Speaker, Sir, today I wish to speak on Kampong Kasipillay which is a large settlement on the other side of Kenny Hill and in which there are several hundreds living without the amenities enjoyed by many of the heaven-born living in Kenny Hill. I have several times in the past asked questions about the dire need of amenities in this kampong but almost nothing has been done, and the residents there have been left to fend for themselves as best as they could.

At present there is only one entrance to the kampong through an old Bailey Bridge over the river, and I gather that bridge is in a very dangerous condition and it might well collapse if the traffic over it is too heavy. The roads are narrow and are in a most deplorable condition, filled with pot-holes and are impassable in the rainy season because they are subject to floods owing to poor drainage. But worst of all, is the poor sanitation and rubbish strewn about. Rubbish is piled sky high and they never seem to be removed or, if collected, they are only collected spasmodically. Why are large rubbish bins not provided for in this kampong as in other parts of Kuala Lumpur?

I have been assured several times that street lights would be put in the kampong but up to now, I regret to say, that despite all the assurances of the Minister made in this House and the Written Answers to the Questions that I had asked, no street lights have been put up in this kampong as yet, and the place is in total darkness in the night and has become a haunt of thieves and robbers.

I cannot understand, nor can the residents understand why they should

be treated as outcasts, while on the other side in Kenny Hill, the residents enjoy the best amenities and facilities. I venture to suggest that if a calculation is made, the people in Kasipillay Kampong is paying more in assessment than the people in Kenny Hill. Yet the people of this kampong get little or no amenities at all.

The people in the kampong gaze at the wonderful street lighting along Jalan Kuching, and the new dual carriage way to Ipoh Road alongside Kenny Hill, where nobody seems to walk. Again, Jalan Duta is overlighted although there does not appear to be a single dwelling house on either side. It serves no purpose at all, except that of driving away the courting couples from their usual haunt. This is a perfect waste of the tax-payers money; whereas there is an immediate and urgent need for street lighting in Kampong Kasipillay as I have indicated.

There is something basically wrong in the administration of the Federal Capital. Under the Municipal laws the Federal Commissioner has so many ways of improving the roads in the kampong but he has not taken any action despite my pleas on behalf of the residents there. Daily, plans are being approved for putting up new buildings in the area. Why are plans approved without making adequate provision for roads and why is the Federal Commission unable to take over and maintain the roads? I believe the stock answer of the Federal Commissioner is that these are private roads and hence it is not the business of the Federal Commissioner to maintain or improve the roads. That, I believe, is the legal position. But the people of Kasipillay Kampong are not interested in these legal niceties. They quite rightly say that they pay rates, and if they pay rates they should get at least some amenities in return for the rates that they pay.

With the rubbish not being removed regularly, the poor drainage leading to floods and stagnant water, it is small wonder that the kampong abounds with mosquitoes. If this is allowed to con-

tinue, it is likely that there may well be an outbreak of malaria in this suburb of Kuala Lumpur.

I would like to point out to the Minister for Local Government and Housing, and more particularly to the Commissioner for the Federal Capital, that there is a blatant discrimination in favour of the rich and against the poor in this kampong.

The residents of Kampong Kasipillay, who number several hundreds, are entitled to a better deal from the Commissioner for the Federal Capital. I submit that the Federal Commissioner should make an attempt to make this kampong a model kampong as being a truly Malaysian one. It is not a kampong of Indians, as the name indicates. It is a kampong where Indians, Chinese as well as Malays live harmoniously and peacefully together. There are also many Government servants who live there either in their own homes or in rented homes. They are there because the Government is unable to provide them with quarters. As such, they are entitled to the same deal as residents in other places. I, therefore, urge the Minister to call on the Commissioner for the Federal Capital to give this kampong the urgent attention that it merits. Thank you.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh): Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah selalu membawa aduan² mengenai Kampong Kasipillay di-Dewan ini. Saya suka hendak memberitahu kepada beliau sejarah rengkas kampong tersebut sa-belum saya menjawab hujah² yang beliau telah bangkitkan. Kerja² berupa pembenaan sementara telah di-mulakan sejak sa-belum perang lagi. Keadaan bertambah lebeh burok pada masa pemerentahan Jepun, manakala lebeh banyak bangunan² sementara telah di-dirikan. Untok membolehkan perjalanan keluar masuk ka-kampong tersebut, pendudok²-nya telah membena sa-buah jambatan di-atas Sungai Batu. Sekarang kerja² pembenaan rumah² di-kampong itu telah pun dapat di-kawal, tetapi pemilek² kechuali sa-bilangan yang

kecil sahaja, tidak datang ka-hadapan untuk mendirikan bangunan² yang kekal. Apabila jambatan kayu yang di-bena oleh penduduk² tidak dapat lagi di-gunakan dengan selamat, sa-buah Jambatan Bailey telah di-bena oleh Pasokan Tentera dan penjagaan jambatan ini sudah pun di-ambil oleh Perbandaran. Jalan² raya di-kampung itu termasuk Jalan Kasipillay sendiri ada-lah "leboh² bersendirian". ia-itu di-dalam bahasa Inggeris-nya "private streets" dan ini tidak-lah di-jaga oleh Perbandaran. Tanggong-jawab menjaga jalan² raya (private streets) terletak ka-tas pemilek² tanah di-selabel-menyebelah jalan² raya tersebut. Saya harap hal ini ada-lah jelas kepada Ahli Yang Berhormat itu, kerana di-bawah Ordinance Perbandaran, Perbandaran tidak boleh bertanggung-jawab tentang leboh² persendirian.

Perbandaran telah beberapa kali berusaha dengan tujuan hendak membena jalan² raya di-kawasan itu, tetapi oleh sebab masaalah² berkaitan dengan pengambilan tanah, maka rancangan kerja² pembenaan jalan raya di-kawasan itu belum lagi dapat di-laksanakan. Baharu² ini sa-orang pembena rumah persendirian telah memohon untuk melakukan pembangunan di-dalam satu kawasan di-kampung itu, dan salah satu syarat kelulusan bagi perancangan itu, ia-lah bahawa pembenaan itu hendak-lah membuat sa-batang jambatan concrete melintangi Sungai Batu bagi mengekalkan jalan keluar masuk ka-kampung itu dari Jalan Ipoh. Jambatan ini sedang di-bena dan sa-baik² sahaja kerja itu selesai Perbandaran akan memulakan tatacara syarat² kerja leboh persendirian, ia-itu dalam bahasa Inggeris "private streets work procedure" untuk membena jalan raya di-kawasan tersebut. Ada-lah juga maksud Perbandaran untuk menggantikan Jambatan Bailey yang saya sebutkan tadi dengan sa-buah jambatan concrete.

Mengenai tuduhan kekurangan kemudahan² di-Kampung Kasipillay, saya ingin menyatakan bahawa sa-bagaimana di-jelaskan tadi, Perbandaran telah pun mengambil alih penjagaan Jambatan Bailey, salah satu daripada beberapa

banyak kemudahan yang di-beri kepada kawasan tersebut. Perbandaran juga mengadakan perkhidmatan² mengangkut sampah, kawalan anti-malaria, penebasan semak², penjagaan parit², tanah serta lain² kemudahan yang di-beri kepada pembayar² chukai lain.

Mengenai Jambatan Bailey yang ada sekarang ini, ia-nya di-dapati sempit dan mempunyai muatan yang terhad sa-banyak 5 ton sahaja dan perlu pula di-selenggarakan dengan selalu-nya. Baharu² ini jambatan itu telah pun sa-banyak sedikit di-perbaiki dan sa-bagaimana yang telah saya sebutkan tadi, jambatan ini akan di-roboh sa-lepas sahaja pembenaan sa-buah jambatan concrete itu siap kelak. Jambatan concrete itu sekarang ini hampir siap.

Mengenai jalan² raya yang berlubang² keadaan itu telah terjadi kerana jalan² raya tersebut tidak di-bena mengikut taraf² mutu Perbandaran, dan sa-baik² sahaja pembena rumah persendirian yang saya sebutkan tadi menyiapkan kawasan-nya, Perbandaran akan membena jalan² raya di-kawasan itu di-bawah "private street works procedure", dan perbelanjaan-nya kelak akan di-tuntut daripada pemilek² tanah di-selabel menyebelah jalan raya yang berkenaan itu. Jalan persendirian telah di-masokkan dalam rancangan pembenaan dan pekerjaan membena akan di-mulakan tahun ini.

Tentang perkara lampu jalan, oleh kerana jalan² raya itu ada-lah kepunyaan persendirian, Perbandaran telah tidak mendirikan lampu² jalan di-situ. Walau bagaimana pun pertim-bangan akan di-beri bagi mendirikan lampu² jalan apabila jalan² raya di-bena nanti.

Saya tidak sedar tentang banjir yang selalu berlaku di-kawasan itu. Walau pun begitu, saya sedar tentang bah² kecil yang kadang² berlaku di-kawasan rendah di-tebing sungai Batu akibat ayer yang tertahan jalan-nya di-sepanjang sungai itu. Soal pamaritan sungai itu ada-lah sekarang ini perkara siasatan pakar² dari Canada.

Tidak-lah benar untuk di-katakan bahawa Pesurohjaya Ibu Kota tidak

memberi perkhidmatan² sa-bagai balasan kepada chukai² yang di-kutip. Saperti penduduk² di-tempat² lain, penduduk² di-Kampong Kasipillay adalah juga menikmati perkhidmatan² serta kemudahan² saperti berikut:

Pembuangan sampah, dan pembuangan najis.

Kawalan anti-malaria.

Perkhidmatan Bomba.

Klinik Kanak² dan ibu² hamil di-Kuala Lumpur.

Taman² Bunga di-ruang² lapang di-bandar.

Tanah² Perkuboran.

Kolam Mandi.

Kawalan Kesihatan 'awam di-bandar.

Pasar², membersehh bandar.

Kawalan tikus, mengawal anjing².

Kemudahan² Dewan Bandaran.

Sungguh pun sa-tengah² kemudahan di-atas tidak terletak di-dalam kawasan itu sendiri, tetapi ada-lah juga dinikmati oleh penduduk² Kampong Kasipillay itu. Tentang penjagaan jalan raya perbelanjaan-nya bukan-lah di-bayar daripada bayaran chukai pintu yang di-kutip, tetapi dari wang peruntukan penjagaan jalan raya daripada Kerajaan Pusat. Sa-lepas sahaja sa-

suatu jalan raya itu di-jadikan jalan² raya 'awam, ia-nya akan di-jaga dengan wang peruntukan tersebut.

Ada-lah di-terangkan, ia-itu jumlah chukai pintu yang di-bayar oleh pemilek harta ada-lah di-hetong atas peratus yang di-tetapkan dengan berasaskan kepada jumlah anggaran sewaan yang di-jangka boleh di-dapati dari sa-tahun ka-satahun. Oleh sebab itu, sa-barang factor saperti kekurangan kemudahan di-kawasan itu dan sa-bagai-nya mesti pun akan terbayang di-dalam sewaan yang di-jangka akan di-dapati dan sa-terus-nya akan juga terbayang di-dalam nilai tahunan.

Oleh itu kedudukan Kampong Kasipillay tidak-lah begitu gelap sa-bagaimana yang di-gambarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu. Kemudahan² yang ada sekarang ini akan di-perbaiki lagi pada masa akan datang. Oleh yang demikian soal "no taxation without representation" yang di-perkatakan itu tidak-lah timbul sama sa-kali, terima kaseh.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua:
Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 10.00 pagi besok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.50 petang.